

DN.22.5.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 22 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Tuan Appala Naidu a/l Rajoo.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sehingga bilakah Kad Pintar Pelbagai Guna akan digunakan secara menyeluruh oleh rakyat Malaysia; dan
- (b) apakah fungsi-fungsi yang dimasukkan ke dalam memori kad tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat;

- (a) Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan (KPPK) mula diperkenalkan di kawasan Lembah Klang pada bulan April

tahun 2001 dan dijangka akan digunakan sepenuhnya di seluruh negara pada tahun 2003 .

- (b) KPPK mempunyai lima aplikasi iaitu selain daripada aplikasi kad pengenalan, KPPK juga mengandungi aplikasi lesen memandu, imigresen, kesihatan dan e-cash. Dari masa ke semasa aplikasi ini boleh ditambah mengikut keperluan dan permohonan daripada pihak-pihak yang berminat.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian berkaitan dengan kad pintar. Baru-baru ini kami di peringkat Dewan Negara telah pun diminta untuk membuat kad pintar di Bilik Jawatankuasa No. 3. Masalahnya, saya daripada golongan Orang Asli tidak dinyatakan bangsa saya dalam kad pintar. Apabila saya masukkan saya sebagai orang Melayu, dalam orang Melayu mesti ditulis perkataan "Islam". Ramai di kalangan Orang Asli yang memang bukan Melayu dan kebanyakan juga bukannya Islam, dia Melayu asli. Ramai suruh saya jadi orang Melayu. Itu dalam definisi orang putih "proto Malay". Memang kami orang Melayu. Tetapi dalam kad pintar yang jadi masalahnya, bukan sahaja saya menerima masalah, malah rakan saya daripada Thai pun begitu, hendak tulis bangsa kami sebagai Orang Asli tidak boleh. Hendak tulis bangsa Thai pun tidak boleh. Kalau kami bertukar kepada bangsa orang Melayu, ada ramai di kalangan Orang Asli yang hendak tulis bangsa Melayu tetapi mereka juga bukan Islam, sebab bila tulis Melayu mesti Islam, pun tak boleh masuk dalam kad pintar. Jadi, bagaimanakah kedudukannya keadaan kami yang seperti saya dan rakan-rakan saya yang bukan dikategorikan sebagai orang Melayu, Cina dan India dan bagaimana kedudukan kaum-kaum minoriti lain yang ada di negara ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pengenalan kad pintar ini bukan untuk menukar sebarang identiti individu daripada asal ianya dilahirkan. Kad pintar merupakan penerusan daripada kad pengenalan yang biru lama sejak daripada tahun 1948 dan mana-mana rakyat yang diakui sebagai warganegara dalam negara ini apabila ianya dilahirkan, ianya mesti mendaftar kelahirannya dan mengikut kehendak-kehendak yang terdapat dalam ruang pengenalan yang diperuntukkan dalam surat daftar lahir. Berasaskan kepada surat daftar lahir inilah maka apabila ianya cukup umur untuk mendapat kad

pengenalan maka perkara-perkara yang berkaitan dengan individu yang berkenaan dimasukkan ke dalam kad pengenalan yang berkenaan.

Penerusan daripada kad pengenalan yang berkenaan inilah sama ada ianya sejak tahun 1948 atau ianya bermula daripada tahun 1958 dan seterusnya dimasukkan rekod dan pengenalan diri dalam kad pintar yang berkenaan. Tambahan yang baru dalam kad pintar ialah aplikasi-aplikasi yang telah saya sebutkan tadi, bukan identiti orang yang berkenaan, dan identiti orang yang berkenaan, individu ini akan diteruskan dalam identiti yang terdapat dalam kad pintar.

Pengenalan kad pintar ini untuk memberi kemudahan kepada pembawa ataupun identiti individu ini untuk dimasukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan identiti individu bersangkutan dengan perkara-perkara lain. Itu sahaja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lamakah tempoh yang akan diberikan kepada rakyat umum untuk membuat pertukaran kad pintar tersebut. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, telah saya sebutkan tadi bahawa pengenalan di kawasan Lembah Klang ini bermula daripada bulan April dan pengenalan ke seluruh Malaysia bermula daripada 2003. Kita akan teruskan kemudahan memberi kad pintar ataupun kad pengenalan bentuk baru ini kepada rakyat sampai ianya selesai ataupun selagi ada rakyat baru yang memerlukan kad ini, kita akan keluarkan. Kerana seperti saya biasa menjawab di Dewan Rakyat, seperti juga pendaftaran lahir ianya tidak boleh diberhentikan selagi rakyat di negara kita ini masih melahirkan anak, dan kad pintar ini tidak akan diberhentikan selagi ada rakyat kita yang dikehendaki menukar kad pengenalan asal kepada kad pintar.

2. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian bagi mengatasi masalah penceroboh sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan termasuk laman web yang sebahagian besarnya milik agensi kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli pada 23 Mei 2001 iaitu esok kerana isu yang dibangkitkan menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lima strategi telah diambil untuk menangani isu keselamatan ICT sektor awam iaitu:

- penubuhan Bahagian Keselamatan ICT Awam. Bahagian Keselamatan ICT di MAMPU, Jabatan Perdana Menteri telah mula beroperasi pada 1 Jun 2000. Salah satu fungsi utama bahagian ini adalah menjalankan program audit keselamatan;
- merangka dasar keselamatan ICT sektor awam bagi menerangkan:
 - (a) keperluan melindungi aset ICT kerajaan;
 - (b) kaedah perlindungan;
 - (c) objektif dasar keselamatan;
 - (d) prinsip-prinsip keselamatan;
 - (e) skop perlindungan; dan
 - (f) tanggungjawab ketua jabatan.
- merangka garis panduan keselamatan ICT sektor awam bagi menjelaskan :
 - (a) pengurusan langkah-langkah keselamatan;
 - (b) isu-isu operasi teknikal;
 - (c) isu-isu perundangan; dan
 - (d) senarai semak dalam bentuk template bagi memudahkan agensi awam mengambil inisiatif awam.
- Pelaksanaan program audit keselamatan sektor awam. Program tersebut terbahagi dalam dua bahagian iaitu:-
 - (a) Program audit bertujuan untuk memperkukuh pematuhan terhadap rangka dasar keselamatan ICT dan garis panduan keselamatan ICT sektor awam serta mengenal pasti jurang pematuhan; dan
 - (b) Program audit infrastruktur ICT bagi menilai keteguhan dan kelemahan infrastruktur ICT dan pengoperasian struktur agensi sektor awam dan mengemukakan cadangan pengukuhan dan lawatan semula bagi proses jaminan kualiti.

- Perlantikan Chief Information Officer (CIO), dengan izin, dan ICT Security Officer (ICTSO) di agensi-agensi sektor awam.

MAMPU telah meminta setiap agensi untuk melantik pegawai-pegawai menjalankan tanggungjawab sebagai CIO dan ICTSO bagi:

- (i) menyediakan infrastruktur ICT mengetepikan prinsip-prinsip keselamatan;
- (ii) menyediakan dan mengkaji semula dokumen infrastruktur bagi tujuan audit; dan
- (iii) menjalankan penilaian risiko dan mengadakan pelan rancangan pematuhan bertujuan untuk mengurus risiko yang timbul akibat daripada ketidakpatuhan kepada standard garis panduan prosedur dan langkah keselamatan ICT.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan tidak membuat tapisan ke atas bahan-bahan dalam Internet. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna Internet tidak boleh menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu dan jelik. Dari segi perundangan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 jelas memberi peruntukan bagi tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu di mana jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Selapas pensabitan jika mereka yang terlibat melakukan kesalahan lagi, mereka boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan. Selain itu, pendekatan lain diambil oleh kementerian ialah melalui langkah-langkah pencegahan. Antara usaha yang diambil ialah untuk mengadakan kod kandungan, dengan izin, *content code*, yang akan mewujudkan secara rundingan melalui forum kandungan, dengan izin, *content forum*. Secara jangka panjang usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui Internet. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan dan soalan tambahan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sehingga kini berapakah jumlah pencerobohan atau *hacking* yang telah dapat dikesan dan sehingga kini juga apakah

pula usaha dan langkah-langkah oleh kerajaan lain di dalam menjamin keselamatan ICT ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, daripada Ogos 1997 sehingga Mac tahun ini sebanyak 1,810 kes pencerobohan ICT yang dilaporkan dan ini termasuk, dengan izin, *trespassing* pencerobohan melalui virus dan sebagainya. Berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan-kerajaan negara lain, di antara maklumat yang saya ada ialah negara yang telah mengambil tindakan di dalam negara mereka ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan China dan juga Singapura.

Sebagai contoh, Amerika Syarikat telah melaksanakan satu sistem *carnivore* oleh FBI dalam menjalankan penyiasatan mereka. Penggunaan sistem adalah berbentuk “packet sniffer” yang berfungsi mengesan dan menyeluruh pakej maklumat dan di Amerika Syarikat pula, Jabatan Perumahan dan Pembangunan Bandar telah menubuhkan satu pasukan petugas untuk menangani *hack speech*, dan diskriminasi di Internet di antara kumpulan ialah KKK dan satu contoh lagi daripada United Kingdom di dalam suatu rang undang-undang ialah UK’s Regulation Of Invest Security Powers (RIP), bill ini telah pun diluluskan dan peruntukan ini membenarkan atau memberi kuasa kepada pihak polis untuk mengakses mel elektronik atau email peribadi dan termasuk Antiquate Internet Communication, dengan izin.

Di Australia pula ada satu pindaan kepada rang undang-undang Broadcasting Services online services pun telah diluluskan dan undang-undang ini memberi kuasa untuk mengawal selia di mana kerajaan Australia boleh mengarah ISP menghentikan operasi laman web dalam tempoh 24 jam dan negara China pun ada peraturan di mana semua ISP dan pembekal kandungan Internet dikehendaki menyimpan semua rekod kandungan laman dan pengguna yang membuat pencapaian dalam tempoh 60 hari dan hanya Singapura telah mengeluarkan satu Internet Code of Practice, ini misalannya.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi jawapan awal yang begitu detail, memberangsangkan lebih-lebih jawapan kepada soalan tambahan rakan saya tadi pun jawapan yang detail penuh dengan *chargon* teknologi ICT yang sungguh menakjubkan. Tahniah. Yang saya ingin tanya Yang Berhormat ialah Yang Berhormat menyebut pelantikan Information Officer dan juga

Information Security Officer, dengan izin, kalau kita melantik jawatan-jawatan baru dengan fungsi-fungsi dan tugas tertentu, yang ingin saya bertanya ialah apakah bentuk latihan persediaan yang kerajaan sediakan untuk mereka ini kerana tanggungjawab ini awal, termasuk juga dengan pertumbuhan teknologi terancang dengan istilah-istilah baru yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat tadi, bagaimana kita menentukan yang ia dapat ilmu yang cukup dan pada standard apa yang kita hendak latih supaya ia sampai ke tahap kecekapan yang baik, setelah Yang Berhormat sendiri membuat perbandingan seluruh dunia Amerika, Australia, UK dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Chief Information Officer dan ICT Security Officer ini merupakan satu cara permulaan sahaja dan supaya kita mengadakan satu struktur atau sistem yang diwujudkan dalam sektor awam atau sektor kerajaan dan di mana fungsi tugas dan garis panduan telah diadakan dan mereka boleh menggunakan garis panduan ini untuk menangani masalah ini. Yang mustahak sekali ialah dari segi teknologi dan segi pencerobohan, teknologi berubah dan pencerobohan pun selalu berlaku dari mana-mana semua pihak dan semua negara.

Jadi, yang mustahak sekali ialah kita selalu mesti meng*update* pengetahuan kita atau teknologi supaya dapat menangani masalah ini dan supaya kita dapat bersama-sama setaraf dengan teknik-teknik yang baru yang selalu dikeluarkan daripada penceroboh dari negara lain. Sekian.

[Soalan No. 3 – Y.B. Puan Hajah Che Jam binti Harun tidakhadir]

4. Puan Hajah Melati binti Ali minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihaknya berhasrat untuk mengagihkan wang royalti minyak sekarang disebut wang ihsan kepada negeri-negeri lain tidak kepada negeri Terengganu sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pemberian wang ihsan yang dikemukakan pada hari ini oleh Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali berserta dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Safinah binti Jusoh pada 24 Mei dan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim pada 28 Mei. Saya mohon izin juga kerana jawapan ini agak panjang kerana ketiga-tiga soalan ini dirangkumkan untuk dijawab pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meneruskan pemberian wang ihsan daripada Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu melalui Program Pembiayaan Wang Ehsan (PPWE) yang bertujuan untuk memastikan kebajikan rakyat Terengganu akan terus terbela. Sehubungan itu, sebuah jawatankuasa peringkat Pusat (JPP) telah ditubuhkan yang bertanggungjawab terhadap program dan projek serta pembiayaan di bawah PPWE ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian wang ihsan daripada Petronas untuk Kerajaan Negeri Terengganu telah dimasukkan ke dalam akaun Amanah Program Pembiayaan Wang Ihsan yang telah diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1997 bagi membiayai semua perbelanjaan di bawah PPWE.

Pada peringkat permulaan Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM480 juta bagi tahun 2000 dan 2001 untuk melaksanakan semua program dan projek di bawah PPWE.

Projek-projek utama di bawah PPWE meliputi program khas rakyat miskin dan penyediaan pelbagai kemudahan dan pembangunan infrastruktur bagi sektor-sektor pendidikan, pertanian, luar bandar, pembangunan usahawan dan industri kecil dan sederhana.

Bagi maksud membiayai pelaksanaan program dan projek di bawah PPWE, semua agensi pelaksana telah diberi surat kuasa oleh Kementerian Kewangan untuk membuat perbelanjaan tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim yang ingin mengetahui perbelanjaan di bawah PPWE dan golongan sasaran yang terlibat sehingga akhir bulan April 2001, perbelanjaan sebanyak RM96.8 juta atau 20.2% telah dibelanjakan bagi menampung program dan projek seperti di bawah:-

- (i) Program Mesra Rakyat sebanyak RM10,999,497;
- (ii) Tabung Bencana Alam sebanyak RM1,012,474;
- (iii) Membiayai pembangunan institusi pendidikan kerajaan negeri sebanyak RM40 juta;
- (iv) Tabung Pendidikan Terengganu sebanyak RM35,595,450;
- (v) Program Kebajikan sebanyak RM500,000;
- (vi) Program Khas Pembangunan Usahawan sebanyak RM4,329,600;

- (vii) Program Khas Pembangunan Luar Bandar yang dilaksanakan oleh KEMAS, RISDA dan Ketengah sebanyak RM4,391,018.

Matlamat utama PPWE adalah untuk memastikan kebajikan rakyat negeri Terengganu terutamanya golongan miskin di luar bandar akan terus terbela. Di bawah program ini golongan sasaran yang mendapat faedah secara langsung ialah petani, nelayan, ibu tunggal, warga tua, golongan kurang bernasib baik, pelajar dan peniaga-peniaga kecil.

Di bawah Program Mesra Rakyat dan Program Kebajikan misalnya, seramai 14,580 orang yang terdiri dari ibu tunggal, warga tua, golongan kurang bernasib baik dan bekas penerima bantuan am telah diberi bantuan.

Sebanyak 3,200 pelajar-pelajar miskin menerima bantuan basikal, 67,000 pelajar menerima bantuan pakaian seragam sekolah dan 1,000 pelajar menerima bantuan persediaan ke IPT tempatan, manakala lebih daripada 20,000 pelajar akan mendapat faedah daripada penubuhan Tabung Pendidikan Terengganu yang menyediakan kemudahan pinjaman dan biasiswa.

Bagi golongan nelayan dan petani, agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan (LKIM), FAMA dan Jabatan Haiwan akan menyediakan prasarana serta input perikanan dan pertanian bagi membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan dan petani.

Dana khas sektor perikanan juga telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menyediakan pinjaman mudah kepada golongan nelayan yang memerlukan bantuan kewangan. Langkah ini diharap akan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan nelayan dan petani yang rata-rata masih miskin.

Di bawah Program Pendidikan pula wang ihsan telah digunakan bagi membiayai pengurusan KUSZA, TATI dan 12 buah sekolah agama negeri di mana peruntukan sebanyak RM40 juta telah diserahkan kepada institusi berkenaan. Di samping itu, sebanyak 2,000 unit komputer akan dibekalkan kepada sekolah dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan ICT di kalangan pelajar.

Kolej komuniti juga akan ditubuhkan bagi memberi peluang kepada lepasan sekolah dan golongan dewasa mengikuti latihan di bidang teknologi bagi meningkatkan kemahiran mereka dan menjadi aset yang penting bagi pembangunan negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, PPWE ini akan diteruskan kerana Kerajaan Persekutuan berpendapat

pelaksanaan semua program dan aktiviti di bawah PPWE akan memberi faedah secara langsung kepada rakyat negeri Terengganu terutamanya golongan miskin di luar bandar dan golongan sasar yang lain. Langkah ini bukan sahaja berniat murni malah merupakan satu amalan yang bertanggungjawab dan betul, oleh itu semua agensi pelaksana yang terlibat dengan PPWE akan memainkan peranan masing-masing bagi melaksanakan semua program dan projek yang telah dirancang di bawah PPWE. Walaupun pelaksanaan, penekanan telah diberikan kepada negeri Terengganu di bawah PPWE, ini tidak bermakna Kerajaan Persekutuan mengabaikan tanggungjawabnya kepada negeri-negeri yang lain.

Menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali semua negeri sebenarnya menikmati faedah daripada pemberian wang ihsan daripada Petronas yang merupakan sebahagian daripada hasil Kerajaan Persekutuan yang kemudiannya disalurkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam bentuk peruntukan tahunan dan pemberian di bawah Perlembagaan Persekutuan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di setiap negeri. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya minta pihak kementerian memberi penjelasan sebanyak manakah jumlah sebenar perbezaan antara wang ihsan dengan jumlah sebenar royalti minyak yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat Terengganu dalam jangka masa satu tahun?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk menjawab soalan Yang Berhormat tidak ada perbezaan di antara wang ihsan dengan wang royalti yang sepatutnya diterima oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu kerana kesemua wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu sebanyak 5% itu kesemuanya disalurkan dalam bentuk wang ihsan yang saya sebutkan tadi.

Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tidak ada perbezaan di antara kedua-duanya. Apa yang sepatutnya menjadi hak kepada rakyat Terengganu kesemuanya setiap sen wang itu disalurkan dan diberikan kepada kumpulan sasar yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini tersebar di akhbar-akhbar tempatan bahawa sebahagian daripada wang ihsan untuk pendidikan di pusat-pusat pengajian di Terengganu diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Saya hendak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku dan adakah sesuatu yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Pusat supaya wang ihsan itu dikembalikan balik kepada pusat-pusat pengajian tinggi itu. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Memang benar dan umum telah mengetahuinya, telah pun dipaparkan di akhbar-akhbar bahawa sebanyak RM40 juta wang yang sepatutnya disalurkan dimanfaatkan oleh KUSZA, TATI dan 12 buah sekolah-sekolah agama yang lain di bawah akaun wang ihsan, dengan sedihnya dinyatakan telah pun diarahkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu supaya wang itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan sampai sekarang ini pun wang itu saya rasa masih lagi berada di dalam akaun Kerajaan Negeri Terengganu dan belum lagi dapat dimanfaatkan oleh KUSZA, TATI dan 12 buah sekolah agama yang saya bacakan di peringkat awal tadi.

Ini merupakan satu perkara yang amat menyedihkan dan kerana matlamat wang ini adalah untuk dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar KUSZA, TATI dan 12 buah sekolah yang saya sebutkan dan saya harap Kerajaan Negeri Terengganu akan dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan supaya wang yang disalurkan ini benar-benar sampai ke kumpulan sasaran kita dan tidak diselewengkan, tidak disalahgunakan dan mudah-mudahan Kerajaan Negeri Terengganu juga lebih mementingkan rakyat daripada kepentingan diri sendiri. Kerana sifat mementingkan rakyat ini, sifat mementingkan orang lain ini adalah satu sifat yang mulia, terpuji dan sifat yang cukup dianggap tinggi martabatnya oleh Islam, mementingkan orang lain daripada diri sendiri.

Jadi, kerana itulah seharusnya program seperti ini yang menumpukan kepada kepentingan rakyat harus diberikan kerjasama oleh semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Terengganu supaya rakyat yang kita utamakan dan sifat ini memangnya satu sifat yang mulia, sifat Rasulullah s.a.w. iaitu sentiasa mementingkan orang lain lebih-lebih lagi kumpulan yang kita pentingkan itu ialah rakyat yang kita pimpin. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Christina Tibok Vanhouten** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap kekurangan guru Sains dan Matematik di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara dan khususnya di Sabah dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyedari mengenai dengan kekurangan guru Sains dan Matematik. Kekurangan guru Sains dan Matematik di seluruh negara pada 31 Januari 2001 bagi Sains ialah 1,700 orang; manakala Matematik pula ialah 986 orang. Kekurangan guru Sains dan Matematik di Sabah pada 31 Januari 2001 bagi Sains ialah 352 orang; Matematik 425.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melaksanakan tindakan secara berterusan dan mengikut keperluan untuk menangani masalah kekurangan guru bagi semua bidang mata pelajaran termasuk Sains dan Matematik. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) menambah unjuran pengambilan calon opsyen Sains dan Matematik untuk Program Pra perkhidmatan;
- (ii) mengadakan Program Khusus Pensiswazahan Guru-guru (PKPG) bagi membolehkan guru melanjutkan pelajaran bagi mendapatkan ijazah;
- (iii) melaksanakan kursus persediaan Praprogram Khas Pensiswazahan Guru dalam bidang Sains dan Matematik; dan
- (iv) mengadakan *conversion course*, dengan izin, iaitu memberi kursus kepada guru-guru yang bukan beropsyen Sains dan Matematik bagi membolehkan mereka berkemampuan mengajar mata pelajaran tersebut.

Di sini ingin saya nyatakan juga kepada Yang Berhormat Datuk Christina mengenai dengan pengambilan calon untuk Program Pengurusan Sains dan Matematik. Ini dalam unjuran kami sekarang.

- (i) Program Perkhidmatan Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah (KPLI) bagi tahun 2001, Matematik 194; Sains 362. Manakala tahun 2002, Matematik ditingkatkan kepada 400 dan Sains 780.
- (ii) Program Khas Pensiswazahan Guru satu tahun di maktab, dua tahun di IPTA. Tahun 2001, Matematik 300; Sains 232. Bagi tahun 2002, Matematik 280 dan Sains 300;
- (iii) Kursus Persediaan Praprogram Khas Pensiswazahan Guru 14 minggu tahun 2001, kita ambil Matematik 300; Sains 232. Manakala tahun 2002, Matematik 280; Sains 200.

- (iv) Kursus Dalam Perkhidmatan atau yang saya sebutkan sebagai conversion course yang mengambil masa enam minggu. Tahun 2001 bagi Matematik 180; Sains 180. Begitu juga tahun 2001, Matematik 180 dan Sains 180.

Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan membuat kajian awal punca-punca kemerosotan pelajaran-pelajaran tersebut? Adakah ianya berpunca dari guru ataupun sikap pelajar itu yang kurang berminat kepada pelajaran?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Saya mahu tanya adakah Matematik sahaja ataupun hendakkan keseluruhannya. Ya, memang kita di pihak kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri termasuk PPD senantiasa memantau dari segi prestasi bagi setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah.

Jadi, untuk menyatakan secara terperinci kepada Yang Berhormat mengenai dengan prestasi bagi tiap-tiap mata pelajaran itu adakah disebabkan oleh murid ataupun disebabkan oleh guru, ataupun disebabkan oleh perkara-perkara yang lain. Memang ini saya dapat nyatakan, ada banyak perkara dan banyak punca yang menyebabkan kemerosotan dari segi setiap mata pelajaran. Misalnya, kalau kita ambil contoh mengenai dengan Bahasa Melayu sahaja yang mana sepatutnya saya beri jawapan itu tadi, kita ambil mengenai dengan kursus bahasa sahaja.

Kadangkala pelajar-pelajar tidak dapat memahami soalan dan sebagainya begitu juga kalaulah dikatakan disebabkan oleh guru, saya rasa itu juga kita akan mengambil beberapa langkah sekiranya itu sebagai penyebab.

Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat pihak kementerian senantiasa meninjau serta memantau dan memperbaiki sekiranya ada kelemahan-kelemahan yang tertentu. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah kekurangan guru keseluruhan di tanah air kita termasuk di Sabah, Sarawak dan sejak bilakah kekurangan ini telah wujud dan berdasarkan unjuran pihak kementerian bilakah masalah kekurangan guru ini akan dapat diatasi secara total? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi telah saya sebutkan bagi katakanlah mata pelajaran Matematik dan Sains telah saya sebutkan beberapa senarai.

Untuk menyatakan secara terperinci pada keseluruhan saya tidak dapat berbuat demikian sekarang ini, kalau dikehendaki saya akan beri jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, unjuran itu kita buat berdasarkan kepada pengambilan pelajar-pelajar bagi setiap tahun, ini sudah kita ada rancangan dan juga kita mengambil kira guru-guru yang sedang dilatih dan guru-guru yang akan bersara juga diambil kira.

Jadi, dari segi perancangan memang kita mengambil kira mengenai dengan kekurangan ini. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat tidaklah misalnya kita berhadapan dengan masalah yang begitu teruk sekali mengenai dengan kekurangan guru. Terima kasih.

6. **Datuk Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah subsidi yang diberikan kepada orang ramai terutamanya dalam sektor perubatan pada tahun 1999 dan 2000.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak memberi subsidi secara langsung kepada sektor perubatan. Namun demikian, kerajaan menyediakan perbelanjaan yang besar untuk membiayai perkhidmatan kesihatan.

Dalam tahun 1999 dan tahun 2000, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan masing-masing RM3,610,832,055 dan RM4,131,017,481 dalam belanja mengurus untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat. Selain daripada itu, sebanyak RM835,426,033 bagi tahun 1999 dan RM1,271,974,940 bagi tahun 2000 telah dibelanjakan untuk meningkatkan dan menyediakan kemudahan dan peralatan baru untuk rakyat.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan geran kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga membayar pesakit tanggungan kerajaan iaitu pesakit pegawai kerajaan, pesara dan pesakit miskin bagi rawatan di Institut Jantung Negara. Butir-butir perbelanjaan untuk tujuan ini bagi tahun 2000 ialah masing-masing RM1,980,500 dan RM82,988,700.

Puan Chew Poh Thoi: Soalan tambahan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pesakit asing membayar rawatan dan perubatan dengan sepenuhnya atau mereka juga menggunakan sebahagian daripada subsidi kerajaan? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, pesakit asing juga tertakluk kepada bayaran (*fee*) yang tertakluk di bawah Kementerian Kesihatan tetapi kalau kita bandingkan dengan pihak swasta memang ini adalah sebahagian besarnya juga disubsidikan oleh kerajaan.

Tuan Kee Ah Kau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui di dalam daerah-daerah peringkat negeri tidak mengadakan hospital-hospital yang canggih tetapi tidak ada doktor pakar berkhidmat di hospital itu. Apa langkah kerajaan untuk akan datang, di hospital daerah-daerah ini untuk perkhidmatan doktor pakar? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan terlebih dahulu di dalam Dewan ini, memang kementerian menghadapi kekurangan pegawai-pegawai perubatan, juga lebih khusus lagi pakar-pakar. Tetapi untuk mengatasi masalah kekurangan pakar ini, Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu program untuk membenarkan ataupun membolehkan pegawai-pegawai perubatan melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan untuk mengikuti kursus sarjana.

Dan, pada masa ini kita dapati ramai pegawai-pegawai perubatan yang sedang melanjutkan pelajaran dan itulah sebabnya kita juga menghadapi kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Tetapi selepas latihan yang dijangkakan dalam tempoh dua, tiga tahun ini, mungkin bila pegawai-pegawai ini keluar daripada universiti-universiti tempatan ini, saya rasa pada masa itu kita dapat memberi/menghantar lebih banyak pakar-pakar kepada hospital-hospital daerah.

Sehingga itu, kita di dalam proses untuk meningkatkan dan menambahkan lebih banyak pakar-pakar. Mungkin ini akan mengambil masa, mungkin dalam dua, tiga tahun, kita dapat membekalkan lebih banyak pakar-pakar ke hospital-hospital daerah.

7. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram yang dihantar pulang ke negara asal mereka sepanjang tahun 2000. Sejauh manakah kawalan yang dibuat bagi membendung kemasukan mereka ke negara ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Jumlah pendatang tanpa izin ataupun dipanggil PTI yang dihantar pulang ke negara asal sepanjang tahun 2000 ialah seramai 103,730 orang. Kerajaan mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam membendung kemasukan PTI ke negara ini dan di antaranya ialah:

- (i) Menempatkan anggota pasukan keselamatan di persisiran pantai dan pulau-pulau berdekatan dengan negara jiran dan meningkatkan rondaan kapal di perairan negara yang telah dikenal pasti menjadi laluan pendatang tanpa izin ini;
- (ii) Jabatan Imigresen Malaysia bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia dan RELA, sentiasa mengadakan sekatan jalan, operasi mengesan dan memberkas pendatang tanpa izin, sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan pedalaman serta tempat-tempat pekerjaan seperti di kilang-kilang, kawasan-kawasan pembinaan dan ladang-ladang pertanian di dalam negara kita; dan
- (iii) Menggalakkan kerjasama daripada penduduk tempatan terutama yang tinggal di kawasan laluan PTI untuk menyumbang maklumat mengenai kehadiran PTI di kawasan mereka kepada pihak berkuasa supaya tindakan membanteras dapat dijalankan dengan cepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan PTI yang dihantar pulang ke negara asal sepanjang tahun 2000 mengikut kaum ataupun bangsa ini ialah:

Bangsa	Orang
Indonesia	82,241
Bangladesh	1,808
Thailand	3,535
Myanmar	4,913
Filipina	105
India	2,280
Pakistan	1,257
China	116
Lain-lain	1,475
Jumlah	103,730

Kos penghantaran pulang PTI bagi tahun 2000 adalah sebanyak RM4,254,132. Sekian.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara pendatang tanpa izin ini begitu serius di Sabah dan sekarang pun kerajaan negeri telah mengambil tindakan untuk mengkaji kedudukan mereka ini. Pada masa yang sama ladang-ladang di Sabah terutama sekali kelapa sawit, koko dan pertanian yang lain, kekurangan pekerja, tidak kurang daripada 30%.

Maka adakah kerajaan bercadang untuk melonggarkan sedikit syarat supaya mana-mana yang telah ada di Sabah, mempunyai pekerjaan atau boleh dapat pekerjaan dalam masa yang singkat mereka dibenarkan tinggal di Sabah. Untuk membantu peladang-peladang dalam masa ekonomi yang tidak sebegitu baik di Sabah pada ketika ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan levi untuk pekerja-pekerja asing ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, melihat pada persoalan, mengurangkan dan membenarkan - ini menimbulkan keraguan dalam soalan ini. Membenarkan orang yang ada bekerja ataupun membenarkan buruh asing bekerja. Mengikut peraturan, pendatang tanpa izin tidak dibenarkan bekerja, pengurus-pengurus ladang ataupun yang mempunyai ladang yang luas boleh memohon kebenaran membawa masuk buruh asing untuk bekerja dalam ladang dalam kerja-kerja kontrak yang besar dan dalam kilang-kilang.

Bagi mengurangkan levi yang dikenakan, kita tidak lagi memberi pertimbangan dalam perkara ini. Dalam mengenakan levi sebanyak ini pun kita menerima permintaan yang begitu banyak untuk membawa masuk buruh-buruh asing ke dalam negara kita. Sabah boleh memohon terutama sekali pengurus-pengurus ladang yang dikenakan untuk membawa buruh-buruh asing dengan peraturan-peraturan yang sedia ada yang telah ditetapkan.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa yang digunakan untuk menghantar balik PTI ini, mengambil masa 6 bulan lebih. Bolehkah masa ini dikurangkan supaya beban kos di pusat tahanan boleh dikurangkan.

Mengenai pusat tahanan, saya tahu ada satu panel pelawat kepada pusat tahanan. Apakah panel ini masih hidup, jika tidak, apakah sebabnya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan yang pertama, masa yang panjang yang digunakan untuk menahan pendatang tanpa izin ini sebelum kita hantar pulang. Persoalan yang ditimbulkan ialah jangka masa yang lama ini berdasarkan pada pengenalan kita, pendatang tanpa izin ini serta pengiktirafan pihak kedutaan atau konsulat negara-negara di mana pendatang tanpa izin ada kaitan.

Kalau pihak negara yang berkaitan dengan pendatang tanpa izin tidak mengakui bahawa pendatang yang berkenaan ialah warganegara mereka maka kita tidak boleh menghantar orang ini pulang ke negara yang berkenaan. Persefahaman pengakuan dua pihak antara kerajaan kita dan kerajaan yang berkenaan hendaklah dipersetujui kerana kita terpaksa menghantar balik ke negara yang tertentu dan kita tidak boleh hanya menghantar di mana sahaja yang kita kehendaki.

Bagi menentukan keadaan dan kesahihan ini, masa inilah yang menjadi satu persoalan. Kalau kita mendapat pengesahan lebih awal dalam tempoh seminggu atau dua, kita akan menghantar balik selepas daripada pengesahan ini. Kalau pengesahan ini kita terdapat dalam jangka masa yang panjang mungkin lebih daripada satu tahun, setelah pengesahan ini barulah kita boleh menghantar pulang.

Tentang panel pelawat di kawasan-kawasan yang berkenaan, saya yakin bahawa panel ini masih ada dan panel ini boleh melawat apabila ia mendapati sekiranya perkara-perkara yang terdapat di dalam pusat tahanan ini tidak sesuai berdasarkan kepada keluhuran dan kemanusiaan serta kemudahan-kemudahan yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kita bagi melihat kepentingan dan kesihatan pendatang tanpa izin di tempat yang berkenaan.

8. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah penglibatan masyarakat dalam pendidikan pengguna di luar bandar tentang jualan langsung, skim cepat kaya dan along/ceti haram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dan sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat. Program-program dan aktiviti-aktiviti yang berteraskan pendidikan pengguna disusun secara berterusan sepanjang tahun. Program-

program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian ini termasuklah kempen-kempen khas, seminar, bengkel dan siri-siri ceramah yang diadakan di seluruh negara meliputi kawasan bandar, pekan kecil dan desa.

Antara perkara-perkara yang disentuh dan ditekankan di dalam program dan aktiviti kementerian termasuklah penerangan mengenai hak dan tanggungjawab pengguna, Akta Perlindungan Pengguna 1999, undang-undang lain yang mempunyai ciri-ciri perlindungan pengguna yang dikuatkuasakan oleh kementerian, jualan langsung, peranan dan fungsi Pejabat Tribunal Tuntutan Pengguna serta mekanisme dan tatacara memfailkan aduan pengguna. Selain itu, kementerian turut memberi tumpuan kepada masalah-masalah atau isu-isu terkini yang melibatkan pengguna seperti Skim Cepat Kaya dan jualan langsung melalui sistem piramid.

Sepanjang tahun 2000, kementerian telah menganjurkan 65 seminar, dialog dan forum yang melibatkan lebih 26,000 peserta yang terdiri daripada kumpulan sasaran yang mewakili semua kelompok masyarakat pengguna. Ini tidak termasuk program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN) dan Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah (MHEPD), Persatuan Pengguna Negeri dan lain-lain yang dibiayai oleh peruntukan kementerian.

Untuk tahun 2001, kementerian selain daripada program-program di atas, akan mengadakan satu siri kempen khas berhubung dengan skim cepat kaya yang akan mendedahkan keburukan skim tersebut dan risiko-risiko kepada mereka yang terlibat. Kempen ini akan dibuat melalui media cetak, media elektronik dan ceramah-ceramah.

Antara mereka yang akan membantu kempen ini termasuklah daripada Bank Negara, Bahagian Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia dan kementerian sendiri. Untuk memastikan kementerian dapat terus menyebarkan ilmu-ilmu kepenggunaan termasuk isu-isu terkini kepenggunaan kepada masyarakat pengguna terutama yang di luar bandar, kementerian telah merancang untuk mengadakan seminar-seminar di setiap daerah pentadbiran MHEPD di seluruh negara. Kementerian berhasrat untuk terus bertindak proaktif untuk memastikan para pengguna di negara kita tidak kira latar belakang pendidikan atau penempatan mereka akan mempunyai peluang seimbang untuk mendapat manfaat daripada program dan aktiviti kementerian.

Puan See Too Mee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh yang mana saya tahu, sebahagian syarikat dari luar negeri yang bukan didaftar di negara kita menjalankan skim cepat kaya dan program yang sebagainya tanpa lesen atau pendaftaran dalam negara kita. Jadi, soalan tambahan saya, adakah syarikat sebagainya itu dibenarkan menjalankan program sebagainya di dalam negara kita? Walau bagaimanapun, dia mempunyai lesen atau pendaftaran perniagaan di luar negara, itu yang pertama.

Yang kedua, apakah langkah-langkah kementerian supaya keadaan ini dapat dikawalkan. Terima kasih.

Datuk S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, kita hanya melesenkan syarikat-syarikat jualan langsung. Syarikat-syarikat jualan langsung ini tidak dibenarkan untuk menjalankan skim cepat kaya walau macam mana rupanya pun. Oleh kerana itu, syarikat-syarikat bak di dalam negara ataupun di luar negara, tidak diberi kebenaran untuk menjalankan skim cepat kaya. Ini adalah satu aktiviti yang diharamkan dan mereka baik dalam negara ataupun luar negara, kalau mereka masih melaksanakan skim cepat kaya, ini adalah oleh kerana rakyat kita tertarik terhadap faedah-faedah ataupun tawaran balik yang dijanjikan oleh orang-orang yang menjalankan skim ini. Kalau kementerian tidak melesenkan, ini merupakan satu kes penipuan dan apabila ada bukti dan sebagainya, pihak polis, Bank Negara dan lain-lain boleh ambil tindakan. Pengambilan deposit melalui skim ini tidak dibenarkan. Dalam negara kita, hanya bank-bank, syarikat-syarikat *finance* dan koperasi-koperasi yang diluluskan oleh pihak kerajaan hanya boleh menerima deposit daripada rakyat.

Maka dengan keadaan ini, pihak kerajaan berharap rakyat akan bersama-sama dengan kerajaan. Oleh kerana itu, kita akan menjalankan satu kempen secara besar-besaran supaya rakyat memahami tentang keburukan dan risiko skim cepat kaya. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bentuk saintifik ataupun '*kanzen*' yang telah diambil oleh pihak kementerian seperti yang diberitahu tadi, soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanannya yang dapat diperolehi oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang menghadapi masalah untuk menentukan skim cepat kaya ini tidak langsung dijalankan dalam negara kita. Tetapi, seperti yang saya katakan tadi, ini bukanlah

semata-mata tanggungjawab kementerian oleh kerana pihak ini tidak dilesenkan, tidak dibenarkan, aktiviti ini diharamkan. Maka, yang melaksanakan skim ini adalah orang yang menipu rakyat dengan janji-janji bahawa mereka akan dapat faedah yang tinggi daripada apa yang mereka labur.

Untuk menentukan keberkesanan ini, kita memerlukan kerjasama rakyat supaya mereka tidak melabur dalam skim-skim cepat kaya ini sehingga mereka bekerjasama dengan golongan yang menjalankan skim cepat kaya dan akan menjadi satu cabaran kepada kerajaan untuk menghapuskan skim cepat kaya dalam negara kita.

9. **Datuk Joseph Balan Seling** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah perancangan tertentu dari pihak Kementerian bagi membolehkan penduduk-penduduk di kawasan pendalaman negeri Sarawak mendapat perkhidmatan telefon, memandangkan belum lagi ada perkhidmatan tersebut selama hampir 40 tahun sejak Sarawak merdeka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia Berhad (TMB) telah memperuntukkan sebanyak RM93.153 juta dari tahun 1998 hingga 2001 untuk rancangan kerja modal bagi menyediakan rangkaian telekomunikasi di luar bandar di negeri Sarawak. Bagi tahun 2001 sahaja, sebanyak RM19.597 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. TMB juga merancang untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi kepada kira-kira 500 rumah panjang dan kampung-kampung yang dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak.

Adalah menjadi harapan TMB bahawa matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan untuk negeri Sarawak bagi kawasan luar bandar iaitu 25 telefon setiap 100 orang penduduk dapat dicapai pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah telefon di Sarawak sama dengan masalah di Sabah. Saya difahamkan ada satu sistem yang dinamakan CDMA akan dilaksanakan di Sabah pada bulan Mei. Alat ini dibeli daripada Telekom dan ia sama seperti telefon lain dan boleh digunakan untuk komputer, faks dan sebagainya. Saya difahamkan sistem ini seharusnya dimulakan pada bulan Mei tahun ini tetapi, apabila saya membuat pertanyaan, sistem ini mungkin lambat sedikit dilaksanakan. Saya ingin tahu

sekiranya sistem ini dilaksanakan, berapa harga mesin itu kepada pengguna dan bilakah ia dilaksanakan? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, CDMA merupakan satu teknologi yang digunakan dalam komunikasi tanpa *wayar* atau *wireless communication* dan ini digunakan dalam projek *Wireless Internet Look* iaitu WIL di mana *network* atau frekuensi yang digunakan tidak mengadakan kabel ke semua rumah atau dari tempat ke tempat. Ia menggunakan satu *transmission* dan tanpa talian ini, *signal* yang diterima adalah melalui satu *receiver* di setiap rumah. Oleh sebab itu, dinamakan *wireless internet look, in a local look* ini dan pengguna dia tahu dan daripada pandangan pengguna, tidak ada perbezaan di antara yang ada *wiring* atau yang tidak ada *wire*.

Berkenaan dengan projek yang dijalankan itu, sebanyak peruntukan lebih daripada RM300,000 telah diperuntukkan dan daripada kajian, anggaran ialah di antara RM2,000 hingga RM4,000 sepengguna, *per person*. Kos pelaksanaan seorang ialah lebih kurang daripada RM2,000 hingga RM4,000 dan penilaian tender masih dijalankan dan diharapkan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita menyedari bahawa banyak lagi kawasan khususnya di luar-luar bandar dan pedalaman masih belum mendapat perkhidmatan telefon. Malahan dalam bandar sekalipun, kita sering mendengar semua litar sedang digunakan. Kita yakin perkara ini telah berlaku kerana pembekalan sekarang ini sudah melebihi daripada kemampuan yang ada.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi masalah ini dan bilakah masalah ini akan dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, soalan yang ditujukan adalah berkenaan dengan perkhidmatan *mobile phone*?

Dato' Haji Ahmad bin Ismail:

Tuan Chia Kwang Chye: *Wire* atau tanpa *wire*?

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: *Wire* pun ada masalah, tidak ada *wire* pun ada masalah. [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian kami memang menerima aduan daripada pengguna-pengguna mengenai mutu

perkhidmatan yang sedia ada sama ada *wire* atau tanpa *wire*, *wireless* atau *fix line*. Selain daripada menekankan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi untuk memperbaiki ataupun mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka dan juga menambahkan kapasiti-kapasiti mereka, kita telahpun menjalankan satu kajian oleh sebuah syarikat konsultan di mana dengan kajian yang bebas dan dengan ini kita dapat bawa satu indeks mutu perkhidmatan dapat diperolehi dan indeks atau hasil daripada kajian ini akan diwartakan.

Melalui cara ini, kita berharap bahawa pengguna dapat pilih yang mana perkhidmatan yang baik dan dengan ini berharap bahawa syarikat telekomunikasi boleh menambah kapasiti atau meningkatkan mutu mereka dan melalui persaingan ini, kita pun berharap mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Sekian, terima kasih. .

10. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejauh manakah permohonan dan pemilikan permit teksi dan pengangkutan awam kepada individu atau syarikat telah dikeluarkan kepada bekas tentera bagi tempoh 10 tahun ke belakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mengambil perhatian mengenai penyertaan semua pihak dalam bidang keusahawanan termasuk industri pengangkutan. Kementerian Pembangunan Usahawan melalui Lembaga Pelesenan Kementerian Perdagangan (LPKP) yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen kenderaan perdagangan dan awam telah memberi keutamaan kepada pesara polis, bekas tentera dan awam yang memandu teksi sepenuh masa untuk memiliki lesen teksi individu.

Kementerian ini tidak mengumpul statistik khusus untuk bilangan bekas tentera yang memiliki lesen teksi dan pengangkutan awam yang lain. Walau bagaimanapun, bagi kuota yang diberi untuk bumiputera, kebanyakannya adalah terdiri daripada pesara polis dan bekas tentera. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bekas-bekas tentera banyak yang berpengalaman sebagai pemandu semasa dalam Angkatan Tentera dan sebagai pemandu teksi setelah tamat perkhidmatan tentera dengan menyewa teksi daripada lain-lain orang yang mempunyai lesen teksi. Untuk mengenangkan jasa bekas-bekas tentera semasa tentera, adakah Kementerian Pembangunan Usahawan berminat atau memberi

keistimewaan untuk meluluskan lesen teksi kepada setiap bekas tentera yang betul-betul berminat untuk menjadi pemandu teksi ataupun melalui Persatuan Bekas Tentera Malaysia di setiap negeri. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pemberian lesen teksi bukan sahaja kita berikan kepada bekas-bekas pesara daripada angkatan tentera tetapi juga untuk seluruh orang awam di negara kita yang berminat untuk memiliki lesen teksi. Walau bagaimanapun dari segi syarat-syarat pemilikan lesen ini kita tidak boleh melonggarkan begitu sahaja tanpa mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Bagi pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan lesen ini secara individu kelayakan yang diperlukan sekurang-kurangnya telah mempunyai pengalaman 5 tahun menjadi pemandu teksi.

Bagi bekas-bekas perajurit atau bekas tentera kita telah pun mengeluarkan lesen sebanyak 100 lesen untuk Syarikat Kumpulan Kenderaan Persekutuan Bekas Perajurit Malaysia dan pemandu-pemandunya adalah terdiri daripada bekas-bekas persatuan askar yang menjadi ahli persatuan bekas perajurit Malaysia. Walaupun memang terdapat permohonan-permohonan daripada individu dan syarikat-syarikat dan baru-baru ini kita telah mengeluarkan lesen untuk individu di Lembah Klang, 200 dan di Johor Bahru sebanyak 100. Kebanyakan daripada yang mendapat lesen tersebut adalah terdiri daripada bekas-bekas anggota tentera di mana 56% diberikan kepada bekas tentera dan polis dan 10% bagi lesen di Johor Bahru. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Zainudin.

Datuk Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya tentang permohonan dan pemilikan permit teksi yang telah diberikan kepada mereka yang telah diberikan. Saya hendak tahu apakah ada kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian supaya mereka yang memiliki lesen dan juga syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen-lesen ini supaya kita menambahkan tahap mereka bukan sahaja dari segi memandu teksi tetapi juga dari segi pengetahuan dalam negara kita supaya bila ada pelancong-pelancong datang terutamanya dari KLIA mereka lebih tahu apabila pelancong-pelancong menanyakan tentang keadaan negara kita, berapa luas negara kita, berapakah penduduk dalam Kuala Lumpur, apakah bangsa-bangsa yang ada sebagai contohnya supaya ini dapat meningkatkan lagi tahap pemandu-pemandu kita yang diberikan lesen-lesen tadi.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini LPKP ditubuhkan adalah untuk memastikan supaya keperluan serta memberi perkhidmatan yang cekap untuk menentukan supaya kenderaan perdagangan mencukupi dan dapat memenuhi keperluan serta dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan dalam industri kenderaan di dalam negara kita. Oleh yang demikian, walaupun LPKP diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan lesen-lesen ataupun permit-permit kenderaan awam dan perdagangan ini tetapi yang menentukan supaya lesen-lesen yang diberikan ini khususnya kepada pemandu-pemandu ini lesen untuk memandu bukan dikeluarkan oleh LPKP tetapi dikeluarkan oleh JPJ. Oleh sebab itu, kementerian kita tidak dapat melibatkan secara langsung menentukan supaya pemandu-pemandu ini berkhidmat dengan cemerlang dan mempunyai disiplin yang tinggi semasa kehadiran pelancong-pelancong dalam negara kita. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa memantau dan bekerjasama dengan semua pemandu-pemandu dan persatuan-persatuan yang berkenaan supaya mereka dapat menunjukkan khidmat cemerlang dan disiplin yang tinggi semasa menghadapi kehadiran pelancong-pelancong ke dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa bagi Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3 dan 11 hingga 26 adalah dijilid dalam buku berasingan]

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KETIGA (2001-2010)

Aturan Urusan Mesyuarat di baca bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul di buat oleh Perdana Menteri yang ditangguhkan atas masalah;

"Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosioekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 - 2000 dan Dasar Pembangunan Nasional;

menyokong usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua menerusi Dasar

Pembangunan Nasional iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama;

melulus dan mengesahkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara yang bertujuan menyediakan objektif pembangunan negara dan dasar yang akan dilaksanakan dalam dekad ini sebagaimana terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 11 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Dasar Wawasan Negara, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dan bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing." **[21 Mei 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Dalam Negeri menjawab.

11.22 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberi penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Charern Intachat yang begitu prihatin dan banyak menyentuh isu dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Suka saya menjelaskan bahawa pemeriksaan melalui scanning machine di Bukit Kayu Hitam adalah merupakan satu kaedah yang hampir sama dengan kaedah yang digunakan oleh agensi-agensi lain seperti MAB di lapangan terbang iaitu untuk mengesan dadah ataupun senjata api. Peralatan ini adalah diperlukan sebagai alat untuk pemeriksaan dan kawalan kemasukan dadah dan senjata api ke negeri ini. Dua kes tangkapan yang didapati melalui scanning machine di Bukit Kayu Hitam setakat ini adalah kes tangkapan dua pucuk pistol revolver pada 8 April 2000 dan kes tangkapan ganja pada 5 Oktober 1997. Selain daripada kaedah di atas banyak kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut termasuklah dengan mengadakan sekatan-sekatan jalan raya, perisikan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula peranan dan tugas agensi-agensi yang terlibat dengan tugas membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan dadah di sempadan sebelah utara. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa membantu dari

semasa ke semasa peranan dan tugas-tugas agensi yang terlibat di dalam membanteras penyeludupan dadah. Langkah-langkah yang dilaksanakan termasuklah mengkaji prosedur-prosedur kerja dan menempatkan pegawai-pegawai yang terlatih, berdedikasi dan bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Kementerian Dalam Negeri walau bagaimanapun mengalu-alukan saranan Ahli Yang Berhormat dan mengambil perhatian yang berterusan untuk memantau tugas-tugas pasukan perisikan dan mempertingkatkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkaitan.

Dato' Charern Intachat juga ada membangkitkan tentang peningkatan kes-kes jenayah seperti rompakan dan pembunuhan seperti mana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan yang dikatakan akibat dari kekurangan anggota polis untuk menjalankan pelbagai tugas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Charern sebenarnya pihak polis tidak pernah mempersoalkan ketidakcukupan kakitangannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebarang pencegahan jenayah.

Yang Berhormat Dato' juga ingin mengetahui kekuatan anggota polis yang ada sekarang. Suka saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Dato' sehingga 31 Mac 2001 jumlah keseluruhan anggota polis adalah seramai 79,479 orang. Pihak kerajaan tidak menafikan bahawa dari angka ini menunjukkan Polis Diraja Malaysia mengalami kekurangan pegawai dan anggota berjumlah 3,655 orang iaitu 673 orang pegawai, 2,982 orang lain-lain anggota sebagaimana perjawatan yang telah diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan pertambahan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia masih dalam proses permohonan. Sekiranya cadangan ini diluluskan oleh pihak yang berkuasa maka keanggotaan Polis Diraja Malaysia akan berjumlah 106,327 orang iaitu 10,290 orang terdiri dari pegawai dan 96,029 lain-lain anggota. Untuk tahun 2001 sahaja, Polis Diraja Malaysia telah merancang untuk mengambil anggota baru seramai 1,450 orang iaitu 250 orang inspektor dan 1,200 orang konstabel.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Charern menyatakan Yang Berhormat Dato' tidak pernah melihat Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan pihak polis melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan atau orang yang keluar masuk ke Thailand. Suka saya menyatakan bahawa dakwaan Yang Berhormat Dato' adalah tidak tepat. Ini adakah kerana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Dato' Charern Intachat: Perkara yang saya bangkitkan itu ialah berkenaan pemeriksaan orang yang keluar ke Thailand atau kenderaan-kenderaan yang keluar ke Thailand bukanlah keluar dan masuk kerana kalaulah kita perhatikan di lapangan terbang ataupun di sempadan-sempadan pihak kastam ataupun polis jarang-jarang sekali memeriksa penumpang yang keluar daripada negara ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Ini adalah kerana pihak UPP ada melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia dari Thailand di sekatan jalan raya dan pihak PDRM juga memeriksa kenderaan yang keluar dari Malaysia untuk memasuki negara Thailand. Yang masuk UPP yang hendak keluar oleh PDRM. Bentuk pemeriksaan UPP adalah secara spot-check dan hanya kenderaan-kenderaan yang disyaki sahaja akan diperiksa secara seratus peratus. Dan tidak kurang juga secara spot-check yang dibuat oleh pihak imigresen atau pihak kastam.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' kejayaan terbaru pihak Polis Diraja Malaysia ialah pada jam 8.15 jam 30 April yang baru ini iaitu pihak polis telah berjaya menahan dua orang laki-laki di sekatan jalan raya Kilometer 3.1 Lebu Raya Bukit Kayu Hitam. Mereka menaiki kereta BMW siri 525I yang mempunyai nombor pendaftaran negara Thailand. Polis telah berjaya merampas 36 ketul ganja mampat yang disembunyikan di dalam bot kereta berkenaan. Ini buktinya kita menjalankan pemeriksaan. Pihak UPP juga menjalankan beberapa kaedah untuk mengawal aktiviti penyeludupan atau kaedah-kaedah yang dilakukan oleh pihak UPP ialah seperti sekatan jalan raya, rondaan motosikal, rondaan jalan kaki, rondaan perairan, risikan maklumat. Dan UPP mengadakan sekatan jalan raya di beberapa tempat yang difikirkan strategik bagi membanteras aktiviti penyeludupan, sekatan jalan raya dilakukan di tempat-tempat berikut:

- KM 6.9 Lebu Raya Bukit Kayu Hitam dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam
- KM 3.1 Lebu Raya Bukit Kayu Hitam dari jam 7.00 malam hingga 10.00 malam
- KM 1.1 Lebu Raya Bukit Kayu Hitam dari jam 10.00 malam hingga 6.00 petang
- KM 27 Sanglang dari jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang.

Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh dalam ucapan saya ini pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan dengan sewajarnya. Kementerian Dalam Negeri mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Perusahaan Utama menjawab.

11.30 pagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan beberapa perkara menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan supaya kerajaan memperhebatkan usaha mencari pasaran baru di Asia Timur, Timur Tengah, Rusia dan negara-negara lain dalam jangka panjang dan tidak terlalu tergantung kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah sehingga harga kelapa sawit turun menjunam, sukalah saya memaklumkan bahawa Amerika Syarikat bukanlah merupakan negara yang pengimport utama bagi minyak kelapa sawit Malaysia.

Minyak sawit yang diimport adalah kecil dan Malaysia adalah negara pengeksport utama minyak sawit ke negara ini iaitu sebanyak 87.6% diikuti oleh Indonesia dan Singapura. Bagi tahun 2000, eksport minyak sawit termasuk minyak isirung sawit dan oleokimia Malaysia ke Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 15.2% iaitu kepada 476,620 tan metrik dari 413,532 tan metrik pada tahun 1999. Jumlah ini hanya merupakan 3.94% ke 4.45% daripada jumlah eksport sawit Malaysia.

Bagi empat bulan pertama tahun 2001, jumlah eksport minyak sawit Malaysia ke Amerika telah merosot sebanyak 0.2% kepada 65,862 tan metrik berbanding tempoh masa yang sama pada tahun 2000. Seterusnya, eksport minyak sawit ke Eropah turut menurun sebanyak 6.4% dari 1.10 juta tan metrik pada tahun 1999 kepada 1.3 juta tan metrik pada tahun 2000. Jumlah ini hanya merupakan 11.4% dari jumlah eksport minyak sawit Malaysia.

Oleh itu, sebagai rumusan dapat dikatakan walau eksport minyak sawit kita terjejas di pasaran Amerika Syarikat dan Eropah akibat kegawatan ekonomi yang

dialami oleh negara-negara tersebut, kesan ke atas minyak sawit adalah tidak begitu ketara. Kerajaan sememangnya dari masa ke semasa memperhebatkan usaha terutama mencari pasaran baru.

Sehubungan itu, Kementerian Perusahaan Utama melalui Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) dan pejabat-pejabat promosi mereka di sembilan buah negara akan terus mempergiatkan promosi bagi eksport minyak sawit kita. Pada tahun yang lalu, iaitu pada 7 sehingga 23 Oktober 2000, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama juga telah pun pergi ke negara-negara seperti Rusia, Ukraine dan Hungary untuk mempromosikan minyak sawit kita.

Di samping itu, Kementerian Perusahaan Utama juga dalam masa terdekat ini akan menghantar misi ekonomi dan teknikal ke negara-negara Morocco, Libya, Egypt, Lebanon, USA, Kanada, Korea Selatan, Columbia, Brazil, Cuba dan Afrika Selatan. Kerajaan kita juga telah menawarkan kredit pembelian minyak sawit kepada beberapa buah negara di Timur Tengah, Korea Utara, Cuba dan beberapa buah negara membangun lain. Tujuan asas program kredit ini adalah memastikan minyak sawit dapat dieksport ke negara-negara ini walaupun negara-negara ini mengalami masalah pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pasaran getah pula, suka saya menyatakan bahawa eksport getah asli Malaysia ke Amerika Syarikat telah pun menurun sebanyak 10.3% dari 111,007 tan metrik pada tahun 1999 kepada 99,485 tan metrik pada tahun 2000. Pada tahun 2000 juga, jumlah eksport getah asli ke Amerika Syarikat telah pertama kalinya jatuh ke tempat kedua selepas Jerman. Jumlah eksport getah asli Malaysia ke Jerman telah meningkat sebanyak 6.5% dari 100,332 tan metrik pada tahun 1999 kepada 106,811 tan metrik pada tahun 2000.

Seterusnya negara China merupakan negara ketiga pengimport getah asli sebanyak 94,059 tan metrik dan diikuti oleh Korea Selatan sebanyak 72,833 metrik tan pada tahun 2000. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa eksport getah asli Malaysia adalah tidak bergantung hanya kepada pasaran Amerika Syarikat sahaja. Ini adalah kerana pasaran Amerika Syarikat adalah merupakan hanya 10.2% daripada jumlah eksport getah asli Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada pasaran Amerika Syarikat dan Eropah, getah juga sememangnya telah dieksport ke negara-negara di Asia Timur seperti Republik Rakyat China, Jepun, Hong Kong dan Republik Korea. Di Asia Barat pula, getah dieksport ke negara-negara seperti Iran dan Mesir. Selain

daripada itu, getah juga dieksport ke negara-negara Balkan seperti Republik Chech dan Slovakia serta Yugoslavia, Amerika Latin dan Afrika Selatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa berusaha menambahkan eksport getah dan mencari pasaran baru bagi komoditi ini dengan cara antaranya mengadakan misi ekonomi dan teknikal setiap tahun. Misalnya pada tahun 2000, misi ekonomi dan teknikal getah ke Jepun dan Amerika Syarikat telah diadakan. Pada tahun ini pula, kerajaan bercadang mengadakan misi ke Korea Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya telah mengambil maklum dan akan memberi perhatian sepenuhnya ke atas pandangan, ulasan dan saranan yang telah pun dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita jemput daripada Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie, Timbalan Menteri.

11.37 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan saya juga akan memberi maklum balas kepada isu-isu yang ditujukan kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern mengenai tujuan pengurangan caruman KWSP daripada 11% kepada 9%. Pengurangan sementara kadar caruman pekerja sebanyak 2% ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan dan perbelanjaan melalui pertambahan pendapatan boleh guna (disposable income).

Kesan daripada pengurangan kadar caruman ini dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan sebenar KDNK sebanyak 0.24 hingga 0.36 mata peratusan berasaskan kepada kecenderungan mengguna sut (marginal propensity to consume) di kalangan ahli-ahli KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kecenderungan menggunakan sut bagi golongan berpendapatan RM2,000 dan ke bawah sebulan adalah tinggi. Oleh itu, pertambahan pendapatan boleh guna ini berkemungkinan besar akan

dibelanjakan untuk keperluan asas. Justeru itu, kerajaan yakin langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan perbelanjaan tempatan dan menjana pertumbuhan ekonomi, malah dapat membantu meringankan beban kewangan pencarum KWSP sendiri.

Walau bagaimanapun, mungkin bagi golongan berpendapatan lebih daripada RM2,000 sebulan, mereka lebih memilih untuk menyimpan tambahan pendapatan boleh guna mereka. Di samping itu, kesan ke atas simpanan pencarum untuk tujuan persaraan tidak begitu ketara kerana ianya dilaksanakan untuk tempoh satu tahun sahaja. Dari segi jumlah tabungan yang terjejas, kesannya adalah amat minimum.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin telah mencadangkan supaya KWSP, LTAT dan LUTH melaporkan kedudukan kewangan dan portfolio pelaburan agensi-agensi tersebut kepada orang awam bagi mengelakkan sebarang salah tafsir. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya maklumat mengenai kedudukan kewangan dan pelaburan setiap agensi dilaporkan dalam laporan tahunan masing-masing. Oleh itu, tidak timbul masalah salah tafsir kerana orang awam mempunyai akses kepada maklumat tersebut.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin juga telah membangkitkan supaya pemakaian tadbir urus korporat diperluaskan untuk meliputi syarikat-syarikat awam yang tidak tersenarai walaupun tujuan yang asal adalah untuk syarikat tersenarai sahaja di BSKL. Dari segi dasar, kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat awam yang tidak tersenarai menghayati prinsip-prinsip tadbir urus korporat bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam transaksi korporat.

Saya difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pejabat Pendaftar Syarikat selaku agensi kawal selia syarikat awam yang tidak disenaraikan sedang mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang untuk membolehkan syarikat berkenaan menghayati kod terbaik tadbir urus korporat itu.

Sebagai langkah permulaan, tumpuan diberikan untuk menyediakan latihan kepada pengarah-pengarah syarikat berkenaan bertujuan bagi meningkat keupayaan mereka untuk mentadbir syarikat dengan lebih berkesan lagi. Latihan tersebut akan memberi penekanan kepada tanggungjawab dan peranan pengarah mengikut Akta Syarikat 1995 dan ini adalah selaras dengan cadangan supaya diadakan peraturan bagi mewajibkan pengarah-pengarah syarikat tidak tersenarai menjalani latihan terlebih dahulu sebelum dilantik sebagai pengarah di mana-mana syarikat.

Oleh kerana bilangan pengarah yang terlibat adalah besar, lebih kurang 750 ribu orang, program latihan berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Program latihan ini telah dimulakan pada 17 Mei 2001 khusus untuk melatih pegawai-pegawai Perbadanan Nasional Berhad (PNB) yang menjadi pengarah anak syarikatnya dan program latihan seterusnya akan diteruskan untuk pengarah syarikat-syarikat yang lain pada masa yang akan datang. Adalah diharapkan program latihan ini akan menghasilkan warga korporat yang bertanggungjawab, berpengetahuan, cekap dan berkesan dalam mentadbir syarikat mereka.

Yang Berhormat Dato' Charern Intachat mempersoalkan keberkesanan, dengan izin, scanning machine oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sempadan dalam menangani masalah penyeludupan. Ini pun telah ditanya sebentar tadi kepada Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam belum lagi menggunakan mesin tersebut di sempadan. Walau bagaimanapun, pihak polis ada menggunakan di Bukit Kayu Hitam dan Rantau Panjang bagi tujuan keselamatan terutama bagi mengawal penyeludupan senjata. Apa yang telah dibangkitkan oleh Dato' Charen tadi, Yang Berhormat, kita akan ambil ingatan.

Jabatan Kastam sentiasa mempertingkatkan kawalan di sempadan dalam menangani masalah penyeludupan, khususnya penyeludupan dadah. Pada masa ini, Jabatan Kastam melaksanakan perkara-perkara berikut bagi menentukan penyeludupan dapat dibanteras terutamanya iaitu:

- (i) mewujudkan dan memperkemaskan, dengan izin, *data base* untuk mengumpul data pengimportan dan pengeksportan khususnya ke atas barang-barang kimia;
- (ii) menjalankan peninjauan terpilih (*selective observation*) ke atas orang awam atau penumpang kenderaan yang menggunakan pintu utama kastam di sempadan sebagai jalan keluar masuk ke negara ini dan negara lain; dan
- (iii) melaksanakan dengan izin, *risk assessment profile and targeting* ke atas penyeludup dan pengedar dadah dipertingkatkan di kawasan-kawasan sempadan.

Mengenai keluar masuk ringgit, pada masa ini Jabatan Kastam sentiasa menjalankan penguatkuasaan tegas ke atas kegiatan membawa keluar wang tanpa berikrar melalui borang pengisytiharan kembara.

Cadangan Yang Berhormat supaya Jabatan Kastam menempatkan pegawai yang jujur di sempadan amatlah dihargai. Jabatan berharap semua pegawai kastam mempunyai integriti, tidak hanya di sempadan sepertimana saranan Yang Berhormat. Jabatan sentiasa berusaha merealisasikan konsep integriti dan penghayatan tugas sebagai pegawai kastam dalam menjalankan tugas rasmi jabatan.

Minggu lepas saya telah pergi ke Institusi Kastam di Melaka, beri ceramah untuk pegawai-pegawai kastam yang naik pangkat dan saya telah menekankan bahawa integriti, personaliti dan sebagainya adalah penting sebagai pegawai kastam yang mempunyai potensi untuk menjalankan tugas-tugas dan berpotensi untuk kenaikan pangkat.

Tentang rancangan Senator Tuan M. Ratnam supaya diwujudkan skim amanah berasingan untuk orang India, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum kaum India boleh melabur dalam skim amanah saham yang disediakan, dan ada yang terbuka untuk semua kaum. Penyertaan dalam skim amanah saham yang sedia ada adalah lebih sesuai berbanding dengan penubuhan skim amanah saham yang baru khusus sahaja untuk orang-orang India.

Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia mengkaji cadangan itu untuk menubuhkan skim amanah saham untuk kaum India jika ada cadangan rasmi yang dilakukan. Selalunya apa yang berlaku apabila kita mengadakan satu-satu skim amanah saham, kadang-kadang *under subscribe* iaitu peruntukan yang telah kita buat tetapi pembeliannya hanya sedikit sahaja.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah mencadangkan institusi kewangan perlu mengubah dasar mereka supaya usahawan bumiputera tidak menjadi mangsa kegawatan ekonomi. Pihak bank dan institusi kewangan sentiasa menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan industri kecil dan sederhana termasuk usahawan bumiputera pada setiap masa.

Dana-dana yang disediakan oleh kerajaan adalah bagi memantau usahawan-usahawan termasuk usahawan bumiputera yang terlibat dalam aktiviti ekonomi termasuk perkilangan, pembuatan, perniagaan dan juga perkhidmatan. Bank Negara Malaysia pula sentiasa menilai dan mengawasi pelaksanaan dana-dana

yang disediakan bagi memastikan institusi kewangan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Bagi memastikan industri kecil dan sederhana termasuk usahawan bumiputera terus mendapat akses kepada kemudahan kredit pada kos yang berpatutan, Bank Negara Malaysia melalui garis panduan pinjaman kepada industri kecil dan sederhana pada tahun 1999 telah menetapkan bahawa bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dikehendaki memberi pinjaman kepada IKS secara keseluruhannya sekurang-kurangnya berjumlah RM1.24 bilion untuk dipatuhi pada 31 Disember 2000. Bagaimanapun pencapaian sebenar pemberian pinjaman kepada sektor IKS oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan adalah sebanyak RM8.19 bilion iaitu melebihi sasaran sebanyak RM7.68 bilion.

Yang Berhormat Dato' Abdillah Abdul Rahim ingin mengetahui sama ada bank-bank cuma mempunyai tugas untuk memberi pinjaman sahaja atau mempunyai obligasi sosial lain supaya usahawan kecil bumiputera dapat diberi pertimbangan sehingga mereka berjaya. Pihak institusi perbankan telah dinasihatkan supaya lebih telus dalam memproses permohonan pinjaman daripada usahawan yang secara tidak langsung memberi pengetahuan kepada usahawan tentang maklumat-maklumat yang diperlukan oleh institusi-institusi perbankan.

Sehubungan ini, institusi perbankan dikehendaki supaya mempamerkan premis-premis mereka piagam pelanggan masing-masing yang menunjukkan pelbagai maklumat berhubung dengan permohonan pinjaman termasuk keperluan atau garis panduan yang ditetapkan.

Selain itu, usaha-usaha yang diambil oleh institusi perbankan dan institusi kewangan adalah seperti berikut:-

- (i) memberi taklimat kepada peminjam-peminjam termasuklah secara bersemuka dengan mereka dan pengurus-pengurus cawangan;
- (ii) menyebarkan maklumat berkenaan skim-skim pinjaman melalui pameran-pameran yang diadakan;
- (iii) mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai kredit dalam menjalankan tugas penilaian kredit; dan
- (iv) menubuhkan unit pemulihan di institusi masing-masing.

Bank Negara Malaysia telah menubuhkan unit aduan dan pengawasan pinjaman bagi mengenal pasti masalah dan kelewatan kelulusan permohonan dan keluaran pinjaman yang telah diluluskan oleh institusi kewangan yang berkenaan. Institusi kewangan diminta supaya mengemukakan laporan kepada Bank Negara Malaysia bagi kes di mana pengeluaran pinjaman tidak dapat dikeluarkan selepas tiga bulan dari tarikh kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengakhiri ucapan menggulung ini dengan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan dan cadangan semasa membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Shafie daripada Kementerian Kewangan. Sekarang kita menjemput daripada Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia.

11.49 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa pada masa infrastruktur ICT masih belum seimbang di mana konsentrasi pembangunan infrastruktur lebih tertumpu di kawasan-kawasan maju dan di bandar-bandar utama. Kawasan-kawasan luar bandar perlu juga disediakan dengan infrastruktur ICT bagi membolehkan masyarakat mencapai maklumat dan pengetahuan yang diperlukan jika kita mahu mewujudkan masyarakat berilmu, atau *knowledge society*, dengan izin.

Untuk mengatasi ketidakseimbangan ini kerajaan merancang untuk menubuhkan pemberian perkhidmatan sejagat atau dengan izin *universal service provision* bagi membiayai program USP. Di samping sumbangan pihak industri kerajaan juga akan memberi sumbangan kepada tabung ini. Buat permulaan, program yang dibiayai oleh kerajaan akan dilaksanakan untuk pembangunan infrastruktur bagi institusi-institusi kerajaan di luar bandar khususnya sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan komunikasi. Dengan program USP ini kadar

telekomunikasi telefon talian tetap luar bandar dijangka akan meningkat daripada 11.7% pada tahun 2000 kepada 17.5% dalam tahun 2005.

Untuk tujuan ini juga, kerajaan sedang gigih melaksanakan program-program merapatkan jurang digital, di antaranya program Info-desa, program Internet desa dan program Internet ke sekolah-sekolah. Program-program berbentuk komuniti yang menggalakkan penglibatan masyarakat setempat ini bertujuan untuk memastikan rakyat luar bandar tidak terpinggir dalam arus pembangunan komunikasi dan multimedia.

Program akses bagi Internet ke sekolah-sekolah merupakan kaedah yang paling berkesan untuk merapatkan jurang digital melalui pendidikan. Internet perlu didedahkan kepada kanak-kanak sebagai asas utama mewujudkan masyarakat berilmu di masa hadapan. Oleh kerana kanak-kanak adalah lebih mudah untuk menerima pembaharuan, program ini amat berkesan untuk membangunkan masyarakat bermaklumat dan celik IT dalam jangka panjang. Mengikut perancangan, semua sekolah akan mempunyai kemudahan asas Internet dalam tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program yang telah dinyatakan, kerajaan juga telah dan akan menjalankan beberapa program lain yang akan dapat menggalakkan penglibatan masyarakat. Program-program ini termasuklah program pemilikan komputer peribadi dan pembangunan kandungan tempatan masyarakat desa, gerakan desa wawasan, kursus celik komputer, pusat khidmat setempat, pusat maklumat usahawan, pusat penerangan daerah dan pusat latihan komputer belia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas isu jurang digital dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan adalah meliputi semua lapisan masyarakat dan rakyat. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perlunya rakyat sendiri memberi sokongan dan komitmen terhadap usaha-usaha kerajaan dalam pembangunan industri ICT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah mempersoalkan projek pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), misalnya mengenai status dan perkembangan MSC. Saya ingin menegaskan bahawa pembangunan MSC tidak melibatkan peruntukan secara langsung pihak kerajaan kerana sebahagian daripada kawasan MSC telah sedia terbangun kecuali kawasan Cyberjaya yang dibangunkan secara usaha sama dengan pihak swasta. Sebenarnya kerajaan mengambil peluang menggunakan kemudahan-kemudahan

infrastruktur yang sedia ada di dalam kawasan MSC dan menambahkan nilai atau *add value* kepada infrastruktur tersebut seperti KLIA, universiti-universiti, lebuhraya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat 10 Mei 2001 sebanyak 492 syarikat telah mendapat status MSC berbanding dengan sasaran 5,000 buah yang perlu dicapai dalam tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, empat buah syarikat adalah syarikat bertaraf antarabangsa berbanding dengan sasaran 50 buah dalam tahun 2003. Dalam pada itu, syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia yang mendapat status MSC berjumlah 325 berbanding sasaran 350 yang perlu dicapai dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemajuan pelaksanaan projek aplikasi perdana MSC, sukacita saya memaklumkan bahawa bagi Fasa 1 projek ini adalah berjalan dengan lancar. Di antara projek-projek di bawah Fasa 1 adalah projek sekolah bestari tele-kesihatan, kad pintar pelbagai guna dan kerajaan elektronik. Pengalaman melaksanakan projek fasa pertama ini akan memberi manfaat bagi pelaksanaan projek implikasi perdana seterusnya terutama semasa melaksanakan projek fasa kedua. Aplikasi perdana fasa kedua akan menumpukan kepada empat bidang iaitu e-perniagaan, perusahaan kecil dan sederhana, penyelidikan dan pembangunan R&D dan pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai isu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Semua cadangan dan teguan yang dibangkitkan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Perkara-perkara lain yang tidak disentuh akan juga diambil perhatian dan tindakan susulan di mana berkaitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dari Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sebentar tadi. Sekarang kita menjemput dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

11.56 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa membahaskan

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Izinkan saya memberi jawapan atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin mencadangkan Petronas dan Proton menjadi peneraju ke arah mewujudkan lebih banyak syarikat di negeri ini bertaraf dunia dan mengikut jejak langkah Petronas mencari rakan kongsi strategik di luar negara supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Proton memang telah mengambil langkah strategik untuk menjadi syarikat yang mempunyai keupayaan bertaraf dunia. Pembelian syarikat Lotus International Limited dan Michigan Research Institute oleh Proton adalah antara strategi yang telah berjaya dilaksanakan ke arah ini. Kerjasama di antara Petronas dan Faber juga adalah kerjasama strategik yang boleh membantu Proton dalam usaha meningkatkan kualiti kereta Proton. Di samping itu Proton juga mempunyai rancangan untuk melabur di negara-negara lain seperti Asia Barat dan Cina dalam usaha untuk meningkatkan daya saing dan sebagai salah satu langkah pemasaran ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Proton juga akan membantu syarikat-syarikat pembuat komponen kenderaan yang berdaya saing khususnya syarikat-syarikat vendor kereta nasional untuk menerokai pasaran eksport. Syarikat pembuat komponen kenderaan sentiasa digalakkan untuk mengambil strategi pengurangan kos seperti melalui perolehan bahan mentah secara kompetitif, mengembangkan pasaran luar negara serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdillah Abdul Rahim pula ingin tahu langkah-langkah kerajaan menghadapi masalah selepas pelaksanaan AFTA dan pembuatan membawa masuk barang-barang ke salah satu negara ASEAN untuk bersaing dengan Malaysia bagi mendapatkan keistimewaan AFTA.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat apabila AFTA terlaksana sepenuhnya pada tahun 2003 nanti, duti import ke atas produk-produk yang diperdagangkan di rantau ini akan berada pada paras tidak melebihi 5%. Halangan-halangan perdagangan dalam bentuk bukan tarif seperti lesen import dan kuota juga perlu dihapuskan. Kongsesi tarif ini hanya diberi kepada negara-negara ASEAN dan bagi produk yang memenuhi syarat 40% kandungan tempatan dengan menggunakan bahan-bahan mentah yang diperolehi dari kalangan negara-negara ASEAN.

Selain daripada itu proses akhir pengeluaran hendaklah juga dilakukan di negara-negara ASEAN. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa syarat 40% kandungan tempatan ini dipenuhi dengan membuat semakan teliti ke atas sijil dan fasal ASEAN-CEPT Borang D yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di negara pengeksporth. Sekiranya timbul keraguan, maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menggantung konsesi tarif yang telah diberikan kepada produk berkaitan.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar kenyataan bahawa negara-negara ketiga boleh dengan sewenang-wenangnya menggunakan salah satu negara ASEAN untuk memasuki pasaran dan menikmati konsesi tarif di bawah akta. Walau bagaimanapun produk yang berasal daripada luar ASEAN adalah juga layak mendapat faedah di bawah AFTA sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan terhadap beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas segala teguran dan pandangan dan perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekarang kita jemput pula dari Kementerian Pertahanan. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dan menggulung bagi pihak Kementerian Pertahanan. Biasanya jika Dato' Shafie Afdal tidak ada, dia lebih afdal, saya Shafie Salleh ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang sedikit sebanyak telah menyentuh beberapa perkara yang ada kaitannya dalam bidang tugas Kementerian Pertahanan. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa bersikap

terbuka dan bersedia menerima segala pandangan dan teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat demi melaksanakan tanggungjawab dan tugas-tugas yang diamanahkan secara dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membuat penjelasan di atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdul Ghani. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan rasa penuh penghargaan kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada isu-isu yang ada kaitannya dengan anggota tentera kita sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah meninggalkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat tentang peri pentingnya semangat politik ditanamkan di setiap rakyat negara ini. Saya ulang lagi, saya sangat setuju dengan saranan Yang Berhormat tentang peri pentingnya semangat patriotik ditanamkan di setiap rakyat di negara ini. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan mudah kerana ianya melibatkan soal perpaduan masyarakat yang perlu ditangani dengan baik kerana pada pandangan saya dengan adanya semangat tersebut boleh meningkatkan lagi perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan Negara ini agar dapat mengambil tanggungjawab ini secara rela hati dan bersama-sama kerajaan demi memupuk semangat tersebut ke dalam hati sanubari rakyat kita di negara ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya anggota-anggota tentera kita turun padang untuk mendampingi rakyat jelata, saya ingin membuat penjelasan bahawa ATM memang sudah lama menjalankan pelbagai projek atau aktiviti dalam usaha mendekatkan tentera dengan rakyat.

Projek tentera bersama rakyat ini adalah sebahagian daripada kerja-kerja amal yang sering dilaksanakan oleh anggota tentera kita di masa aman dan di dalam keadaan bersiap sedia dalam menghadapi sebarang ancaman. Di samping menjalankan projek-projek tersebut, hubungan erat dapat dijalinkan di antara anggota tentera dengan penduduk-penduduk setempat. Bagaimanapun sa ya tidak mengharapkan hanya tentera yang turun ke padang malah saya harapkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan cubalah dekati anggota-anggota tentera kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kementerian saya baru-baru ini telah mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang wakil rakyat dan bagi

menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat mendekati anggota-anggota tentera yang berada di lingkungan kawasan masing-masing. Sebenarnya banyak aktiviti boleh dirancang bersama untuk mendekati rakyat jelata. Peluang seumpama ini sepatutnya digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kedudukan mereka akan lebih terjamin dengan adanya sokongan dari pihak tentera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kurangnya golongan muda menyertai kerjaya tentera. Sebenarnya kerajaan amat mengalu-alukan semua golongan muda menyertai ATM. Namun banyak faktor yang mendorong kepada budaya kurang minat golongan berkenaan menyertai tentera. Keadaan ini bertambah rumit kerana pemilihan kerjaya banyak bergantung kepada kecenderungan individu itu sendiri. Sementelahan pula, dalam keadaan ekonomi yang baik pada masa ini, golongan muda negara ini mempunyai banyak pilihan untuk menceburkan diri dalam apa jua bidang kerjaya yang diminati mereka. Namun ini bukanlah bermakna kerjaya tentera tidak menarik ataupun tidak mendapat pengiktirafan sebagai satu kerja yang dapat menjamin hidup di masa yang akan datang.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', ada minta laluan, Datuk Ghazi. Dijemput Dato' Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Shafie kerana memberi peluang. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat menyebut tadi menggalakkan wakil-wakil rakyat berdamping rapat dengan anggota tentera. Saya harap maksud Yang Berhormat

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal: *[Masuk ke Dewan]*

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Yang Berhormat Dato' Shafie Afdal baru hadir. Saya harap maksud Yang Berhormat apabila sebut wakil rakyat termasuk Ahli Parlimen sebab kalau wakil rakyat, kita bukan wakil rakyat, tetapi kalau Ahli Parlimen termasuk ahli Dewan Negara kerana kita juga ingin menerima seruan untuk berdamping rapat dengan angkatan tentera dan sekaligus saya ingin bertanya di antara pendekatan yang praktikal ialah di Kem Sungai Besi umpamanya, dekat kampung saya, saya pun duduk di kampung itu. Kalau boleh diberi kemudahan, kereta Ahli Dewan Undangan kalau hendak masuk melawat rakan-rakan di sana, tidak payah tanya, soal banyak sangat. Macam kalau boleh masuk dalam Parlimen,

Kem Tentera di Sungai Besi pun boleh diberi kelulusan begitu juga dengan tempat-tempat lain. Ini satu cara dan kaedah untuk Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Negara untuk mendampingi rakan-rakan kita tentera di dalam kem yang begitu luas dan amat menarik tetapi kita terlalu amat susah hendak masuk dan mengetahui apa benda Allah yang berlaku di dalamnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih di atas teguran yang berkenaan. Saya rasakan selepas itu ada yang menyatakan bahawa kita sebagai Ahli Yang Berhormat jadi di situ termasuklah Dewan Parlimen, Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Saya tertarik dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tadi, selalunya kalau kita hendak masuk Kem Tentera ini kita kena telefon *adjutannya* dahulu dan *adjutant* itu akan beritahu *guard* di luar, sekian-sekian nombor beri masuk kerana mereka ini tahu sahajalah dalam perkhidmatan beruniform, mereka akur kepada ketua mereka dan tidak akur kepada orang lain, itu memang disiplin mereka.

Saya tertarik kerana pada pandangan saya, di kawasan saya ada TUDM. Selalu kalau saya masuk, kita akan memberikan banyak bantuan dan saya pun baru-baru ini telah diminta untuk merasmikan Mesyuarat Veteran. Saya hendakkan kalau Mesyuarat Veteran Angkatan Tentera ini dibuat di kem TUDM itu sendiri, baru mereka merasai bahawa mereka juga disanjung dan dikenang oleh angkatan-angkatan tentera yang sedang berkhidmat ataupun yang lain-lain. Selalu saya masuk ke situ melihat anak-anak mereka belajar, itu yang pertama. Yang keduanya beriadah, kita hendak tubuhkan pasukan tenis dan sebagainya dan kita hendakkan anak-anak ini mempunyai satu kawasan yang terkurung dan di sini kita boleh buat eksperimen *social engineering* yang cukup bagus. Kalau ada *inputnya*, dia akan tengok *outputnya* selepas itu. Dengan adanya perkara-perkara seperti ini, saya rasakan tempat ini sungguh bagus. Kita hendak melihat daripada satu tingkat ke satu tingkat pelajaran mereka, dari segi anak-anak mereka berjaya dalam pendidikan, saya ucapkan terima kasih.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kurangnya golongan muda menyertai kerjaya tentera tadi, sementelahan pula dalam keadaan ekonomi yang baik, mereka boleh memilih kerjaya yang mereka minati. Namun ini bukanlah bermakna kerjaya tentera tidak menarik atau tidak mendapat pengiktirafan sebagai satu kerja yang menjamin hidup masa hadapan. Kerjaya ini seperti lain-lain perkhidmatan kerajaan turut disediakan ganjaran yang sama dan

setimpal. Apa yang perlu dilakukan sebenarnya banyak bergantung kepada kebijaksanaan pegawai dan anggota yang berkenaan dalam merancang masa depan masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerjaya tentera ini sebenarnya banyak menerima sambutan dari golongan muda yang dapat dilihat kepada jumlah permohonan yang diterima bagi jawatan pegawai pada tahun ini yang mana kita menerima sebanyak 10,000 permohonan. Oleh itu tanggapan yang menyatakan golongan muda memilih kerjaya ini sebagai pilihan terakhir atau sebagai satu batu loncatan atau kerja sambilan adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara, Kementerian Pertahanan sentiasa dan akan meneruskan usaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dengan melaksanakan Program Pemodenan Angkatan Tentera. Objektif utama program pemodenan tersebut adalah untuk melahirkan sebuah angkatan tentera yang berkeupayaan dan seimbang di semua peringkat. Sejajar dengan objektif tersebut kementerian telah menggariskan tiga elemen utama bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu;

- (i) Pemodenan peralatan ketenteraan;
- (ii) Meningkatkan kemudahan kepada anggota bagi menjaga kebajikan mereka, dan;
- (iii) Menentukan kesiapsediaan angkatan di dalam ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia pada setiap masa.

Usaha ini adalah selaras dengan Program Satu Tentera, Satu Rumah, Satu Kemahiran yang mana pada masa ini tumpuan kementerian saya adalah untuk menjaga kebajikan anggota-anggota tentera melalui usaha untuk menjadikan kementerian ini sebagai dengan izin, sebuah *learning organization*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha mempertingkatkan tahap profesionalisme kerjaya tentera. Pada masa ini ATM sangat memerlukan pegawai dan anggota-anggota yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran tertentu bagi memastikan pembangunan sumber manusia sealiran dengan perkembangan dan kehendak pertahanan masa kini. Usaha yang bersepadu sentiasa dilakukan oleh kementerian ini dari masa ke semasa bagi memperbaharui syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun, ganjaran dan kemudahan yang sedia ada selaras dengan keadaan semasa bagi memastikan perkhidmatan

atau kerjaya tentera ini lebih menarik, kompetitif dan berdaya saing. Kelmarin Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri telah pun menerangkan perkara-perkara ini.

Selain daripada itu, kementerian juga turut menyediakan kemudahan untuk melanjutkan pelajaran kepada semua peringkat anggota yang mana kementerian cuba untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik bagi anggota-anggota tentera yang berminat dalam bidang-bidang berkenaan.

Pada masa ini kementerian menyediakan pelbagai peluang bagi pegawai dan anggota-anggota lain pangkat menghadiri latihan yang khusus dan juga kursus-kursus akademik di peringkat diploma dan ijazah lanjutan sama ada di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara di bawah Skim Pengajian Tinggi ATM. Di samping itu juga anggota ATM turut dihantar berkursus di Institut Ketenteraan di dalam dan di luar negara bagi meningkatkan lagi kemahiran mereka. Selain daripada itu Institut Latihan Ketenteraan bagi ketiga-tiga perkhidmatan telah diwujudkan bagi memastikan bahawa anggota yang menyertai ATM mendapat latihan yang terbaik demi meningkatkan lagi imej dan profesionalisme di kalangan anggota ATM.

Kementerian juga turut menyediakan peluang untuk meningkatkan kemahiran daripada anggota-anggota yang tidak berminat dengan bidang akademik. Langkah ini diambil kerana tidak semua anggota yang berminat dalam bidang akademik. Oleh itu kelulusan yang diberikan kepada anggota berkenaan adalah yang diiktiraf oleh kerajaan seperti kemahiran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Tuan Yang di-Pertua, di samping untuk menyediakan anggota tetap, kementerian ini turut berusaha untuk mewujudkan sebuah angkatan sukarela yang *credible* dan berdaya tinggi dengan izin, *deterrent* demi meningkatkan lagi jaminan keselamatan dan pertahanan negara. Justeru itu kementerian ini telah mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan penyertaan rakyat bagi menganggotai pasukan-pasukan sukarela.

Antara langkah yang telah dikenal pasti dengan menaikkan kadar beberapa elaun seperti elaun kehadiran latihan tempatan, elaun pakaian seragam, elaun penyelenggaraan pakaian seragam dan elaun pakaian istiadat. Elaun-elaun ini telah diluluskan dalam tahun 2000 yang lalu.

Kementerian juga telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah di setiap negeri. Langkah ini diambil untuk mendapatkan sokongan di peringkat negeri bagi meningkatkan penyertaan rakyat

dalam pasukan Askar Wataniah. Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Unit Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen. Sehingga kini sebanyak 4 kawasan Parlimen telah mempunyai Unit Askar Wataniah dan kementerian dijangka akan menubuhkan unit berkenaan sekurang-kurangnya di dua kawasan Parlimen lagi sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hala tuju pertahanan negara pada masa ini telah diorientasikan kepada pertahanan secara conventional yang berlandaskan kepada strategi cegah-lintang atau dengan izin, deterrent dan berdikari atau dengan izin, *self-reliance*. Selaras dengan itu, kementerian telah melaksanakan penstrukturan semula kekuatan tentera melalui pengurangan kekuatan perjawatan tersebut hanya kepada 118,000 orang anggota sahaja pada tahun 2000 ini. Namun demikian, pengurangan perjawatan ini telah diperseimbangkan dengan memperluas dan memodenkan sistem pertahanan negara.

Kementerian sentiasa memberi perhatian dalam menyediakan dan membekal beberapa persenjataan dan kelengkapan yang lebih moden dan mempunyai keupayaan yang tinggi bagi memastikan kesiapsediaan tentera kita sentiasa berada di tahap yang memuaskan. Peningkatan kekuatan persenjataan ini telah menjadi, dengan izin, *force multiplier* kepada keupayaan dan kekuatan ketenteraan secara keseluruhannya supaya sealiran dengan kehendak revolusi ketenteraan masa kini.

Saya ingin menyatakan bahawa kementerian tidak ragu-ragu dalam menyediakan peruntukan yang mencukupi baik melalui peruntukan pembangunan, malahan juga melibatkan bukan belanja mengurus tahunan bagi memastikan persenjataan yang perlu dengan kehendak keselamatan dapat dibekalkan kepada pasukan tentera kita. Selaras dengan ini, kementerian telah dan akan memperolehi beberapa persenjataan yang lebih moden dan sesuai dengan kehendak keselamatan luar tempoh RMK-8 bagi melengkapkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM.

Diharapkan dengan persenjataan tersebut akan meningkatkan lagi keupayaan perkhidmatan ATM supaya setanding dengan lain-lain negara jiran. Namun, ini tidak bermakna kita cuba berlumba-lumba dengan negara-negara berkenaan kerana dasar pembangunan pertahanan negara kita sama sekali tidak dipengaruhi oleh mana-mana negara luar. Peningkatan keupayaan ketenteraan kita adalah satu proses tindakan kesinambungan pembangunan yang berterusan atas

dasar keperluan gantian, memantapkan dan meningkat teknologi persenjataan dan kelengkapan sistem pertahanan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat mengenai pendidikan anak-anak tentera dan bekas tentera tersebut sangat baik kerana sewajarnya anak-anak anggota tentera memerlukan kemudahan persekolahan yang lengkap seperti guru yang berpengalaman, ruang tempat belajar yang selesa dan sebagainya. Perkara-perkara ini difikirkan penting mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang menggalakkan anak-anak anggota tentera untuk belajar dan seterusnya untuk menambah minat mereka meningkatkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik.

Sekolah berasrama penuh adalah merupakan satu cara yang dapat memberikan kemudahan tempat tinggal yang sesuai untuk aktiviti pembelajaran mereka. Adalah menjadi harapan kementerian untuk menyediakan lebih banyak kemudahan sekolah berasrama penuh untuk anak-anak anggota tentera akan meningkatkan lagi pencapaian mereka dalam bidang akademik di masa yang akan datang.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kecemerlangan anak-anak anggota tentera terjejas kerana terlalu kerap berpindah mengikut keluarga. Pandangan Yang Berhormat tersebut sangat berasas kerana hasil kajian yang dijalankan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia tidak lama dahulu terhadap anak-anak tentera telah menunjukkan bahawa ramai pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik didapati jarang berpindah dan mempunyai bapa yang jarang keluar operasi. Anak-anak anggota tentera yang sedang menuntut di universiti adalah mereka yang mendapat persekitaran fizikal, sosial, psikologi yang memberangsangkan ke arah pencapaian kecemerlangan dalam bidang akademik dan biasanya tidak mengikut keluarga berpindah kerana mereka menetap di asrama.

Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa anak-anak anggota tentera mengalami tekanan emosi apabila bapa mereka tiada di rumah kerana menjalankan tugas. Perpindahan sekolah yang kerap boleh mendatangkan masalah kepada anak-anak tentera. Ini adalah disebabkan setiap kali perpindahan anak-anak tadi terpaksa menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri yang biasanya memakan masa di antara dua hingga tiga bulan. Penyesuaian yang perlu dilalui bukan sahaja terhadap rakan, guru-guru, masalah persekitaran yang baru. Proses penyesuaian ini adalah

lebih membebankan bila berlaku perbezaan terhadap pembelajaran di sekolah yang baru.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan pendidikan yang disediakan pada masa ini oleh ATM masih belum dapat dibanggakan lagi yang mana kemudahan yang disediakan belum dapat menampung keperluan anak-anak tentera. Setakat ini ATM hanya mempunyai sebuah MRSM yang terletak di Kem Terendak, Melaka yang menerima anak-anak anggota tentera. Kemudahan ini jauh dari mencukupi kerana masih ramai anak-anak yang mempunyai kelayakan tidak dapat memberikan tempat belajar di MRSM tersebut. Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan program anak angkat asrama putera dan puteri di Sekolah Menengah Kem Terendak, Melaka bagi menempatkan anak-anak yang tidak mempunyai peluang untuk mengikut pelajaran di sekolah berasrama penuh yang mempunyai kuota kemasukan yang terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian juga akan melaksanakan program latihan bestari yang melibatkan 33 buah institusi pendidikan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan iaitu Maktab Tentera Diraja Malaysia, Sungai Besi, MRSM di Kem Terendak dan Sekolah Pertukangan Perantis, Tentera Darat di Port Dickson. Program Latihan Bestari ini akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada 14 Jun 2001 yang akan datang.

Selain daripada itu, kementerian juga mengenal pasti sebanyak empat buah sekolah menengah kebangsaan dan 27 buah sekolah kebangsaan yang berada dalam kawasan kem-kem tentera di seluruh negara untuk diberi bantuan bagi meningkatkan lagi program ICT di sekolah-sekolah berkenaan tidak lama lagi.

Saya sangatlah bersetuju dengan sasaran Yang Berhormat yang minta Kementerian Pendidikan dapat menyediakan beberapa buah lagi sekolah berasrama penuh khusus menempatkan anak-anak tentera. Jika Kementerian Pendidikan bersetuju dengan cadangan tersebut, kementerian bolehlah memperuntukkan sebahagian tanah-tanah milik kementerian bagi mendirikan sekolah berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian pernah mencadangkan tapak untuk mendirikan sebuah lagi Maktab Rendah Sains MARA di Lumut, namun projek tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana agensi pusat berkenaan berkehendak maktab tersebut ditubuhkan di bawah MARA sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian dalam menjaga kebajikan anggota-anggota tentera yang sudah meninggalkan

perkhidmatan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum. Kementerian telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran yang telah memulakan operasinya mulai bulan ini. Saya yakin dengan wujud jabatan ini nasib bekas-bekas tentera ini akan terus terbela dan usaha-usaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi mereka diharapkan akan dapat berjalan dengan lancar.

Jabatan ini juga sedang dalam usaha untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada persatuan-persatuan bekas tentera di negara ini sama ada secara langsung ataupun bantuan secara tidak langsung kepada ahli persatuan ini. Namun, menyedari tentang sebahagian besar daripada kuasa penuh dan memberi pertimbangan tidak terletak di bawah Kementerian Pertahanan tetapi adalah di bawah kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain termasuk juga oleh kerajaan-kerajaan negeri. Oleh itu, kementerian menyatukan agensi-agensi berkenaan di bawah Majlis Penasihat Hal Ehwal Veteran di mana kementerian mengharapkan dengan adanya penyertaan mereka maka perkara-perkara yang ada kepentingan dengan bekas-bekas tentera mungkin dapat diberi pertimbangan dalam penentuan-penentuan yang diambil oleh mereka.

Contohnya, kalau ada rancangan rumah murah atau rancangan pemberian tanah kelompok, lesen teksi dan sebagainya yang boleh memberi manfaat kepada rakyat, kementerian mengharapkan agar pertimbangan diberikan terhadap golongan bekas tentera. Saya sangat berharap hasrat ini dapat direalisasikan dalam tempoh yang terdekat ini.

Berkenaan dengan saranan untuk mengubah konsep kempen Hari Pahlawan yang ada sekarang, saya yakin ianya akan dapat dilaksanakan tidak lama lagi. Saya percaya Persatuan Bekas Tentera Malaysia boleh bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan dengan lebih baik lagi bagi memikirkan cara-cara yang lebih inovatif dan kreatif untuk menjaya kan program kempen Hari Pahlawan bukan sahaja sebagai cara setakat untuk mengutip derma, malah dapat menjadikan program bagi menghargai jasa dan pengorbanan anggota-anggota tentera kita.

Manakala cadangan PBTM untuk melaksanakan skim amanah saham pahlawan yang bertujuan membantu bekas-bekas tentera melabur di tempat-tempat yang lebih selamat, kementerian akan cuba membantu persatuan berkenaan mendapatkan kelulusan daripada kementerian-kementerian yang berwajib.

Begitu juga cadangan PTTM untuk menubuhkan syarikat kawalan keselamatan yang bertujuan untuk menyediakan wang kerajaan kepada bekas-

bekas tentera yang tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu. Saya akan cuba juga untuk mengemukakan cadangan tersebut untuk kelulusan kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjelasan yang dipinta oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman pula, saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menyedari akan tanggungjawab sebagai sebuah agensi kementerian ini dalam mengambil pegawai dan kakitangan daripada kalangan bekas-bekas tentera untuk berkhidmat dan mengisi kekosongan jawatan yang ada di LTAT sendiri dan juga anak-anak syarikatnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sememangnya terdapat bekas-bekas tentera yang berkhidmat dengan LTAT. Bagaimana kita sedar bilangan kekosongan dan pewujudan jawatan baru di LTAT adalah terhad, namun kita harapkan juga agar LTAT boleh menambahkan lagi bilangan kakitangannya yang terdiri daripada kalangan bekas-bekas tentera di masa-masa yang akan datang.

Mengenai syor Yang Berhormat supaya kementerian mendapat nasihat dari bekas-bekas tentera yang berkepakaran bagi membantu dalam perolehan sistem persenjataan dan peralatan yang sesuai dengan kehendak keselamatan sangat kita alu-alukan dan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya akan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja ulasan saya pada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan. Sebenarnya terdapat cadangan-cadangan atau pandangan-pandangan oleh Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat diulas di sini, saya berjanji bahawa pegawai-pegawai kementerian yang berada dalam Dewan ini akan mengambil maklumat dan kita akan memberi perhatian yang sewajarnya jika diperlukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang tertentu telah menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan dan dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

12.35 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada

semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan terutama kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin kerana telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin mengemukakan pandangan yang menyokong usaha-usaha kerajaan di dalam meningkatkan program *better corporate governance* dengan mengadakan seminar dan latihan untuk ahli lembaga pengarah syarikat agar lebih profesional. Tadbir urus korporat iaitu dengan izin, *corporate governance* yang baik mengutamakan konsep dan kepentingan ketelusan, akauntabiliti, mementingkan tanggungjawab berkanun dan tanggungjawab sosial serta tekun dalam menunaikan kewajipan. Pengurusan yang baik, telus dan berpandukan kepada tahap tadbir urus korporat yang tinggi sememangnya menjadi unsur penting dalam menambah dan memelihara kepercayaan pelabur-pelabur sama ada tempatan atau asing dalam sektor korporat negara kita dalam menuju arah pelaburan yang sihat. Dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, syarikat-syarikat dapat diuruskan dengan berkesan, dengan mengambil kira kepentingan semua pihak iaitu syarikat, pelabur, pemegang saham serta pekerja dan seterusnya negara akan mendapat faedah daripadanya.

Akta Syarikat 1995 yang terpakai kepada semua syarikat adalah salah satu perundangan yang mengandungi peruntukan mengenai tugas dan tanggungjawab yang meliputi tadbir urus korporat iaitu *corporate governance*, dengan izin. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 antaranya adalah mengenai kehendak terhadap membuat penzahiran, tanggungjawab *fiduciary* dan tanggungjawab untuk bertindak dengan jujur tanpa menggunakan kepentingan kedudukan jawatan untuk keuntungan peribadi. Mereka pada setiap masa dikehendaki mematuhi undang-undang yang ditetapkan seperti mengadakan mesyuarat agung dan membentangkan akaun syarikat di hadapan ahli pada setiap tahun untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pihak kementerian saya sentiasa mengkaji dari segi perundangan dan amalan ke arah meningkatkan tahap tadbir urus korporat yang lebih berwibawa supaya setanding dengan negara-negara maju. Pejabat pendaftar syarikat dalam meningkatkan tadbir urus korporat adalah diberi tanggungjawab menjalankan kajian ke atas peruntukan dalam Akta Syarikat 1965

bagi mencadangkan pindaan yang wajar sejajar dengan keperluan ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus korporat terutama yang melibatkan tugas dan tanggungjawab pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai syarikat dalam menguruskan syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 April 2001 ini jumlah syarikat berdaftar adalah sebanyak 550,151. Daripada jumlah tersebut, 805 adalah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu KLSE. Jumlah pengarah yang mengendalikan syarikat-syarikat pada masa ini berjumlah melebihi 800,000 orang. Sungguhpun Akta Syarikat 1965 sedia mengandungi perkara yang perlu dipatuhi oleh setiap syarikat terhadap keperluan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan pengurusan syarikat, namun tahap pematuhan di kalangan pegawai syarikat masih perlu dipertingkatkan.

Dalam tahun 2001 sehingga bulan April, sejumlah 20,016 notis kompaun dengan nilai RM3.7 juta telah dikeluarkan. Kompaun yang dikeluarkan antaranya adalah kerana kegagalan syarikat mengadakan mesyuarat agung tahunan dan kegagalan membentangkan akaun di hadapan ahli dalam mesyuarat agung tahunan syarikat. Kesalahan sedemikian mempunyai kaitan dengan kegagalan menyimpan akaun dengan teratur, maklumat yang palsu atau mengelirukan serta terlibat dengan konflik kepentingan oleh pengarah syarikat. Oleh yang demikian, kerajaan mendapati adalah wajar semua pengarah syarikat diberi pendedahan dan maklumat mengenai tadbir urus korporat.

Bagi syarikat awam tersenarai, Bursa Saham Kuala Lumpur telah mewajibkan pengarah-pengarah syarikat menghadiri kursus mengenai tadbir urus korporat untuk meningkatkan amalan terbaik tadbir urus korporat. Bagi syarikat-syarikat awam

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dijemput Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kerana memberi laluan. Saya hanya minta satu penjelasan, daripada angka yang telah disebutkan tadi, adakah ini satu peningkatan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas, adakah pada tahun yang disebutkan tadi, angka yang diberi adakah itu satu peningkatan ataupun satu penurunan, itu akan menunjuk sama ada kawal selia itu berkesan atau tidak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kompaun yang saya sebutkan iaitu sampai bulan April tahun ini adalah lebih kurang sebanyak 21,000 dan ini adalah satu angka yang lebih kurang sama, sebab di Pendaftar Syarikat dengan sebanyak lebih daripada setengah juta syarikat, setiap syarikat perlu memfailkan lebih kurang lima dokumen iaitu pada setahun Pendaftar Syarikat menerima lebih kurang tiga juta dokumen dan ini menunjukkan bahawa 2% ada kesalahan atau maklumat-maklumat yang tidak begitu terperinci dan kalau dibanding dengan tahun-tahun yang lalu lebih kurang dalam tahap ini iaitu 2%.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ayat saya, di samping peruntukan Akta Syarikat 1965 mereka juga dikehendaki mematuhi keperluan yang diperuntukkan oleh KLSE listing requirement. Sungguhpun Malaysian Code on Corporate Governance yang telah dilancarkan adalah terpakai hanya kepada syarikat-syarikat awam yang tersenarai, namun syarikat awam yang tidak tersenarai juga digalakkan untuk melaksanakan prinsip-prinsip dan cadangan amalan terbaik yang terkandung dalam Malaysian Code on Corporate Governance selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai piawaian ketelusan korporat yang diperakui di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui Pejabat Pendaftar Syarikat telah mengambil langkah mengadakan program latihan kepada pengarah syarikat yang tidak tersenarai yang memberi penekanan kepada tanggungjawab dan peranan seseorang pengarah syarikat berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Akta Syarikat 1965.

Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan tentang tanggungjawab, kesalahan dan hukuman akibat kesalahan yang disabitkan serta melahirkan lembaga pengarah yang cekap dan memainkan peranan dengan lebih berkesan.

Program ini dirancangkan di seluruh negara untuk memberi peluang kepada semua pengarah sama ada yang baru atau yang lama, mengikut kursus ini di tempat-tempat yang berhampiran dengan mereka. Kumpulan sasaran bagi program ini ialah semua pengarah syarikat sendirian berhad dan syarikat awam yang tidak tersenarai serta independent directors. Modul latihan mengandungi pendedahan asas kepada perundangan dan tadbir urus korporat yang disampaikan secara ringkas agar tidak membebankan dan menggalakkan penyertaan.

Kesemua ini penting bagi syarikat-syarikat Malaysia menghadapi cabaran-cabaran AFTA dan globalisasi. Program yang dirangka ini mengandungi enam modul utama terdiri daripada perkara-perkara berikut:-

- (i) Modul 1 – Common Offences by Company Directors;
- (ii) Modul 2 – Law and Practice of Board and General Meetings;
- (iii) Modul 3 – Malaysian Code on Corporate Governance;
- (iv) Modul 4 – Fiduciary Role of Company Directors;
- (v) Modul 5 – Corruption Offences and Prevention; dan
- (vi) Modul 6 – Economic Crimes.

Kandungan modul ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan. Untuk memulakan program latihan ini, program latihan pertama telah pun dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dengan kerjasama Syarikat Permodalan Nasional Berhad khusus untuk pengarah-pengarah anak syarikat PNB pada 17 hingga 18 Mei tahun ini.

Walaupun program latihan ini tidak diwajibkan oleh undang-undang kerana tiada peruntukan undang-undang mengenainya, tetapi berdasarkan kepentingan dan faedah secara keseluruhan terhadap sektor korporat yang menjadi penggerak pembangunan ekonomi negara, langkah-langkah untuk menjadikan keperluan mengikuti program latihan ini sebagai satu peruntukan perundangan dalam Akta Syarikat 1965 sedang diteliti dan dikaji. Ia bertujuan untuk memberi impak yang lebih berkesan dan menunjukkan bahawa kerajaan amat komited dalam memajukan sektor corporate negara ini ke arah melahirkan warga corporate yang lebih bertanggungjawab dan berpengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan memberi pandangan serta cadangan ke atas perkara-perkara di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja tidak diberikan jawapan sewajarnya di Dewan yang mulia ini, sukacitalah saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian sewajarnya oleh kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sekarang kita jemput dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

12.38 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan yang telah menyentuh kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Chareem Intachat telah mencadangkan supaya Jabatan Perpaduan Negara merangka program yang bermatlamat untuk meningkatkan perpaduan bermula dari peringkat kanak-kanak remaja dan dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dan sedang melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti peningkatan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan kanak-kanak remaja dan golongan dewasa. Sebagai contoh, Jabatan Perpaduan Negara mempunyai 1,195 tabika perpaduan di seluruh negara di mana kanak-kanak didedahkan dengan semangat kerjasama, toleransi dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan agama.

Aktiviti seperti Tabikarama Perpaduan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi antara satu sama lain, sementara itu aktiviti-aktiviti seperti kem padujaya diri dan tunas jiran, jiran muda, jiran usia emas dan sebagainya memberi banyak pendedahan kepada generasi muda dan remaja serta warga tua untuk berinteraksi antara satu sama lain tanpa mengira batasan perkauman. Selain daripada itu, program dan aktiviti-aktiviti lain yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara bagi mempertingkatkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani telah mencadangkan supaya kerajaan menggubal undang-undang untuk mewajibkan anak-anak menjaga ibu bapa mereka di mana kerajaan diminta

mengambil tindakan ke atas anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk merangka undang-undang khusus bagi mewajibkan anak-anak yang sedang bekerja menjaga ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, selaras dengan konsep masyarakat penyayang, keluarga akan terus digalakkan untuk menjaga warga tua terutama ibu bapa mereka sendiri.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai penggalakan untuk memupuk suasana keluarga yang harmoni dan terus bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka. Mulai tahun 1992 kerajaan telah memberi pengecualian cukai ke atas perbelanjaan perubatan kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka. Di bawah Skim Saraan Baru, kemudahan perubatan diperluaskan kepada ibu bapa mereka.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah mendirikan pusat harian warga tua untuk membolehkan suami isteri yang bekerja menghantar ibu atau bapa ke pusat ini semasa waktu kerja sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Sekarang kita berpindah ke Kementerian Penerangan, dijemput Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin.

12.42 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi Haji Ramli yang telah menyentuh perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Ghazi, berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM12 juta yang diluluskan akan disalurkan kepada industri filem melalui jabatan dan agensi Kementerian Penerangan yang terlibat dalam industri filem tempatan iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional dan Jabatan Filem Negara.

Oleh kerana kementerian ini sedang menyediakan garis panduan untuk kegunaan peruntukan ini, maka akan terkandung dalam garis panduan ini cadangan pengagihan seperti berikut untuk pertimbangan Perbendaharaan.

- (i) RM4 juta untuk penerbitan filem oleh Filem Negara Malaysia dengan kerjasama FNAS. Penerbitan filem ini adalah

berdasarkan skrip filem yang memenuhi kriteria -kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan;

- (ii) Peruntukan RM4 juta akan digunakan untuk penerbitan filem usaha sama Filem Negara Malaysia dan penerbit filem swasta dengan kerjasama FINAS dan skrip filem yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan atau dipersetujui akan dijadikan filem;
- (iii) Untuk pembangunan skrip, promosi dan penyertaan festival filem antarabangsa, RM2 juta akan diperuntukkan kepada kegiatan tersebut. Bagi pembangunan skrip, kursus penulisan skrip peringkat sijil diadakan.

Selain itu, penulisan skrip adalah salah satu mata pelajaran dalam kursus Diploma Perfileman anjuran Akademi Filem Malaysia dan juga kursus komunikasi di institut pengajian tinggi.

Bagi menggalakkan penulisan skrip, pertandingan tahunan penulisan skrip diadakan, perbadanan telah menganjurkan pertandingan tersebut sebanyak empat kali. Hadiah lumayan disediakan dalam bentuk wang tunai. Dengan itu, skrip filem yang meraih anugerah akan dibeli oleh FINAS untuk dijadikan filem.

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli juga menanyakan tentang sejauh mana pencapaian slogan “filem kita, wajah kita” dalam menghasilkan filem yang berwajah Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, filem-filem yang telah ditayangkan di pawagam-pawagam dan di rangkaian televisyen telah menampilkan aspirasi rakyat dan negara Malaysia dan memenuhi cita rasa pelbagai kaum.

Seruan Yang Berhormat Datuk Ghazi supaya para pengeluar filem di Malaysia bergabung bagi menghasilkan filem yang lebih bermutu akan disampaikan kepada pihak berkenaan.

Mengenai kursus bagi melatih kreativiti untuk golongan muda, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian melalui FINAS telah menganjurkan kursus perfileman seperti kursus pengarah, lakonan, penulisan skrip, penyuntingan dan lain-lain. Terpulanglah kepada individu untuk mempraktikkan kemahiran yang diperolehi dalam menghasilkan kreativiti mereka.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, segala pandangan, teguran dan cadangan akan diberikan perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zainudin dari Kementerian Penerangan dan sekarang kita jemput dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dijemput Yang Berhormat.

12.45 tgh.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi yang telah membahaskan perkara mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menyentuh kementerian saya. Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim yang turut membangkit soal-an yang berkaitan dengan dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Program Bulan Citrawarna yang diadakan pada 26 Mei hingga 24 Jun 2001, sebenarnya adalah satu program promosi pelancongan yang dianjurkan oleh kementerian saya pada setiap tahun. Program ini memaparkan tarikan pelancongan negara dari sudut kepelbagaian kesenian yang diwarisi oleh penduduk Malaysia yang bersesuaian dengan tema promosi pelancongan semasa iaitu Malaysia Truly Asia.

Perayaan Citrawarna yang dianjurkan adalah seperti mana perayaan-perayaan yang dianjurkan di negara lain seperti 'Madigras' di Brazil dan juga 'Pasadina Rice Bowl' di U.S.A. Selain daripada itu Program Citrawarna juga dianjurkan untuk memperkenalkan seni dan budaya masyarakat tempatan kepada pelancong melalui aktiviti yang memaparkan kekayaan serta keindahan budaya dan adat istiadat pelbagai kaum masyarakat di Malaysia seperti tarian, seni kraf dan seni tampak, makanan dan pakaian selaras dengan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Di antara prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini dan juga unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar, boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan. Dengan sebab itu jika Yang Berhormat amati 85% daripada pengisian acara sama ada dalam bentuk pakaian-pakaian tradisional, muzik ataupun tarian adalah berunsurkan budaya rakyat asal rantau ini dan 15% selebihnya adalah berunsurkan budaya etnik lain di Malaysia yang mematuhi prinsip dasar kebudayaan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Citrawarna juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia dan para pelancong menyaksikan ikatan persembahan persahabatan dan perpaduan terjalin kukuh di antara budaya pelbagai kaum di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, forum kebudayaan di Melaka pada 27 dan 28 April 2001, adalah dianjurkan oleh GAPENA, Ikatan Persuratan Melayu Melaka dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Melaka. Ianya bukan sahaja membincangkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dari sudut akademik sahaja tetapi banyak juga menyentuh sejauh mana pelaksanaan dasar tersebut selama ini. Ini termasuklah perkara-perkara yang melibatkan pelaksanaan program pembangunan kesenian seperti teater, muzik, seni tari dan sebagainya.

Forum berkenaan juga telah menegaskan peri mustahaknya penglibatan institusi bukan kerajaan untuk berganding bahu dengan kementerian ini bagi melaksanakan dasar berkenaan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kejayaan pelaksanaan Dasar Kebudayaan ini memerlukan penglibatan dan sokongan dari semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan dan rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai unsur Islam dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Islam sememangnya telah diterapkan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan seperti mana prinsip yang ketiga dan berbunyi, *"Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan."*

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi dan Yang Berhormat Senator Puan Jamilah yang telah menunjukkan minat ke atas Dasar Kebudayaan yang dilaksanakan oleh kementerian saya dan juga Citrawarna. Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas lagi mengenai pelaksanaan dasar ini saya di sini dengan hormatnya menjemput ahli-ahli

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan ini.

Dato' Charern Intachat: Ya....

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Charern Intachat.

Dato' Charern Intachat:terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian akan menjemput Ahli-ahli Dewan ini untuk menyaksikan Perayaan Citrawarna? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, saya sudah memberikan instruction kepada pegawai saya semua mesti dijemput, jikalau selepas pukul 2.30 tidak dijemput, sila berhubung dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali, daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan dengan ini kita jemput pula dari Kementerian Sumber Manusia. Jemput Yang Berhormat Dr. Abdul Latiff bin Ahmad. **12.51 tgh.**

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya terus merujuk kepada saranan Yang Berhormat Puan Siti Hawa yang ingin mengetahui mengenai langkah-langkah khusus untuk membantu golongan bumiputera dalam bidang teknikal dan ICT.

Sukacita dimaklumkan bahawa KSM mempunyai 20 buah institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat yang menawarkan sebanyak 34 kursus di peringkat Sijil Teknikal dan 13 kursus peringkat Diploma Teknologi Kejuruteraan kepada lepasan SPM dan juga pekerja industri. Institut-institut tersebut ialah SIAS iaitu Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Latihan di Shah Alam, Institut Teknologi Jepun Malaysia (GMTI) di Bukit Minyak, Pulau Pinang. 4 buah pusat teknologi tinggi dan 14 buah institut latihan perindustrian dan jumlah kapasiti latihan keseluruhannya adalah 17,000.

Literasi ICT juga dijalankan di kesemua institut latihan Jabatan Tenaga Rakyat bertujuan untuk memberi kesedaran, pendedahan serta penguasaan komputer kepada orang ramai dan program ini akan berterusan selama enam bulan di peringkat negeri, sasaran penyertaan adalah kepada semua golongan masyarakat seperti pekerja industri, suri rumah, pelajar sekolah dan masyarakat tempatan untuk mengikuti pembelajaran dan penggunaan kemudahan komputer yang disediakan secara percuma. Apabila program ini dilancarkan ke seluruh negara sasaran kita adalah 60,000 orang akan dapat dilatih secara percuma dan kita mempunyai kekuatan bagi tenaga pengajar untuk melatih sekian ramai sasaran kita.

Di samping itu juga 50 kursus jangka pendek berkaitan dengan ICT juga ditawarkan di seluruh institut latihan JTR di seluruh negara untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja industri.

Yang Berhormat Senator Jamilah juga membangkitkan isu mengenai penggunaan ICT di negara ini yang pada pendapat beliau masih terbatas dan meminta kerajaan memberi pandangan mengenai hasil kegunaan ICT dalam kemajuan negara. Kementerian ini menganggarkan hampir 60% pelajar lepasan sekolah ini akan memasuki pasaran pekerjaan tanpa latihan dan kemahiran yang sesuai. Keadaan ini ditambah dengan tahap pencapaian pendidikan yang rendah menyebabkan mobiliti pekerjaan mereka terhad dan ini tidak fleksibel serta kurang produktif. Mereka juga mengalami kesukaran mempelajari kemahiran dan sukar untuk dilatih dengan kemahiran baru selaras dengan perubahan teknologi yang semakin pantas.

Sehubungan dengan itu kementerian berusaha untuk meningkatkan tahap literasi ICT dan penggunaan ICT di kalangan tenaga kerja di negara ini termasuk pelajar lepasan sekolah. Atas tujuan itu Pembangunan Sumber Manusia Berhad di SMB Berhad yang telah dikorporatkan mulai 16 Mei 2001, di kementerian ini turut melaksanakan pelbagai skim latihan dan bantuan bidang ICT bertujuan untuk menerapkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran ICT di kalangan pekerja di negara ini.

Antara skim yang terbaharu yang mendapat sokongan dan dorongan yang begitu baik di kalangan pekerja adalah dengan izin, Programme Workers Information Technology Scheme (WITS), kita sediakan RM5 juta peruntukan awal. Selepas dua bulan dilancarkan peruntukan awal RM5 juta sudah pun habis, setakat ini ramai pekerja yang masih menunggu dan kerajaan di bawah PSM Berhad menambah RM6 juta lagi peruntukan bagi memastikan golongan pekerja tidak tertinggal dalam program tersebut.

Saya juga ingin memaklumkan di Dewan ini setakat 20 April 2001, sebanyak '277' tempat latihan telah diluluskan kepada majikan untuk melatih semula pekerja dengan bantuan kewangan sebanyak RM870.27 juta. Latihan semula pekerja yang dijalankan oleh majikan adalah berasaskan kepada keperluan pelan perniagaan mereka, oleh itu majikan bebas dalam menentukan latihan yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan mereka. Majikan bukan sahaja boleh melatih pekerja secara *conventional* tetapi mereka juga boleh melatih pekerja secara jarak jauh, e-training dan juga latihan bantuan komputer. Latihan berkenaan layak mendapat bantuan kewangan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Selain daripada itu, Tabung Pinjaman Pembangunan Kemahiran (TPPK) di bawah kementerian yang baru sahaja dilancarkan pada awal tahun ini turut memberikan pinjaman kepada pelajar lepasan sekolah serta mereka yang sedang bekerja mengikut latihan dan meningkatkan kemahiran termasuk dalam bidang ICT. Tabung ini adalah amat fleksibel dan terbuka kepada semua pihak yang ingin mengikuti latihan dalam bidang ICT di bawah Program MLVK serta sama ada sepenuh masa atau separa masa (*part time*), dengan izin, khususnya bagi mereka yang sedang bekerja di samping tempoh bayaran balik yang panjang sehingga 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang berhubung dengan kementerian dan saya ingin pastikan bahawa kementerian amat menghargai teguran, komen, cadangan dan pandangan dan kita akan ambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya bagi memastikan pembangunan sumber manusia terus menjadi mapan.

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia. Dengan ini saya jemput pula Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dijemput Datuk.

12.58 tgh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan R. Sinniah, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani kerana telah membahaskan isu berhubung Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa perbahasan ke atas Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah peradaban manusia tidak dapat dinafikan bahawa pertempatan manusia adalah merupakan perkara asas pembentukan pembangunan sosial. Ianya merangkumi kemudahan tempat tinggal, infrastruktur dan lain-lain kemudahan sosial.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa prihatin ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan pertempatan manusia dan berusaha dari

masa ke semasa untuk merealisasikan aspirasi kerajaan ini melalui Dasar Wawasan Negara.

Pelancaran dan pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi merupakan pemangkin yang dapat merealisasikan harapan dan matlamat kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, boleh kita sambung jawapan ini selepas waktu rehat nanti.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya meminta Kementeeian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus diberi perhatian demi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Isu Perumahan.

Kerajaan sangat prihatin dan mengambil berat tentang pembangunan perumahan kerana ia adalah merupakan tanggungjawab asas yang perlu dilaksanakan sejajar dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Ini dapat dilihat dengan jelas di mana dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak 232,000 unit rumah kos rendah atau 37.7% daripada jumlah sasaran dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara bagi golongan berpendapatan rendah.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berusaha untuk

bersikap telus, bertanggungjawab serta sensitif dalam berhadapan dengan sebarang masalah yang timbul ketika mengendalikan hal ehwal perumahan khususnya bagi memastikan penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa, termampu dan berkualiti untuk golongan rakyat berpendapatan rendah.

Dalam hubungan ini, sebenarnya kementerian ini sedar mengenai kepentingan keperluan-keperluan asas untuk kemudahan orang-orang kurang upaya di dalam kawasan perumahan. Di dalam projek-projek perumahan awam khususnya di projek-projek di bawah Program Perumahan Rakyat atau PPR, kementerian telah menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu dari segi spesifikasi, lantai dan bilik tandas bagi keperluan orang-orang kurang upaya terutamanya di tingkat bawah dan tingkat satu dalam pembangunan rumah kos rendah yang dibina oleh pihak kerajaan. Dari segi pengagihan keutamaan akan diberi kepada orang-orang kurang berupaya untuk mendapat rumah di tingkat bawah atau tingkat-tingkat yang lebih rendah.

Mengenai perkara ini juga, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian ini telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji keperluan lif di rumah pangsa kos rendah lima tingkat dengan mengambil kira peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam yang tidak menyebut keperluan lif bagi rumah pangsa setinggi lima tingkat, jika ianya mematuhi ketinggian yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian perumahan dan kerajaan tempatan juga sensitif dengan penggunaan istilah yang tidak konsisten dan kadangkala menimbulkan masalah di kalangan masyarakat. Sebenarnya penggunaan istilah sama ada rumah kos rendah atau rumah murah adalah merujuk kepada perkara yang sama iaitu kemudahan perumahan yang disediakan, khusus untuk golongan berpendapatan rendah. Begitu juga pihak kementerian tidak pernah menggunakan istilah rumah mewah kos sederhana, sebaliknya penggunaan istilah seperti rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah adalah merujuk kepada konsep mengenai kategori rumah.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian telah bercadang untuk menggunakan nama yang lebih sesuai bagi menggantikan nama rumah kos rendah atau rumah murah dengan nama Program Perumahan Rakyat (PPR) dan merujuk kepada nama projek tertentu yang dipilih secara rasmi seperti PPR, Desa Tun Razak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan rumah kos rendah adalah dikhasakan untuk golongan sasaran bagi golongan berpendapatan rendah yang dikenal pasti oleh pihak

kerajaan negeri melalui pendaftaran di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer (SPT). Di bawah sistem pemilihan ini, semua pemohon telah dikenal pasti berdasarkan pendapatan bulanan isi rumah. Kementerian ini sedang berusaha bagi mewujudkan satu sistem yang telus dan praktikal.

Memandangkan sistem ini tidak menghadkan kepada jenis pekerjaan, sukacita sekiranya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat menasihatkan mereka yang belum menikmati kemudahan perumahan supaya membuat pendaftaran di peringkat negeri. Menerusi pendaftaran ini, pihak kerajaan negeri akan dapat mengenal pasti dengan lebih awal kedudukan pemohon berdasarkan penumpuan kawasan dan juga dari segi kemampuan sama ada memerlukan rumah kos rendah untuk dibeli atau disewa.

Dalam kes-kes tertentu, kerajaan negeri boleh memberi keutamaan dalam bentuk kuota untuk memberi laluan kepada pemohon-pemohon tertentu seperti yang terlibat dengan projek-projek kerajaan dan bencana alam atau penempatan semula yang dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu Jabatan Kerajaan Tempatan

Berhubung dengan kelewatan pemberian *Certificate for Occupation* (CFO), bagi bangunan kementerian, saya telah mengambil tindakan-tindakan yang tertentu yang bertujuan untuk mempercepatkan pengeluaran CFO termasuk mengeluarkan garis panduan bagi kemudahan pihak berkuasa tempatan untuk menimbangkan permohonan CFO dengan segera. Di samping itu, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, telah dipinda bagi menetapkan piagam pelanggan pengeluaran CFO dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima di peringkat PBT.

Lazimnya, kelewatan yang masih berlaku adalah atas sebab-sebab permohonan yang tidak lengkap, tidak mematuhi keperluan-keperluan jabatan, agensi teknikal seperti Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan lain-lain syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengakhiri ucapan menggulung ini dengan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan semasa membahaskan RRJP3 ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar menjawab.

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan membincangkan perkara-perkara berhubung isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kepentingan masyarakat Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, pembekuan beberapa Program Pembangunan Orang Asli oleh Kerajaan Negeri Pahang seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan adalah bertujuan untuk mengkaji semula program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini yang rata-rata tidak disenangi oleh sebahagian Orang Asli sendiri dengan alasan program-program pembangunan tersebut tidak menepati kehendak-kehendak mereka.

Pembekuan ini adalah bersifat sementara untuk membolehkan Kerajaan Negeri Pahang mendapat pandangan cendekiawan Orang Asli sebelum sesuatu projek yang akan dilaksanakan nanti dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat Orang Asli. Dakwaan yang mengatakan sejak tahun 1999, Jabatan Orang Asli telah diletakkan di bawah sekurang-kurangnya 10 kementerian adalah kurang tepat, dan bukan 10 kementerian tetapi 7 kementerian.

Walaupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kerap bertukar kementerian, ia tidak bermakna jabatan tidak mempunyai hala tuju yang jelas untuk membawa pembangunan masyarakat Orang Asli. Ini adalah kerana JHEOA mempunyai matlamat yang khusus untuk membangunkan Orang Asli dan matlamat ini tidak berubah walaupun bertukar kementerian.

Di bawah RRJP3, usaha juga akan ditumpukan ke arah pembasmian kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, walaupun status Orang Asli tidak disebut sebagai bumiputera dalam Artikel 153, Perlembagaan Negara, namun dari segi hak dan peluang-peluang Orang Asli telah dijelaskan di bawah Akta 134, Perlembagaan Negara, Akta Orang Asli tahun 1954, hak keistimewaan dan peluang-peluang Orang Asli adalah sama dengan kaum bumiputera yang lain.

Perlembagaan Negara dengan jelas digubal untuk menjaga kepentingan warganegara Malaysia termasuk Orang Asli. Bayaran pampasan tanah Orang Asli adalah menggunakan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (Pindaan) 1974, dan mengikut Kanun Tanah Negara. Tanah rizab dan yang didiami serta diusahakan oleh Orang

Asli kebanyakannya tidak mempunyai status gèran atau hakmilik. Mengikut Akta 134, bayaran pampasan terhadap rizab, penempatan Orang Asli seperti disebutkan, dinilai atas usaha harta atas tanah tersebut.

Memandangkan kementerian ini baru mengambil alih semula Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, isu seperti ini akan diambil kira dalam penyediaan Pelan Komprehensif Pembangunan Masyarakat Orang Asli. Pelan ini adalah selaras dengan kenyataan dasar RRJP3 mengenai pembangunan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani telah memohon supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi perangkaan terperinci mengenai kadar kemiskinan mutlak mengikut negeri dan kaum. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit angka mengenai kadar miskin, dan kadar termiskin pada tahun 1995, 1997 dan 1999.

Kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah:

Tahun	Bil. Isi Rumah Miskin	Bil. Isi Rumah Termiskin
1995	360,600 (8.7%)	88,400 (2.1%)
1997	274,200 (6.1%)	62,400 (1.4%)
1999	351,100 (7.5%)	64,100 (1.4%)

Tuan Yang di-Pertua, untuk tiap-tiap negeri dan tiap-tiap daerah seperti yang diminta oleh Yang Berhormat, saya ada senarainya dengan saya dan kalau Yang Berhormat beri kebenaran, saya boleh beri ini kepada Yang Berhormat selepas perbincangan ini sebab senarai ini ialah satu senarai yang panjang dan mungkin akan membawa banyak kekeliruan kalau saya baca di sini.

Dengan itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada mereka yang membangkitkan isu-isu yang berkenaan dengan kementerian saya dan kalau saya tidak sempat menjawab di sini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara itu akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya meminta Kementerian Pertanian menjawab.

2.46 ptg.**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern telah membangkitkan isu pertanian moden. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sedang memberikan galakan dan dorongan agar pengusaha-pengusaha kecil pertanian bergabung agar pengeluaran pertanian dapat dilaksanakan secara besar-besaran. Satu projek pertanian moden yang merupakan pertanian campuran berskala besar dengan menggunakan teknologi terkini sedang dalam peringkat perancangan dan bakal menjadi model kepada pengusahaan aktiviti pertanian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Siti Zailah binti Mohd Yusoff telah membangkitkan isu penggunaan teknologi dalam sektor pertanian. Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi dalam sektor pertanian sentiasa diberikan penekanan dan galakan oleh Kementerian Pertanian. Antara penggunaan teknologi yang ditekankan dalam bidang pertanian ialah bio-teknologi yang digunakan bagi menghasilkan *variety* tanaman yang mempunyai kapasiti pengeluaran atau hasil yang lebih tinggi dan membangunkan kaedah pemprosesan yang menghasilkan produk dengan nilai eksport yang tinggi serta memiliki kelebihan daya saing melalui penghasilan produk bermutu tinggi. Melalui penggunaan bio-teknologi pertanian, petani-petani meraih faedah daripada penghasilan tanaman baru berkualiti tinggi, rintang penyakit dan perosak serta mengeluarkan hasil yang lebih banyak, hasil tuaian berjangka hayat yang lebih panjang, bekalan benih bermutu tinggi melalui teknik *in-vitro* selain lebih banyak produk dapat dirumuskan daripada hasil tanaman mereka melalui penggunaan bio-teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siti Zailah juga telah membangkitkan isu penyebaran ilmu bidang pertanian dengan pembinaan sekolah aliran pertanian. Tuan Yang di-Pertua, ilmu dalam bidang pertanian telah sedia ditawarkan di sekolah-sekolah vokasional umpamanya sekolah vokasional di Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat 40 buah pusat latihan berkaitan bidang

pertanian yang dikelolakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian yang memberikan pelbagai kursus peringkat sijil.

Kementerian Pertanian sekarang ini sedang berusaha untuk meningkatkan keupayaan institusi-institusi latihan pertaniannya untuk membolehkan murid-murid lepasan sekolah aliran biasa, vokasional serta juga mereka yang kemahiran *hands on* untuk diterima mengikuti kursus-kursus di dalam institusi-institusi latihan ini. Modul kemahiran mengenai pertanian teknologi baru dan peralatan pertanian terkini serta juga penyampaian ilmu dengan menggunakan ICT akan dilaksanakan bagi melahirkan generasi petani yang moden dan celik ICT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdillah bin Abdul Rahim membangkitkan isu mengenai meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengurangkan import makanan dan menggalakkan penyebaran pengetahuan berkaitan pertanian di sekolah-sekolah di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, usaha telahpun dilaksanakan dalam membuat perancangan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara dan mengurangkan import. Kementerian Pertanian melalui jabatan/agensinya telahpun merangka rancangan dan *business plan* yang terperinci bagi tempoh lima tahun yang akan datang dalam tiap-tiap subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan dan perikanan di samping meningkatkan keupayaan khidmat sokongan bagi menghasilkan produk-produk yang berkualiti untuk dipasarkan. Walaupun masih di peringkat awal lagi hasil perancangan ini telah pun dapat dilihat melalui peningkatan pengeluaran makanan bagi ketiga-tiga subsektor pertanian ini.

Kurikulum mengenai ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah luar bandar ataupun di bandar adalah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Namun begitu, bagi mereka yang berminat dalam pengetahuan ini, ianya boleh didapatkan daripada jabatan-jabatan pertanian negeri dan daerah yang berupaya memberikan maklumat dan seluk-belok mengenai pertanian di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Zainal Rampak telah membangkitkan isu berkaitan soal pengeluaran beras negara. Tuan Yang di-Pertua, jumlah import beras negara sebenarnya telah menurun daripada iaitu daripada 654,425 metrik tan pada tahun 1998 kepada 614,047 metrik tan dalam tahun 1999 dan pada tahun 2000 ialah sebanyak 604,947 metrik tan. Selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga, kerajaan telah meneruskan langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran padi iaitu seperti penyediaan atau peningkatan

kemudahan-kemudahan infrastruktur, peningkatan keupayaan dan kecekapan pengurusan air, pembekalan benih bermutu dan berhasil tinggi serta meningkatkan mutu padi dan beras.

Di samping itu, kerajaan menggalakkan penanam padi berskala besar menerusi pelaksanaan projek-projek kelompok, mini estet dan estet padi serta meningkatkan penggunaan mekanisasi dan otomasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama memberikan perhatian, teguran dan cadangan kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti dan tindakan sewajarnya akan diambil. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, ianya akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih. .

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pendidikan untuk menjawab.

2.53 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan .

Tuan Yang di-Pertua, pertama ialah mengenai dengan perluasan pendidikan tertiar. Izinkan saya mulakan ucapan dengan memberi penjelasan terhadap beberapa perkara mengenai isu-isu pendidikan tertiar. Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin telah menggesa agar *enrollment* pelajar dalam bidang sains dan teknologi di Institusi-institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) ditingkatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *enrollment* pelajar dalam bidang sains dan teknologi di peringkat Ijazah Pertama berbanding dengan bidang-bidang lain di IPTA telah meningkat kepada 52% pada sesi akademik 2000/2001 berbanding 42% pada sesi akademik 1990/1991.

Ini merupakan peningkatan yang menggalakkan dan selari dengan matlamat kementerian ini untuk meningkatkan *enrollment* pelajar kepada 60% dalam bidang sains dan teknologi menjelang tahun 2010. Untuk mencapai sasaran tersebut, beberapa langkah telah diambil termasuklah meningkatkan pengambilan pelajar baru

dalam bidang-bidang tersebut sekali ganda. Penubuhan IPTA baru seperti Kolej Universiti Tun Hussein Onn dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia juga lebih memberi penekanan kepada bidang-bidang sains dan teknologi.

Yang Berhormat Dato' Charern Intachat telah meminta agar pelajar daripada keturunan Siam diberi kriteria yang sama dengan kaum bumiputera Melayu dalam kemasukan ke IPTA. Berhubung perkara ini, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelajar keturunan Siam memang tidak termasuk dalam kategori bumiputera. Namun demikian, peluang mereka untuk memasuki IPTA tetap ada jika mereka mendapat keputusan peperiksaan yang baik berdasarkan merit dan juga kombinasi mata pelajaran bersesuaian dengan kursus yang dipohon. Untuk makluman, bagi sesi akademik 1999/2000 terdapat seramai 49 orang pelajar keturunan Siam di peringkat Ijazah Pertama di IPTA iaitu 33 orang Siam di Universiti Sains Malaysia (USM), 11 orang di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), 3 orang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan 2 orang di Universiti Malaysia (UM).

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin agar IPTA sebagai pusat mengeluarkan guna tenaga kerja berpengetahuan atau *knowledge worker* dengan izin, Kementerian Pendidikan memang sedang membawa hala tuju pendidikan di universiti-universiti ke arah tersebut. Ini bersesuaian dengan konsep ekonomi yang memerlukan ramai pekerja berpengetahuan terutama dalam bidang-bidang termaju seperti kejuruteraan, *robotic*, elektronik serta bidang-bidang bio-teknologi termasuk bio-sains, kejuruteraan genetik dan farmasi. Kementerian juga merancang menstrukturkan semula universiti-universiti yang telah lama beroperasi seperti UUM, USM dan UKM sebagai universiti-universiti yang lebih menumpukan kepada penyelidikan dan pembangunan serta lebih menumpukan kepada program-program pasca ijazah. Langkah ini perlu kerana ia merupakan faktor penentu dalam menjana inovasi dan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah mencadangkan agar kerajaan membina institusi-institusi pendidikan yang berorientasikan pembangunan usahawan. Kementerian Pendidikan berpandangan ini merupakan cadangan yang baik walaupun pada masa ini belum ada IPTA yang khusus menjurus kepada bidang keusahawanan. Kebanyakan IPTA sedia ada telah menawarkan program-program keusahawanan sama ada melalui mode sepenuh masa atau program jarak jauh. Sebagai contoh, di Universiti Teknologi Mara (UiTM) elemen keusahawanan adalah merentasi semua program akademik yang ditawarkan

oleh universiti tersebut. Di Universiti Utara Malaysia (UUM) pula terdapat pusat perniagaan dan pembangunan usahawan. Manakala di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) subjek pembangunan usahawan dimasukkan dalam kursus program Sarjana Muda Pendidikan.

Mengenai kerjasama antara pihak kerajaan dengan pihak swasta seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Kementerian Pendidikan memang menggalakkan usaha tersebut. Universiti-universiti awam di negara ini sentiasa berhubung dengan pihak industri bagi mendapat maklum balas bagi menentukan kemahiran yang diterapkan kepada pelajar sentiasa relevan dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Melalui perkongsian pintar seperti ini akan memberi manfaat kepada semua pihak iaitu universiti, pelajar dan pihak swasta.

Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim telah mencadangkan agar warga tua diberi peluang mendapat pembelajaran sepanjang hayat. Kerajaan memang menggalakkan rakyat terus belajar sama ada secara formal atau tidak formal tanpa mengira batasan usia. Ini adalah selaras dengan hasrat bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan secara berterusan serta memupuk masyarakat yang sentiasa menimba ilmu pengetahuan. Untuk makluman...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat daripada Kementerian Pendidikan. Apabila kita menceritakan tentang pelajar tidak kira umur ini saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya anak-anak kita di peringkat tadika dan sekolah rendah selalu diajukan dengan unsur-unsur luar yang kadangkala merupakan unsur-unsur politik sehinggakan kanak-kanak kecil ini boleh terpesong dari segi minat untuk menentukan pendidikan sepenuhnya dapat ditimba bahkan mungkin juga fikiran mereka diracuni oleh unsur-unsur luar yang boleh memusnahkan pemikiran anak-anak muda, anak-anak kecil dan mungkinkah ini menyebabkan kita kurang mendalami dari segi ilmu ini sehinggakan kegagalan dan ketidakcemerlangan dari segi pencapaian wujud di kalangan terutama sekali bumiputera. Jadi apakah benar perkara ini berlaku secara berleluasa di peringkat sekolah-sekolah rendah dan juga tadika.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita di sebelah pihak kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional begitu mengambil berat mengenai dengan semua lapisan masyarakat supaya menuntut ilmu dan ilmu itu ilmu yang baik asalkan ia tidak bercanggah dengan Islam, itu adalah tuntutan Islam namanya. Bukan dengan sesetengah pihak yang cuba memesongkan konsep ilmu itu. Malah di antara mereka yang sanggup kerana soal politik partisan menggunakan murid-murid ataupun anak yang di peringkat yang lebih muda dengan unsur-unsur seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi iaitu kalau kita dengar laporan-laporan yang kita dapat bahawa di peringkat pra-sekolah lagi yang setengahnya dikendalikan oleh sesetengah pihak – saya sebut di sini terus-terang sahaja - yang pada permukaannya katanya ini adalah didikan Islam. Apakah Islam yang diajar kepada anak-anak yang muda tadi yang mana kita hendak mulakan di peringkat awal itu ialah satu tunjuk ajar yang baik supaya asas mereka kukuh terutama sekali kita gunakan mereka ini supaya akhirnya mereka sebenarnya menurut landasan Islam yang selama ini kita lakukan.

Oleh itu, saya berharap benarlah mintalah semua pihak janganlah kita campuradukkan pendidikan di peringkat awal mahupun sampai ke atas, mahupun sampai ke peringkat tua supaya jangan dicampuradukkan dengan fahaman politik partisan. Apa yang berlaku hari ini yang menjadi kelam-kabut, yang menjadi hiruk-pikuk mengenai dengan isu pendidikan kerana pendekatannya lebih mirip kepada politik partisan. Saya berharap benar kita begitu serius sekali mengenai dengan penyampaian ilmu ini supaya ia tidak dicampuradukkan dengan fahaman politik partisan kerana kalaulah kita lakukan perkara yang demikian, kebimbangan kita ialah pada satu hari nanti anak-anak ini tidak mendapat ilmu yang secukup dan juga yang sebenarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim yang juga menyentuh perkara tersebut, pada masa ini pembelajaran sepanjang hayat terbuka luas dan boleh dimanfaatkan melalui kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT. Sebagai contoh, usaha yang telah dipelopori oleh Universiti Tun Abdul Razak dengan menggunakan pendidikan maya atau dengan izin, virtual. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan memang mempunyai rancangan untuk menggerak dan memperluaskan program tersebut di institusi-institusi pendidikan awam.

Mengenai pembinaan lebih banyak kolej komuniti di Sabah, kerajaan memang bercadang menambah pembinaannya secara berperingkat sehinggalah semua kawasan Parlimen di seluruh negara mempunyai kolej komuniti.

Penubuhan yang khusus untuk anak-anak bekas tentera telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani. Dalam hal ini, kementerian ini berpandangan bahawa institusi-institusi pendidikan awam yang sedia ada telah memadai kerana ia memberi ruang secukupnya kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang. Bagi anak-anak bekas tentera atau sesiapa sahaja yang cenderung menceburi profesion ketenteraan pada masa ini telah terdapat institusi yang khusus melatih bakal-bakal pegawai profesional tentera iaitu Akademi Tentera Malaysia (ATMA) yang menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Adalah kurang sesuai untuk menubuhkan sebuah institusi bagi satu-satu golongan atau untuk sesuatu kaum sahaja seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat Ratnam a/l Muthiah kerana penubuhan sesebuah institusi perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kecukupan pelajar, bidang dan kualiti kursus yang ditawarkan dan juga tenaga pengajar serta memenuhi aspirasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan sistem pendidikan dan kurikulum persekolahan, izinkan saya memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang berhubungkait dengan sistem pendidikan dan kurikulum persekolahan. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Dato' Charern Intachat telah menyentuh mengenai usaha membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu melalui sistem pendidikan.

Kementerian ini amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat iaitu pemupukan perpaduan hendaklah bermula dari peringkat persekolahan rendah lagi dengan memberi ungkapan "melentur buluh biarlah dari rebung". Namun demikian, untuk mewujudkan satu aliran persekolahan sahaja sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat perlu mendapat *consensus* dari semua pihak kerana kita tetap berpegang kepada kontrak sosial dan persefahaman yang telah dipersetujui bersama. Pelaksanaan sekolah wawasan adalah satu usaha Kementerian Pendidikan untuk murid-murid dari pelbagai jenis sekolah rendah berintegrasi dan kerajaan sangat-sangat berharap agar semua pihak memberi sokongan kepada usaha murni ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Ratnam a/l Muthiah yang mencadangkan agar digubal sistem pendidikan yang baru supaya lebih sesuai dengan keperluan

pelbagai kaum, kementerian ini berpandangan sistem yang sedia ada telah memenuhi kehendak masyarakat berbilang kaum dan agama sekiranya semua pihak menghayati falsafah pendidikan kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, mata pelajaran Pendidikan Moral perlu diajar dalam jadual waktu kerana ia merupakan mata pelajaran teras. Sebaliknya mata pelajaran Bahasa Ibunda adalah mata pelajaran pilihan yang boleh diajar sekiranya terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa seperti yang digariskan dalam Akta Pendidikan 1996.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim mencadangkan agar kurikulum pendidikan negara dapat diintegrasikan di antara keperluan akademik dan pendidikan keagamaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa mengemas kini dan memperkukuhkan kandungan kurikulum semua mata pelajaran agar lebih sesuai dengan keperluan semasa. Ini termasuklah pengukuhan kepada pegangan ajaran agama berserta dengan penerapan nilai-nilai murni. Saya tegaskan penerapan nilai-nilai murni yang dapat membendung penularan fahaman dan amalan yang bercanggah dengan syariat kehidupan mulia. Nilai-nilai keagamaan dan akhlak adalah merentasi semua mata pelajaran. Oleh itu, janganlah menganggap bahawa pihak kementerian tidak tentukan segala ilmu pengetahuan yang telah disampaikan menurut lunas-lunas Islam.

Penekanan terhadap bidang pertanian dalam pendidikan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan ini juga telah dijawab oleh pihak Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, di sini ingin saya nyatakan Kementerian Pendidikan sedar mengenai kepentingan bidang tersebut dalam pembangunan negara. Justeru, pada masa ini terdapat empat buah Sekolah Menengah Teknik yang menawarkan Kursus Pertanian iaitu SMT Rembau Negeri Sembilan, SMT Teluk Intan, Perak, SMT Chenor, Pahang dan SMT Lahad Datu, Sabah.

Selain itu, dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Sains Pertanian merupakan mata pelajaran elektif. Bagi peringkat SPM pula, mata pelajaran Sains Pertanian kini ditawarkan di 360 buah sekolah menengah. Mulai tahun 2002, kementerian akan menawarkan mata pelajaran Pertanian iaitu lanskap dan nurseri, tanaman, makanan dan akuakultur serta haiwan rekreasi dalam mata pelajaran Kemahiran Asas Industri yang akan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan isu-isu profesion keguruan. Yang Berhormat Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli telah menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan membangkitkan isu mengenai profesion keguruan. Sebenarnya, pengiktirafan terhadap warga guru tidak terhad semasa perayaan Hari Guru sahaja seperti yang didakwa.

Dari masa ke semasa, kerajaan berusaha memperbaiki Skim Perkhidmatan Pendidikan agar selari dengan Skim Perkhidmatan Awam yang lain. Salah satu daripada usaha tersebut ialah peluang kenaikan pangkat guru-guru dengan pelaksanaan kenaikan pangkat secara khas untuk penyandang di bawah Konsep Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang mulai tahun 1995 dan dengan izin, *time based promotion* mulai tahun 1998 iaitu satu-satunya kaedah yang unik bagi perkhidmatan pendidikan.

Dalam urusan ini, kenaikan pangkat tidak dihadkan kepada bilangan kekosongan jawatan tetapi setelah mengambil kira kecemerlangan prestasi dan tempoh perkhidmatan seorang pegawai, kementerian ini juga memberi perhatian dan mengucapkan terima kasih terhadap teguran Ahli Yang Berhormat mengenai profesion keguruan yang diiktiraf sebagai profesional tetapi tidak mempunyai badan-badan profesional khusus untuk guru seperti bidang-bidang profesional yang lain, umpamanya doktor dan peguam. Cadangan yang baik seperti ini boleh dipertimbangkan sekiranya ia benar-benar dapat memartabatkan profesion keguruan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan ini, ingin saya sampaikan satu rangkap pantun.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi baik dikenang juga.*

Saya berharaplah apa yang kita telah sampaikan oleh pihak kementerian kepada masyarakat, anggaplah ini satu budi yang baik kepada semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya

mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

3.15 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan dan Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga semasa perbahasan.

Yang Berhormat Datuk Hazizah menggesa kerajaan untuk meneruskan agenda membantu kaum wanita bukan sahaja menyumbangkan kepada pembangunan negara. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga adalah petanda jelas akan objektif kerajaan untuk meneruskan malahan meningkatkan agenda untuk membantu wanita. Kementerian ini telahpun menyediakan beberapa strategi bagi mencapai objektif ini dalam perancangan jangka panjang dan jangka pendeknya. Rancangan Malaysia Kelapan memperuntukkan strategi yang jelas bagi meningkatkan lagi peranan wanita.

Teras strategik bagi kemajuan masa hadapan wanita termasuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan dan perniagaan; menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan supaya wanita tidak ketinggalan dalam pembangunan ekonomi berasas pengetahuan; mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang menghalang kemajuan wanita serta memperbaiki lagi taraf kesihatan mereka.

Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten meminta kementerian mengatur strategi dan tindakan bagi menghadapi masalah sosial yang akan berlaku kesan daripada peningkatan sehingga 70% pelajar wanita di universiti tempatan. Saranan Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian oleh kementerian. Dalam pada itu adalah perlu kedudukan penyertaan wanita dalam institusi pengajian tinggi ini dilihat secara lebih menyeluruh iaitu meliputi kesemua institusi dan juga jangka masa yang lebih panjang sama ada.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri laluan tak kepada Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya pun terkejut dengan ratio baru ini nisbah 70:30 ini. Jadi, saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kalau orang-orang wanita ini semua cerdik pandai besok kita takut macam jadi di Singapura di mana di Singapura wanita dia tidak mahu kahwin, sehingga kerajaan Singapura terpaksa membuatkan satu rancangan program 'love boat'. Di mana wanita dengan lelaki naik bot ini belayar dua tiga hari balik pun tidak kahwin juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya amat bersetuju dengan Menteri baru kita ini supaya satu impact study dibuat. Kalau semua te rutamanya di IPTA, IPTS ini tidak termasuk, kalau semuanya wanita memonopoli tempat-tempat di institut pengajian tinggi ini kita bimbang besok susah dia hendak kahwin kerana tak kan hendak kahwin dengan orang yang bodoh-bodoh. Jadi, bila susah hendak kahwin kita dapati kemungkinan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendakkan 70 juta penduduk Malaysia ini mungkin tidak tercapai. Jadi, apakah pihak kementerian akan membuat kajian secara teliti dengan impact study kerana ia mempunyai impak jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya Ahli Yang Berhormat yang bimbang, kami di kementerian pun bimbang sekali dengan trend di institusi pengajian tinggi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kami wanita pun kita hendak kaum bapa kita berilmu, mereka berpendidikan tinggi dan mereka mempunyai sifat-sifat yang mulia. Kita wanita pun hendak begitu Ahli Yang Berhormat. Sekian lama kita mendengar selalunya kaum bapa sahaja yang memberi kriteria wanita idamannya. Tetapi pada dalam alaf ini kita wanita pun kita hendak mengatur beberapa ciri-ciri kaum bapa yang dihormati pada alaf ini dan sudah semestinya salah satunya ialah mereka mempunyai pendidikan. Mungkin kepada setengah pendidikan itu adalah pengalaman hidup, ada mungkin kepada setengah dia tidak hingga ke universiti tetapi kita hendak kualiti daripada kaum bapa kita.

Untuk program 'love boat' ini Yang Berhormat saya nampak Yang Berhormat begitu minat sekali dengan idea ini. Saya ingat masa dahulu lagi Yang Berhormat rasa tarikan dengan 'love boat' ini. Sebenarnya konsep ini di Singapura Yang Berhormat mendapat kejayaan yang agak membanggakan, memang betul Yang Berhormat kata, saya difahamkan oleh kawan saya di Singapura bahawa bukan semuanya yang pergi on the love boat dengan izin balik berkahwin. Tetapi adalah beberapa peratus kejayaan tetapi di Malaysia ini saya rasa buat masa ini belum ada keperluan lagi kerana kami di kementerian dapati bahawa kualiti kaum

bapa di Malaysia masih boleh membanggakan. *[Tepuk]* Cuma hendak jaga-jaga sahaja, sat lagi orang lelaki ini bila sudah kena puji itu habislah. Cuma hendak berjaga-jaga, berhati-hati supaya tidak ketinggalan daripada kita wanita. Dalam dunia ini Yang Berhormat kita wanita kita tahu, kita mesti melengkapkan diri dengan pendidikan, ilmu, kesabaran macam-macam dan kita sentiasa dengan izin we are always being contemporaneous. Kita tahulah sebab wanita dalam dunia ini Yang Berhormat kita dengan izin we have to work twice as hard to be thought half as good. Jadi, kita sentiasalah berdikari mencari jalan untuk memperbaiki diri. Tetapi kaum bapa kalau dia tidak berjaga-jaga wanita dengan izin menggunakan perkataan pasar kita nanti 'teng' kaum bapa ha!. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat .

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Menteri kerana memberi laluan. Saya berminat setelah mendengar kerisauan yang ditimbulkan oleh Datuk Aziz tentang jumlah ataupun peratusan 30:70 di institut pengajian tinggi swasta ini. Walau bagaimanapun kalau ada keperluan untuk meneliti tentang sebab-musababnya mengapa wanita mempunyai pencapaian yang tinggi mungkin perlu juga kita membuat penyelidikan. Apa sebab-musababnya kaum bapa lemah kerana kalau kita tengok daripada peruntukan sama ada di peringkat kerajaan negeri mahupun di peringkat persekutuan dalam rancangan jangka panjang dan dalam rancangan Malaysia daripada 1-8 begitu banyak peruntukan, kemudahan yang diberi secara saksama kepada wanita dan kaum bapa, lebih lagi kepada kaum bapa.

Kalau kita ingat kepada sejarah, pada suatu ketika dahulu kalau kita ada dua anak, satu anak lelaki, satu anak perempuan, orang-orang tua dahulu selalu memberi keutamaan kepada anak lelaki oleh kerana kurang kemampuan mereka perlu beri keutamaan kepada anak lelaki dahulu kerana mereka sebagai ketua keluarga pada masa yang akan datang. Maka pada ketika itu ramai kaum wanita tidak berpelajaran because they were not given a fair change dengan izin tetapi hari ini berbeza apabila Kerajaan Barisan Nasional memberi peluang yang saksama di antara kaum bapa dan kaum ibu atau anak lelaki dan anak perempuan. Ternyata bahawa pencapaian anak-anak perempuan melebihi keupayaan anak lelaki. Jadi, sekarang kita kena tanya bukan sahaja kenapa wanita boleh mencapai lebih, kenapa pula kaum bapa berkurangan dalam pencapaiannya. Sedangkan kemudahannya sama diberi, terima kasih. Minta pandangan.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju 110% dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya setuju bahawa bukan hanya wanita yang perlu kita ada satu study untuk bertanya kenapa wanita di IPTA mencatat kejayaan yang membanggakan dan kenapa kaum bapa pelajar-pelajar lelaki kita nampaknya seolah-olah akan ketinggalan. Namun begitu saya rasa bahawa ini adalah trend bukan semua universiti tetapi di beberapa universiti sahaja. Pada masa ini kalau kita tengok bidang-bidang yang diterokai oleh kaum bapa adalah lebih contemporary, lebih daripada mereka dalam bidang-bidang sains misal kata, matematik dan lain-lain. Tetapi wanita tidak mencukupi, kita mahu wanita bukan hanya sekadar memenuhi keperluan di universiti tetapi mereka mesti terdiri daripada pelajar-pelajar yang berkualiti dunia akhirat. Ini yang mustahak ada keseimbangan.

Namun begitu Yang Berhormat tadi, Senator Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan seperti Senator Datuk Ghazi dan lain-lain, saya rasa eloklah buat program di bawah Kelab Senator untuk masuk ke IPTA dan IPTS untuk memberi motivasi kepada semua pelajar lelaki dan wanita, pengkhususan kepada pelajar lelaki supaya mereka mesti belajar lebih kuat, mungkin *preoccupy* mereka dengan perkara-perkara lain tetapi kita wanita ini, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang, mungkin kita mengambil berat tentang pendidikan. Apabila kita diberi peluang misal kata masuk IPTA dan IPTS, kita ketepikan perkara-perkara lain seperti misal kata pembabitan dalam politik yang negatif dan kita memberi perhatian dan tumpuan 100% kepada pendidikan. Kita tidak ada masuk demonstrasi jalanan atau kerja-kerja politik yang tidak membawa faedah kerana masanya ada. Lulus sahaja sudah dapat Degree, Masters dan Ph.D lepas itu 100% masa hendak tumpu kepada politik pun lagi baik.

Jadi itulah Yang Berhormat Dato' Aziz bagi menjawab kekhuatiran dan kebimbangan Dato', kami pun kongsi kebimbangan itu dan saya percaya bahawa Dato' dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mungkin akan dapat membantu pelajar-pelajar lelaki ini. Kita wanita, *we are doing so far*, dengan izin, okeylah tetapi bukan 100% Yang Berhormat, kalau mengikut kementerian ini, kita hendak lagi. Jadi kita hendak kualiti, kita hendak pelajar-pelajar wanita kita bukan hanya berhenti setakat Degree tetapi mesti ada Masters, lepas Masters ada Ph.D kerana alaf dahulu kita semua ada Degree, tidak jadi apa alaf ini. Alaf ini mesti mencatatkan peningkatan dalam pendidikan. Kalau zaman Dato' dan saya, kita semua pergi

universiti. *So today you are going to university is a normal thing*, dengan izin, tetapi kena ada peningkatan iaitu setidaknya-tidaknya mesti ada Masters dan sebaik-baiknya ada Ph.D. Kita hendak pelajar-pelajar wanita kita itu mempunyai impian setinggi gunung. Itu harapan kami daripada kementerian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten juga menyentuh mengenai peruntukan dan bilangan anggota kementerian serta pertubuhan pejabat Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat negeri dan daerah. Suka saya maklumkan bahawa cadangan struktur organisasi kementerian telah pun dikemukakan kepada agensi pusat dan persetujuan secara prinsip telah pun dicapai. Cadangan Yang Berhormat mengenai penubuhan pejabat di peringkat negeri ini adalah di dalam pertimbangan JPA.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mereka yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Semua saranan dan pandangan Yang Berhormat adalah diberi perhatian oleh kementerian dan akan diambil tindakan susulan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Jabatan Perdana Menteri menjawab.

3.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 17 Mei 2001 telah menggariskan hala tuju strategi pembangunan negara bagi tempoh 2001 hingga 2010. Sepanjang perbahasan mengenainya, pelbagai pandangan dan syor telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih atas pandangan, syor dan sokongan tersebut kerana ia akan membolehkan kerajaan meneruskan agenda pembangunan negara bagi mencapai aspirasi Wawasan 2020. Dalam suasana ekonomi dunia yang semakin bersepadu, usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara telah menjadi semakin rumit kerana terdapat banyak kekangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Namun begitu, kerajaan akan terus menggiatkan usaha pembangunan ekonomi negara demi meningkatkan kesejahteraan hidup semua rakyat.

Dasar Wawasan Negara (DWN) akan menjadi panduan ke arah melahirkan ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing untuk menghadapi arus globalisasi

dan liberalisasi ekonomi dunia serta membentuk masyarakat yang berpengetahuan yang tersemat dengan nilai-nilai dan etika yang positif, harmoni, bersatu padu dan selamat. Kejayaan mencapai matlamat DWN ini memerlukan kerjasama erat dari semua pihak demi masa depan kita dan generasi yang akan datang. Saya akan menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan berhubung dengan RRJP3 dan DWN. Mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa kementerian-kementerian lain, saya percaya Yang Berhormat Menteri masing-masing telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wawasan Negara akan terus memberi perhatian kepada usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, strata dan lokasi kerana kerajaan yakin ini adalah prasyarat ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saksama. Perhatian bukan sahaja akan ditumpukan ke arah membantu masyarakat golongan termiskin malah golongan miskin dan berpendapatan rendah di bawah dan di luar bandar. Usaha akan ditumpukan kepada penyediaan kemudahan asas dan projek-projek yang dapat meningkatkan pendapatan di samping menanam sikap yakin dan menghargai diri terutamanya dalam menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar. Dalam tempoh RRJP3 strategi membasmi kemiskinan akan lebih diuruskan kepada kelompok kecil miskin di semua wilayah terutamanya di kawasan pedalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah bangunan termasuk masyarakat keturunan Siam, kumpulan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak dan masyarakat Orang Asli. Bagi masyarakat Orang Asli, satu pelan bangunan komprehensif masyarakat Orang Asli akan dirangka untuk mengatasi insiden kemiskinan yang tinggi dan juga bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Kebajikan warga tua juga diberi perhatian serius selaras dengan dasar masyarakat penyayang.

Berhubung dengan pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), saya ingin memaklumkan bahawa ia berdasarkan penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS). Metodologi pendapatan isi rumah di bawah penyiasatan ini adalah dijalankan secara saintifik. HIS sebenarnya telah dijalankan dengan jayanya sejak tahun 1980. Oleh yang demikian, pengiraan HIS ini memang mencerminkan kedudukan pendapatan keluarga semasa mengikut komposisi kaum dalam negara. Berdasarkan pengiraan ini, PGK bagi tahun 1999 adalah RM510 bagi Semenanjung Malaysia, RM685 bagi Sabah, RM584 bagi Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi membantu golongan berpendapatan 3% terbawah kerajaan telah menetapkan

kriteria kelayakan berasaskan pendapatan bulanan tidak melebihi RM1,200 sekeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan komitmen semua pihak, pencapaian ekonomi bumiputera telah dapat dipertingkatkan. Bumiputera kini sudah menceburi beberapa bidang utama ekonomi negara di samping memegang beberapa jawatan penting profesional dan pengurusan dalam entiti korporat dan bukan korporat. Bumiputera juga telah menceburi sektor seperti pembinaan, pengangkutan dan pertanian. Namun begitu, penyertaan dan pemilikan bumiputera dalam beberapa sektor strategik seperti pembuatan dan perkhidmatan umumnya masih lagi rendah dan perlu dipertingkatkan. Dalam tempoh RRJP3, fokus utama penglibatan ekonomi bumiputera akan dijuruskan kepada sektor-sektor strategik tersebut. Sebagai langkah memaksimumkan penggabungan sumber ekonomi bumiputera, hartanah baitulmal, tanah wakaf, tanah rizab Melayu dan peribumi khususnya yang berpotensi untuk dimajukan akan diberi perhatian.

Dalam hal ini, institusi-institusi kewangan, institusi dan syarikat bumiputera diseru memberi perhatian untuk membangunkan hartanah tersebut. Di samping itu, institusi dan syarikat bukan bumiputera juga digalakkan menyertai usaha niaga tersebut selaras dengan galakan usaha sama tulen di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Pada masa ini, mekanisme yang sedia ada sememangnya berupaya memastikan pelaksanaan dan pemantauan program masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berkesan. Namun begitu, kerajaan akan sentiasa mengawasi pelaksanaan program-program berkenaan dan jentera serta mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan akan diperkemas dari masa ke semasa. Ini penting bagi memastikan apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sebarang masalah yang dihadapi akan dapat dikenal pasti dan seterusnya langkah penyesuaian yang sewajarnya akan diambil untuk mengatasinya.

Kerajaan memang sedar bahawa latihan keusahawanan amat penting bagi menjamin usahawan bumiputera. Menyedari keperluan ini, program-program latihan akan terus dijalankan untuk melatih bukan sahaja usahawan bumiputera yang sudah pun bertapak, malah bakal usahawan yang berminat untuk menceburi dunia perniagaan. Selain daripada aspek latihan dan kemudahan kewangan, usaha ke

arah sistem pemasaran khususnya bagi syarikat-syarikat dan perniagaan bumiputera akan juga diberi perhatian memandangkan pemasaran merupakan di antara aspek penting yang menentukan kejayaan usaha niaga bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan matlamat mewujudkan MPPB yang mantap amat bergantung kepada kesungguhan, ketekunan dan daya usaha bumiputera itu sendiri. Sikap yang positif, jati diri, cekal, bertanggungjawab dan berdikari merupakan asas penting kepada kejayaan tersebut. Dalam usaha untuk mencapai hasrat dan matlamat penyusunan semula masyarakat, perhatian utama akan diberikan kepada usaha membantu golongan usahawan bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak khususnya yang masih ketinggalan dan memerlukan perhatian. Sungguhpun bumiputera telah menempah banyak kejayaan dalam sektor dan bidang-bidang tertentu, namun pencapaian mereka dalam beberapa sektor strategik ekonomi negara masih rendah dan perlu dipertingkatkan.

Dalam mengejar kemajuan dan sektor-sektor strategik ekonomi negara, bumiputera juga perlu terus berusaha untuk memperbaiki kualiti pencapaian mereka dalam sektor-sektor yang telah mereka ceburi seperti sektor pengangkutan, pembinaan dan sebagainya. Komitmen semua rakyat termasuk jentera kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya merupakan faktor penyatu yang membolehkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional berjaya. Faktor penyertaan ini perlu terus digembleng untuk memastikan Dasar Wawasan Negara juga dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan matlamat pemilikan ekuiti 3% bagi masyarakat India, kerajaan sedang mengambil langkah untuk menjalankan kajian terperinci untuk menilai penyertaan masyarakat tersebut dalam ekonomi negara. Hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada usaha merangka strategi dan program yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan pencapaian matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi masyarakat India.

Ada juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal supaya kerajaan memberi peluang setimpal khusus dalam bantuan modal kepada industri kecil dan sederhana yang dimiliki oleh masyarakat India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun menyediakan pelbagai bantuan kewangan dalam bentuk tabung-tabung kepada industri kecil dan sederhana dan kebanyakannya adalah terbuka kepada semua kaum. Sehingga setakat ini bantuan yang disediakan itu belum lagi digunakan sepenuhnya. Oleh yang demikian, masyarakat India yang

menceburi diri dalam industri kecil dan sederhana bolehlah menggunakan tabung-tabung yang sedia ada.

Sesungguhnya terdapat banyak peluang yang telah diwujudkan dalam pelbagai program perniagaan kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Apa yang penting ialah daya usaha yang akan menentukan kejayaannya. Bumiputera dan bukan bumiputera yang gigih berusaha dan cekap mengambil peluang yang wujud dan pasti akan berjaya. Program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan sebahagian sahaja daripada peluang yang wujud dalam ekonomi negara. Oleh itu, rakyat keseluruhannya tidak seharusnya mengharapkan bantuan dan program kerajaan sahaja, tetapi haruslah memberi perhatian kepada peluang yang lebih besar di pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga kerajaan telah memberi perhatian kepada saranan dan keperluan masyarakat kumpulan minoriti termasuk masyarakat keturunan Siam dan juga Orang Asli. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga jelas menunjukkan bahawa di samping masyarakat Siam, pembelaan dan perhatian juga akan terus diberikan kepada semua rakyat yang kurang bernasib baik tanpa mengira kaum dan keturunan termasuklah dalam mendapatkan pendidikan dan latihan. Walau bagaimanapun, kerajaan juga berharap agar semua rakyat yang berjaya termasuk masyarakat kumpulan minoriti supaya tidak terus menerus mengharapkan pertolongan dan bantuan kerajaan, tetapi perlu bersama-sama membantu rakan lain yang kurang bernasib baik.

Kerajaan menyanjung tinggi akan pandangan kumpulan masyarakat Siam bahawa perpaduan harus bermula di peringkat sekolah atau anak-anak lagi. Justeru itu, pendidikan di peringkat sekolah memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan di kalangan generasi muda. Pengalaman masyarakat Siam yang hidup bersama-sama dan belajar di bawah bumbung yang sama dengan masyarakat bumiputera telah membolehkan mereka kini bergaul dan lebih mengenali antara satu sama lain dan terus tinggal bersama-sama dalam satu kelompok perkampungan atau masyarakat setempat dengan harmoni dan penuh toleransi. Di sekolah yang sama bukan sahaja murid-murid daripada kalangan masyarakat Siam dapat bergaul dan memahami antara satu sama lain, malah ibu bapa mereka juga berpeluang bersama-sama berinteraksi dengan ibu bapa dan masyarakat bumiputera melalui persatuan PIBG dan program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa untuk memenuhi tuntutan semua pihak adalah amat sukar. Oleh itu, sesuatu kaum atau kumpulan harus bersedia untuk memberi sedikit laluan dan pengorbanan kepada rakan yang lain terutamanya mereka yang sudah berjaya agar matlamat dan cita-cita negara untuk melihat seluruh rakyat dapat nikmat yang sama hasil daripada pembangunan dan kemajuan ekonomi negara dapat dicapai. Begitu juga dengan pandangan setengah pihak yang mewakili masyarakat bumiputera bahawa sasaran peratusan pemilikan ekuiti bumiputera yang saksama sepatutnya melebihi 30% bagi mencerminkan komposisi penduduk negara. Keadaan ini sebenarnya merupakan satu keadaan yang amat ideal dan sudah pasti sukar dicapai dalam jangka masa yang terdekat, malah dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga sekalipun.

Menyedari hakikat ini, setelah mengambil pandangan banyak faktor termasuk keupayaan sumber yang ada serta keutamaannya, kemampuan bumiputera itu sendiri dan sebagainya, maka sasaran sekurang-kurangnya 30% merupakan sasaran yang sesuai buat masa ini. Pencapaian sasaran ini perlu dilihat dalam konteks ke arah menyediakan asas yang kukuh kepada bumiputera untuk terus maju dan seterusnya mencapai matlamat agihan kekayaan negara yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan supaya kerajaan dan pihak swasta menetapkan gaji minimum pada RM900 sebulan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pendapatan pekerja yang berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kadar upah di Malaysia adalah berasaskan tahap produktiviti bagi setiap sektor. Penentuan kadar upah yang munasabah adalah perlu supaya tidak wujud tekanan yang keterlaluan ke atas harga dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan sebenar rakyat. Justeru itu, adalah penting kenaikan upah yang selaras dengan peningkatan produktiviti supaya daya saing negara dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP3 adalah satu rangka tindakan pembangunan negara untuk tempoh jangka sepuluh tahun yang akan datang. Ia membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan Malaysia mampu dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang mendatang terutama cabaran dari arus globalisasi. Kejayaan Malaysia mengharungi arus globalisasi ini bergantung kepada kejayaan kita melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan saksama iaitu satu daripada prinsip utama RRJP3. Tanpa wujudnya masyarakat yang bersatu padu dan

saksama, matlamat pembangunan ekonomi negara akan tinggal matlamat sahaja. Oleh itu, adalah penting bagi kita semua mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman luaran mahupun dalam negeri sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, RRJP3 adalah produk hasil daripada persetujuan pelbagai golongan masyarakat melalui maklum balas yang diterima dari Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2). Saya ingin menjelaskan bahawa RRJP3 bukanlah strategi yang sama dengan yang telah dibangkitkan dahulu, tetapi merupakan satu pelan yang baru yang mengemukakan satu anjakan dan strategi untuk semua rakyat Malaysia. Ia tidak merupakan satu dasar yang memperjuangkan politik perkauman yang bertumpu kepada kejayaan satu suku bangsa dan agama sahaja, tetapi mencerminkan matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh semua rakyat Malaysia yang pendekatan baru.

Selain dari itu, RRJP3 mengemukakan satu kelainan di mana ia merupakan satu pelan yang memberi fokus kepada keperluan membentuk sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan. Oleh itu, kerajaan telah memberi penekanan kepada pentingnya pembangunan sumber manusia dan penggunaan teknologi seperti ICT sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan melihat ICT sebagai satu sektor yang berhubung kait dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Oleh itu, inovasi dan penggunaan teknologi terutama ICT adalah penting dalam pembangunan semua sektor ekonomi, sosial dan pentadbiran, bukan hanya dalam sektor multimedia atau penyelidikan dan pembangunan sahaja.

Penggunaan ICT akan membawa kepada perubahan kepada cara ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertuadan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan kepada saya.

Saya amat tertarik dan begitu meyakinkan sekali mendengar penerangan Yang Berhormat mengenai RRJP3 secara keseluruhan sebagai menyimpul membuat kesimpulan bagi perdebatan atas tajuk yang baik ini. Bila Yang Berhormat menyebut penekanan tentang pengetahuan, terfikir oleh saya bahawa mungkin ada baiknya kalau persembahan dan maklumat yang begini baik dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dijadikan sebagai satu program, sebagai satu tajuk besar oleh umpamanya, sebagai contoh, Biro Tatanegara yang dengan lebih telus boleh

menjalankan satu program di dalam universiti-universiti, institut pengajian tinggi awam juga swasta.

Kerana kalau kita berlandaskan ICT dan ilmu, saya rasa kita mempunyai satu tempat yang agak baik untuk berunding, bertukar fikiran dan menyampaikan apa yang ingin kita sampaikan kepada generasi muda, kerana yang saya sebut ini kadang-kadang program yang dijalankan oleh Biro Tatanegara ini agak menuju ke suatu arah yang mungkin negatif. Tetapi kalau kita jadikan positif melalui program ini, saya rasa ini satu cara untuk menarik generasi muda khususnya di IPTA dan IPTS kerana pembentangan Yang Berhormat amat menarik sekali kalau boleh panjangkan, kembangkan begini secara positif, *involvekan*, dengan izin, seluruh pelajar, jadi kita boleh mendapat maklum balas dan penglibatan mereka dari segi itu. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bentangkan dalam Dewan ini satu jawapan kepada apa yang telah dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam persidangan Dewan dan apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ialah satu fakta yang baik, yang kita dapat ambil kira dalam pelaksanaan polisi kerajaan. Kita bentang dalam Dewan ini dasar kerajaan, iaitu satu dasar utama untuk menggunakan ICT dan terpulanglah kepada kementerian-kementerian dan juga badan-badan lain yang terlibat untuk melaksanakan dasar kerajaan ini dan saya amat bersetuju bahawa ini mesti diberikan satu perhatian utama.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi ICT akan membawa perubahan kepada cara berfikir, merancang dan bekerja sama semua rakyat. Ia akan membawa kepada perubahan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, pengurusan kerajaan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan juga pertanian.

Ini bermakna bahawa pembangunan yang dibawa oleh RRJP3 bukan sekadar untuk mengukuh dan menokok tambah sahaja tetapi juga membawa idea dan inisiatif baru yang akan mempengaruhi pembangunan negara dan rakyat sama seperti falsafah RRJP yang selama ini menjiwai pembangunan negara dan bangsa.

Di samping wujudnya masyarakat yang bersatu padu dan saksama, kejayaan menjadikan matlamat RRJP3 satu kenyataan bergantung juga kepada kemampuan komitmen sesebuah kerajaan. Terdapat banyak cabaran dan rintangan yang terpaksa kita lalui sepanjang sepuluh tahun akan datang kerana ia akan merupakan satu tekad di mana Malaysia terpaksa bersaing di peringkat global dan terpaksa

menerima segala akibat yang dibawa oleh globalisasi dan liberalisasi. Oleh itu, Malaysia perlu sentiasa bersedia untuk mempertahankan ekonomi negara dari risiko yang akan memudaratkan usaha kita selama ini. Kerjasama semua pihak sangatlah penting untuk membangunkan negara dengan jayanya.

Akhirnya saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan RRJP3 ini. Semua cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan akan diambil kira dalam pelaksanaan RRJP3 untuk memastikan matlamat yang ditetapkan akan dicapai dengan jayanya.

Saya berharap sokongan dan pandangan yang membina ini akan berterusan demi kesejahteraan rakyat dan negara kita. Semoga dengan izin Tuhan, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju, makmur dan harmoni serta menjadi kebanggaan generasi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosioekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 - 2000 dan Dasar Pembangunan Nasional;

menyokong usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua menerusi Dasar Pembangunan Nasional iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama;

melulus dan mengesahkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara yang bertujuan menyediakan objektif pembangunan negara dan dasar yang akan dilaksanakan dalam dekad ini sebagaimana terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 11 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Dasar Wawasan Negara, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dan bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing."

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan tahun 1987 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang bernama Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000 bagi bacaan kali kedua. Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan 1987 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1988 bagi menggantikan Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Akta ini telah dipinda sebanyak lima kali sebelum ini.

Cadangan untuk meminda 17 seksyen pada kali ini adalah bertujuan untuk membolehkan penswastaaan aktiviti pengeluaran lesen memandu yang selama ini dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) diuruskan oleh pihak swasta dan pengeluaran serta pembaharuan lesen memandu melalui penggunaan kad pintar pelbagai guna (KPP) kerajaan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menswastakan aktiviti pengeluaran lesen memandu JPJ adalah lanjutan dan perluasan skop penswastaaan JPJ yang asal iaitu daripada cadangan menswastakan aktiviti-aktiviti Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Motor JPJ yang meliputi perkhidmatan, pendaftaran dan pelesenan kenderaan, pengeluaran dan pembaharuan lesen kenderaan motor atau cukai jalan. Perkhidmatan pengurusan dokumen kenderaan di Pusat Pengurusan Rekod JPJ, perkhidmatan pendaftaran nombor plat peribadi dan penyediaan sistem maklumat JPJ. Pindaan akta yang melibatkan skop asal itu telah diluluskan pada sidang Parlimen dalam tahun 1996.

Selain daripada itu pelaksanaan KPP kerajaan akan dilaksanakan pada masa ini adalah merupakan satu daripada tujuh aplikasi perdana yang dirancang pelaksanaannya di bawah konsep Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor, dengan izin. Melalui pelaksanaan KPP kerajaan ini orang ramai akan mendapat perkhidmatan untuk tiga aplikasi iaitu pengeluaran dan pembaharuan kad pengenalan dan pasport selain daripada lesen memandu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan kali ini meliputi 17 seksyen. Antara lain, perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kebenaran pendaftar berlesen menjalankan aktiviti berhubung dengan pelesenan pemandu kenderaan motor. Pindaan yang terlibat bagi tujuan membenarkan pendaftar berlesen menjalankan aktiviti berhubung dengan pengeluaran dan pembaharuan lesen memandu adalah melibatkan pindaan kepada enam seksyen. Seksyen-seksyen tersebut ialah Seksyen 10, 12, 17, 27, 29 dan 30. Dengan yang demikian, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengeluaran dan pembaharuan lesen memandu akan diambil alih dan dikendalikan oleh pihak swasta yang ditafsirkan sebagai pendaftar berlesen atau *licensed registrar*, dengan izin.
- (ii) Pindaan yang melibatkan penggunaan KPP kerajaan. Pindaan yang terlibat bagi tujuan penggunaan KPP kerajaan yang mengandungi pengeluaran dan pembaharuan lesen memandu melibatkan lima seksyen. Daripada lima seksyen yang tersebut, Seksyen 34A adalah merupakan seksyen baru yang mengandungi peruntukan yang memperkatakan pengendorsan lesen memandu yang terkandung di dalam KPP kerajaan atau peranti elektronik pelbagai guna.

Pengendorsan yang dibuat ke atas KPP kerajaan itu adalah ekoran daripada keputusan mahkamah yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang didapati melakukan kesalahan trafik. Selain daripada itu, empat lagi pindaan yang melibatkan Seksyen 36, 38, 41 dan 44 memperkatakan mengenai penyerahan, penyimpanan, penggantungan dan penyitaan lesen memandu yang terkandung dalam KPP kerajaan atau peranti elektronik pelbagai guna.

Melalui pindaan yang dibuat ini ianya membolehkan penggantungan lesen mereka yang melakukan kesalahan dan penyerahan lesen memandu boleh dibuat apabila pemakaian KPP kerajaan dimulakan.

- (iii) Kebenaran pendaftar berlesen mengeluarkan lesen vokasional. Pindaan yang melibatkan perkara ini ialah melalui pindaan Seksyen 56, Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dahulu.

4.00 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana membentangkan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000 ini yang mengandungi pendekatan secara *mode IT*.

Kita Ahli-ahli Dewan Negara berpeluang baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil gambar dan juga diberi kad IT ini – saya baru sahaja dapat kad pintar. Kad pintar yang mengandungi kod, nombor kad pengenalan dan juga lesen kereta, lesen memandu dan insya -Allah, kepada mereka yang mempunyai pasport yang canggih ini pun boleh masukkan juga, *cash* pun boleh dimasukkan.

Jadi, ini merupakan satu pendekatan ala baru yang boleh menyenangkan lagi pihak pengguna, kita semua berurusan dengan pihak kerajaan dan pada masa yang sama saya ingin mengetahui untuk mempunyai kad pintar ini berapa agaknya kos yang terpaksa kerajaan bayar? Kerana kita hendakkan kalau boleh apa yang kita buat ini sepatutnya bermula semasa kelahiran anak lagi, di mana ia mempunyai apabila dia lahir, Tuan Yang di-Pertua, terus dia dapat kad pintar yang menunjukkan tarikh lahir, negeri dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Daripada situ merupakan nombor induk yang ditokok tambah apabila dia sudah pandai memandu kereta, ada kodnya, apabila dia mengundi ada kodnya dan seterusnya sehingga dia mati. Berapa orang anak pun dan boleh juga dicabang-

cabangkan, berapa orang anak dan sebagainya, berapa orang isteri dan sebagainya menerusi kad pintar ini.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan wujudnya data-data personal, data-data peribadi ini dikumpulkan di dalam satu tempat yang kini ialah pihak kerajaan, saya bimbang kalau-kalau data ini mungkin disalahgunakan oleh pihak-pihak lain.

Memang pihak kerajaan menerusi satu kementerian multimediana cuba untuk mengadakan rang undang-undang dari segi menjaga data peribadi ini tetapi pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kecanggihan, kepintaran manusia ini, apa sahaja akta, apa sahaja undang-undang, apa sahaja sistem yang wujud, bagaimana tebalnya *fire wall*, dengan izin, yang diadakan di dalam satu-satu sistem dia boleh tembusi, dia boleh cerobohi.

Sehinggakan kini, Tuan Yang di-Pertua, setelah jatuhnya kapal terbang pejuang China yang berlanggar dengan kapal terbang perisik daripada Amerika Syarikat, wujud satu perang cyber antara China dengan Amerika Syarikat. Dia berperang-perang, membunuh, mencerobohi sistem masing-masing, berlaku dan sekarang ini dia sudah *surrender*, entah siapa *surrender* dahulu, saya tidak tahu.

Jadi, kita hendak tahulah maklumat yang sekarang ini diswastakan oleh pihak Kementerian Pengangkutan menerusi Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan ini, apabila ianya diswastakan adakah pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab bagi menentukan maklumat-maklumat itu tidak disalahgunakan kepada mereka yang mengendalikan maklumat-maklumat baru ini.

Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita semua merasa bimbang, dahulu saya dengar sahabat saya yang *expert* di dalam IT ini dia ada menyebut, ICT ini berkemungkinan para penjual-penjual ini secara mengutip data-data peribadi untuk memasarkan produk masing-masing. Tengok saya sekarang ini banyak terima surat di dalam peti surat yang saya tidak tahu daripada mana dan macam mana dia dapat alamat kita itu.

Saya hairan, saya tidak pernah beritahu sesiapa dari segi boleh menggunakan maklumat, mungkin daripada kad-kad kredit, saya tidak tahu. Tetapi sekarang ini sudah banyak, surat-surat daripada pelbagai syarikat, pelbagai jenis rupa produk yang hendak dijual kepada kita dengan alamat secara *detail*, mestinya diperolehi daripada satu-satu tempat, sesuatu sumber tanpa mendapat pengesahan daripada kita, tanpa dapat persetujuan daripada kita.

Jadi, wujud sekarang ini penggunaan maklumat tanpa izin, maknanya kalau sekiranya pendatang itu, pendatang tanpa izin, pendatang haram, sekarang ini maklumat haram. Sudah sampai kepada mereka yang tidak bertanggungjawab, digunakan secara haram untuk kepentingan, *bottom linenya*, *profitnya*, keuntungannya. Jadi, perkara semacam ini, saya tidak tahulah macam mana JPJ yang menswastakan sistem ini dapat mengawasinya.

Dan, pada masa yang sama, saya ingin tahu juga kerana tidak disebutkan di dalam pembentangan Rang Undang-undang ini, berapakah, dengan izin, *cost saving*, berapakah kewangan yang boleh diselamatkan oleh pihak kerajaan dengan mengadakan sistem ini, yang diswastakan, berapa ramaikah pegawai-pegawai yang sekarang ini wujud di pendaftaran misalnya ataupun wujud dari segi pelesenan yang terpaksa diberhentikan atau diserahkan kepada pihak swasta, disubkan kepada pihak swasta bagi menentukan mereka ini terus mendapat pekerjaan, sampai dia pencen.

Pada masa yang sama, berapa banyakkah sumber kewangan yang boleh diterima oleh pihak kerajaan melalui sistem yang ada ini, sistem yang hendak diubah ini, kerana sistem ini memang canggih, tetapi keuntungan daripada kita. Dahulu kita membaca dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, pihak Economic Planning Unit (EPU) ada memberitahu kepada kita, sungguhpun penswastaan dijalankan secara besar-besaran oleh pihak kerajaan dengan menyelamatkan kos dari segi pembangunan dan juga kos pengurusan, kita dapati faedahnya dari segi menepati Dasar Ekonomi Baru di mana bumiputera sekurang-kurangnya menguasai 30%, tidak sebegitu rupa.

Saya diberitahu, pihak bumiputera hanya mendapat 28% sahaja daripada sistem penswastaan ini dan juga dari segi kontrak-kontrak yang di bawahnya pun bumiputera tidak dapat sampai 30%. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, siapa, syarikat manakah, kalau sekiranya telah pun dibuat, syarikat mana yang telah menerima, yang mendapat projek ini, projek penswastaan ini kerana kita baru sahaja buat kad pintar, saya tidak tahu syarikat mana yang dapat projek ini dan, kos perbelanjaan yang terpaksa dibiayai oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mahu pihak kerajaan, apabila menswastakan, macam JPJ dia ada bidang-bidang untuk diswastakan termasuklah juga memeriksa kereta-kereta tua, kereta-kereta sudah berumur, PUSPAKOM – kegiatan itu pun

diswastakan ke PUSPAKOM, dan banyak cerita-cerita di mana orang ramai tidak puas hati kadangkala dengan PUSPAKOM.

Jadi, saya tidak mahulah juga, tidak puas hati ini merebak ke cawangan-cawangan baru, ke bidang-bidang baru yang hendak diswastakan. Kerana penswastakan ini kita hendak bukan sahaja mengurangkan kos kerajaan dan mengurangkan kos pembangunan yang akan dibebankan oleh pihak kerajaan tetapi menentukan orang ramai, pengguna sentiasa diambil kira dari segi kepentingan mereka, dan dimudahkan cara pengurusan mereka, mestilah dia *consumer friendly*, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya, ia kad pintar dan juga ia mempunyai semangat hubungkaitnya dengan baik, dengan pengguna-pengguna ini.

Jadi, kalau banyak kompelin besok, yang susah ialah pihak kerajaan sendiri pada akhirnya. Pasal kerajaan sendiri yang menswastakan sesuatu perkara itu. Jadi, kalau orang tidak suka, dan saya tidak mahulah besok, Tuan Yang di-Pertua, apa yang diswastakan terpaksa diambil balik oleh pihak kerajaan. Sekarang sudah ada dua, tiga projek yang diswastakan oleh kerajaan, terpaksa diambil balik oleh pihak kerajaan kerana apa yang diswastakan itu tidak memuaskan dari segi hasilnya. Jadi, ini saya bimbang.

Dan, juga dari segi pelesenan kereta ini, Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan wujudnya sistem yang canggih ini tidak ada kepalsuan mana-mana dokumen, pasal itu ia canggih dan ia pun tinggi dari segi kosnya, pasal apabila ia diswastakan. Tetapi tidak wujud pemalsuan. Kita tidak tahu projek yang kita hendak kita swastakan ini mungkin ada pula satu lagi cara, macam *hacking* ini, yang dibuat oleh komputer ini, orang boleh menembusi dan mengeluarkan pula, macam ATM palsu, yang mana duit sudah berjuta-juta sudah keluar daripada sistem perbankan, besok banyaknya lesen-lesen palsu keluar melalui sistem ini.

Jadi, adakah ianya memang sudah jadi *full prove*, dari segi pemalsuan ini, memang tidak boleh diserang dan dicerobohi. Kalau tidak, kita akan mendapat satu lagi masalah yang baru. Projek baru, masalah baru, dan masalah ini lebih susah untuk dikesan kerana ianya merupakan satu perkara yang canggih, iapun boleh buat cara yang canggih juga. Jadi, ini satu kemusykilan yang terpaksa pihak kerajaan mengaturkan langkah-langkah untuk mengatasinya supaya tidak wujud perkara-perkara *duplicate* ataupun peniruan dan pencerobohan oleh pihak-pihak yang begitu canggih sekarang ini wujud di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan dengan kegiatan-kegiatan yang meningkat menerusi Rancangan Malaysia Kelapan ini, program-program JPJ yang selama ini kita sanjung tinggi dapat mengatur cara macam mana menyelamatkan keadaan jalan raya. Kalau sekiranya kad pintar ini, bolehkah ia menampakkan kalau seseorang itu melakukan kesalahan *pointpoint* yang hendak kita beri penalti kepada pemandu-pemandu yang bukan sahaja, kalau rasa saya kalau melanggar syarat kelajuan ini, itu patut dimaafkan kerana saya tengok baru-baru ini banyak sangat surat-surat yang beregister datang ke rumah saya. Rupanya surat saman kerana kelajuan.

Jadi, kelajuan ini pun satu hal, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok jalan-jalan raya terutama sekali jalan raya hendak pergi ke Pahang, dahulu kita boleh lajunya sampai 110 kilometer sejam. Sekarang ini setelah diperbesarkan, diperbaiki, hanya 90 kilometer sejam sahaja, maknanya makin berkurang. Dan, kalau saya bandingkan jalan hendak pergi ke sebelah kampung Yang Berhormat Dato' Ghazi, ke utara itu, kampung ke Kedah, 110 sepanjang jalan kebanyakannya 110. Hendak pergi ke Pahang sampai ke Karak, ia *highwaynya* sampai ke Karak, sebelum MTD membuat hendak sampai ke Kuantan, 110, begitu tersekat-sekat. Kebanyakannya 60 dan 90 kilometer sejam. Jadi, saya tidak faham bagaimana ia boleh mengurangkan, dahulu jalan kecil tetapi lebih laju, dan bila masuk ke jalan lama, dia balik pula ke 110, ini menghairankan saya.

Dato' Poo, dari Bentong – dia tidak ada di sini, dia sudah balik – dia mesti mengetahui kerana dia tiap-tiap pagi datang ke Dewan ini dari Bentong, menerusi jalan yang saya sebutkan tadi. Jadi, penalti daripada pengguna-pengguna jalan raya, adakah ianya secara mudah untuk boleh dimasukkan ke dalam kad pintar ini besok supaya bila polis *check* sahaja, saya diberi *reader*, Tuan Yang di-Pertua, bila *check* sahaja kita tahu, lesen kita ini, macam di UK, kalau sekiranya kita membuat sesuatu kesalahan, dia ada *point-point* sistemnya. Sampai 12 mata, lesen pun di gantung terus. Jadi, di sini saya tidak berapa tahu adakah perkara yang sama kita buat dan bila kita buat, kita pastikan ianya berjalan dengan baik. Kerana jalan raya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, lebih banyak mangsa kematian daripada penyakit-penyakit lain kerana terutama sekali yang kita tahu pada masa perayaan. Sungguhpun banyak polis mengawasinya tetapi ianya masih meningkat. Jadi, sistem pengawasan menerusi kad pintar ini, saya minta boleh dapat menentukan pemandu-pemandu yang bermasalah, mata-matanya dikumpulkan di situ dan

apabila sampai secara automatik ianya pupuslah ataupun ia terbakarlah. Saya tidak tahulah benda di dalam itu, kita buat cara macam mana.

Tetapi yang saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua, apabila kad pintar ini wujud dengan adanya lesen, dengan adanya kad pengenalan, apabila salah satu daripada bidang penggunaannya itu rosak, macam katakanlah kad pengenalan kita okey, tetapi dari segi lesen memandu di dalam kad itu, bukan rosak ataupun mati ataupun gagal ataupun digantung, macam mana ianya boleh dibuktikan oleh *reader* itu, saya tidak faham. Kerana katakanlah lesen mati tahun 2004, mungkin sebelum dia mati kita pergi balik, dia perbaharui tetapi pada masa yang sama, bila kita mempunyai masalah, adakah ianya secara automatik membatalkan lesen itu. Apabila saya sebutkan tadi, bila sampai kepada 12 *point* katakanlah had maksimumnya, adakah dia secara automatik terbatal dan tidak boleh lagi digunakan atau bila digunakan pihak polis tahu yang bila dia masuk ke *reader* itu, bermakna lesen ini telah dibatalkan oleh JPJ pasal JPJ pada waktu itu mungkin tidak ada *control* lagi. Mungkin pihak swasta atau pihak yang berkuasa lain.

Jadi, saya mintalah pengawasan berterusan antara kementerian dengan mereka yang mengawasi sistem-sistem yang diswastakan ini dapat terus dihubungkan bagi menentukan pemantauan wujud, bagi menentukan pengguna-pengguna yang dahulunya selesa dengan cara lama tetapi, dengan cara baru pun juga mereka turut selesa. Jadi, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Puan Chew Poh Thoi: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini di mana ia akan membolehkan perkhidmatan pengeluaran lesen memandu diswastakan. Di sini, saya ingin tahu sama ada kerja-kerja persediaan telah siap di mana pihak penguasa mempunyai kebolehan memantau dan mencegah sebarang kes pemalsuan. Kita biasa dengar kes pasport hilang dan data-data peribadi seseorang dalam pasport yang hilang itu digunakan oleh sindiket-sindiket tertentu dijual sebagai pasport tiruan. Adakah kerajaan sedia untuk mengelakkan perkara yang sama tidak berulang lagi pada penswastakan pengeluaran lesen memandu.

Baru-baru ini kes lesen terbang telah menarik perhatian orang ramai. Di sini, saya risau penswastakan akan menyebabkan lebih senang bagi seseorang untuk membeli lesen memandu tanpa menduduki sebarang peperiksaan. Adakah kes

lesen terbang telah selesai ataupun kegiatan sedemikian masih diteruskan? Bagaimana dengan perkembangannya setelah banyak diheboh-hebohkan oleh media? Sudah beberapa bulan kita tidak dengar ataupun baca lagi dalam surat khabar tentang kes lesen terbang. Beberapa pegawai dan juga pengusaha sekolah memandu telahpun didakwa di mahkamah.

Adakah ini menunjukkan kes telah selesai dengan dakwaan tersebut ataupun kes siasatan dan tangkapan masih berterusan? Kes lesen terbang di negara kita bukan sahaja timbul sejak kebelakangan ini tetapi telah wujud bertahun-tahun. Saya juga ingin tahu apa terjadi kepada mereka yang disyaki melibatkan diri dalam sindiket menjual lesen terbang ini tetapi tidak dituduh di mahkamah? Adakah mereka masih berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun sudah menghadapi tindakan disiplin? Jikalau tidak, kes-kes tangkapan lesen terbang tidak akan mendatangkan sebarang amaran kepada mereka yang pernah terlibat.

Dengan tiadanya penguatkuasaan, kegiatan sedemikian akan berlaku lagi. Dengan tiadanya tindakan lanjut yang konsisten, tentulah kegiatan lesen terbang akan kembali. Dengan penswastan pengeluaran lesen, adakah kerajaan berhasrat selesaikan masalah sedemikian dan meningkatkan mutu perkhidmatan pada masa yang sama?

Tuan Yang di-Pertua, sebarang penswastan yang dilaksanakan harus diteliti supaya ia menjimatkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan mutu perkhidmatan dan menyenangkan orang ramai. Sebagai contoh, Pos Malaysia telah memainkan peranan yang begitu bagus apabila ia membenarkan orang ramai memperbaharui lesen memandu dan juga cukai jalan di kaunter pejabat pos. Dengan penswastan, adakah perkhidmatan yang disediakan di pejabat pos diteruskan ataupun tidak?

Saya mendapati perkhidmatan ini amat *convenient*, dengan izin, kepada orang ramai sebab mereka tidak perlu pergi ke JPJ untuk menjalankan urusan sedemikian walaupun Pos Malaysia mengenakan RM2.00 untuk memperbaharui cukai jalan, saya rasa orang ramai turut berpuas hati. Mereka tidak payah mengambil masa lama, berbaris panjang menunggu giliran mereka di kaunter JPJ. Tambahan lagi, saya berpendapat bahawa keselamatan negara juga harus diambil kira. Adakah penswastan ini akan menjejaskan keselamatan negara di mana maklumat-maklumat senang didapati oleh pihak yang tertentu. Saya rasa tidak lama

lagi, orang ramai akan menggunakan kad pintar dan tidak lagi yang menggunakan kad pengenalan.

Kalau tidak silap saya, butir-butir lesen memandu juga akan dimasukkan dalam kad pintar. Dengan adanya perkongsian maklumat, saya bimbang keselamatan negara turut terjejas. Mendapati maklumat seseorang melalui lesen memandu akan merupakan satu perkara begitu senang. Apatah lagi maklumat peribadi yang tercatat dalam kad pengenalan. Kita harus berwaspada sebab sindiket sekarang bukan sahaja menggunakan senjata untuk melakukan sesuatu kes jenayah tetapi dengan alatalat IT yang canggih. Ramai yang hilang wang mereka melalui kad ATM palsu yang ditiru oleh mereka yang menggunakan slip yang dikeluarkan oleh mesin ATM. Banyak kad kredit yang dicuri ataupun ditiru oleh sindiket tertentu mengakibatkan mangsa kehilangan wang tanpa mengetahuinya.

Kes-kes sedemikian membayangkan ciri-ciri keselamatan kad tersebut yang lemah di mana mereka yang pakar dalam bidang IT boleh mengambil kesempatan. Saya berharap penswastaaan pengeluaran lesen memandu tidak akan melibatkan kegiatan-kegiatan yang berunsur jenayah seperti berikut yang membimbangkan rakyat dan juga kerajaan. Di sini, saya juga berharap penswastaaan ini tidak akan membebankan rakyat daripada segi bayaran yang dikenakan.

Sekian sahaja ucapan saya dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Puan Chew Poh Thoi. Dijemput Yang Berhormat Tuan Kee Ah Kow.

4.24 ptg.

Tuan Kee Ah Kow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000. Saya telah menerima banyak aduan daripada calon-calon bahawa mereka terpaksa menunggu selama dua minggu sehingga ke suatu bulan untuk menghadiri ujian lisan ini. Ini jelas menunjukkan bilangan institut memandu yang sedia ada tidak cukup untuk menampung permintaan di pasaran.

Soalan saya, adakah Kementerian Pengangkutan bersedia untuk meneruskan lebih banyak institut memandu yang memohonnya telah dibekukan sejak tahun 1998.

Soalan kedua, saya dapat tahu bahawa JPJ telah meluluskan pembukaan cawangan kepada institut pemandu yang sedia ada melalui dua proses iaitu pembangunan sekolah-sekolah memandu yang sedia ada atau melalui kemasukan

sekolah-sekolah memandu ke dalam institut memandu untuk dijadikan sebagai cawangan. Soalan sekiranya proses dimasukkan saya merasa risau dengan penguasaan institut memandu yang besar seterusnya menjadikan institut ini kekurangan persaingan. Soalan saya adakah kebenaran pembukaan cawangan institut memandu merupakan polisi Kementerian Pengangkutan dan apa pihak Kementerian sedang membawa dengan kurangnya persaingan, kemungkinan institut memandu boleh menaikkan wang belajar memandu dengan sewenang-wenangnya. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Kee Ah Kau. Jemput Yang Berhormat Datuk William Lau.

4.27 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk membuat pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Donald Lim dan Kementerian Pengangkutan di atas usahanya memainkan peranan yang penting penguatkuasaan undang-undang lalu lintas jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini menunjukkan bahawa Kementerian berkenaan amat sedar tentang kepentingan pembangunan teknologi cyberspace sekalipun di dalam bidang pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga dengan Kementerian pengangkutan kerana telah membuat persediaan untuk memasuki era kad pintar dengan memperkenalkan kad atau peranti elektronik pelbagai guna di JPJ. Penggunaan teknologi ini amat dialu-alukan kerana ia akan mewujudkan penguatkuasaan undang-undang pengangkutan jalan di negara ini di samping memudahkan pengguna atau orang ramai berurusan dengan JPJ. Dengan penggunaan kad seperti ini sudah pasti akan meletakkan JPJ dan Kementerian Pengangkutan setapak ke hadapan dalam urusannya secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan dari segi perancangan tidak sama dengan persediaan dari segi pelaksanaan. Sehubungan dengan ini, saya ingin berkongsi pengalaman dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dengan masalah papan nombor elektronik di JPJ di Pertama Kompleks, Kuala Lumpur. Bila papan nombor elektronik ini diperkenalkan ia sangatlah baik. Orang ramai yang ada urusan dengan JPJ datang ke jabatan ini dan mengambil nombor masing-masing.

Kemudian mereka duduk di kerusi yang disediakan sebelum nombor mereka dipanggil. Sistem ini sangat selesa kepada orang ramai dan begitu kemas. Dukacita saya maklumkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sistem nombor ini sering diganggu kerosakan . Apa yang lebih menyedihkan lagi ialah tindakan untuk memperolehi kerosakan ini sangat tidak berkesan. Akibatnya orang ramai terpaksa berbaris panjang untuk berurusan dengan JPJ di Kompleks Pertama. Tidaklah masalah ini boleh diatasi oleh kementerian kerana masalah ini bukanlah suatu masalah yang besar berbanding dengan persediaan untuk membangunkan satu sistem peranti elektronik pelbagai guna. Ini soalan sayalah. Saya kluatir jika masalah kecil seperti ini sukar diatasi bagaimana kementerian boleh menghadapi masalah kerosakan sistem peranti elektronik pelbagai guna yang lebih besar atau dengan izin, *massive*.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan sistem peranti elektronik pelbagai guna yang dicadangkan ini akan juga melibatkan jabatan-jabatan lain seperti polis dan perkhidmatan pos. Saya percaya kementerian telah pun memikirkan infrastruktur yang diperlukan. Hanya saya ingin menambah di sini ialah apakah kita menggunakan sistem elektronik kita tidak boleh dengan tiba-tiba menukar kepada sistem manual kerana akibatnya tersangat menyusahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan pindaan akta pengangkutan jalan ini saya ingin merujuk tiga peruntukan. Yang pertama ialah, di bawah fasal 10 yang bertujuan untuk memasukkan Seksyen 34A(1) dan (2) . Saya tidak ingin membacalah. Apa yang saya ingin tanya di bawah seksyen 34A(1) Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu "Adalah dicadangkan bahawa butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai apa-apa kehilangan kelayakan hendaklah disifatkan telah dibuat jika butir-butir yang perlu di'endorse'kan pada lesen memandu itu telah pun dimasukkan di dalam pangkalan data yang disenggarakan atau bagi pihak ketua pengarah mengenai lesen memandu." Peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa suatu pangkalan data telah diwujudkan oleh ketua pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, jika begini keadaannya saya ingin mengetahui apakah rasionalnya maka pihak ketua pengarah perlu mengarahkan orang yang disabitkan itu supaya menyerahkan kad atau peranti elektronik pelbagai guna miliknya untuk dimasukkan data butir-butir mengenai sabitan atau kehilangan kelayakan orang itu supaya disimpan di dalam kad atau peranti kerana data telah pun dimasukkan ke dalam pangkalan data, dengan izin, *there is the data base to rely on already*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga keadaan nampaknya kuasa ketua pengarah adalah mengikut budi bicaranya seperti ditunjukkan melalui menggunakan perkataan dengan izin, "*may direct*" di bawah seksyen 34A (2) berbanding dengan izin, "*shall direct*."

Tuan Yang di-Pertua, hal ini menyebutkan persoalan saya yang seterusnya iaitu keadaan bagaimanakah yang membolehkan ketua negara meminta kad atau peranti elektronik diserahkan balik. Adakah penyerahan balik hanya diperlukan sekiranya berlaku kesalahan-kesalahan yang serius yang melibatkan kematian sahaja atau apa-apa kesalahan lain. Apakah kriteria bagi panggilan balik kad atau peranti elektronik oleh ketua pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, pemerhatian saya mengenai perkara-perkara di atas terpakai juga kepada Fasal 14 yang bertujuan untuk memasukkan subseksyen (5A) dan subseksyen (5B) di bawah seksyen 41 dan Fasal 15 di mana kedua-dua peruntukan ini bertujuan memasukkan dua peruntukan yang serupa dengan seksyen 34A(1) dan (2).

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kementerian boleh menjelaskan rasionalnya ini bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang suatu isu lagi yang menarik banyak perhatian baru-baru ini tentang sikap pegawai-pegawai di JPJ. Ini memang satu isu yang relevan. Baru-baru ini kita telah mendengar tentang tingkahlaku separuh pegawai JPJ di Kuala Lumpur dan aduan telah dikemukakan kepada pihak kementerian di mana kedua-dua perempuan telah dihalang dari mengambil peperiksaan memandu kereta. Mereka memakai baju yang disifatkan tidak senonoh oleh pegawai di JPJ. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah melahirkan perasaan kurang puas hati dengan sikap pegawai-pegawai tersebut. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pengangkutan kerana telah mengambil tindakan dengan segera. Tindakan itu menunjukkan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. ialah seorang Yang Berhormat, dengan izin, *who means business*.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin mengetahui apa usaha yang diambil oleh pihak kementerian bagi memperbaiki dan menyelesaikan segala kelemahan di JPJ demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang satu isu yang spesifik di mana kebanyakan orang awam telah mendakwa pegawai-pegawai di JPJ tidak menjalankan tugas mereka dengan cekap, berkesan dan berhemah. Saya

boleh memberikan satu contoh di Sarawak tentang pegawai JPJ yang tidak menjalankan tugas dan melaksanakan kewajipan di bawah Kaedah Kereta Motor (Larangan Menggunakan Kaca Tertentu 1991) PU/A 534/94 begitu dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kenderaan yang dimiliki orang awam mungkin dimiliki oleh orang yang kurang baik atau boleh dikenali sebagai samseng yang bercanggah keadaan yang telah saya sebutkan tadi dan kenderaan yang dimiliki oleh mereka tidak ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sama ada mereka menyedari dakwaan bahawa pegawai-pegawai JPJ di Sarawak kurang serius berkhidmat dan cekap dalam menjalankan dan melaksanakan tugas mereka memandangkan masih banyak kenderaan yang mempunyai cermin yang terlalu gelap di Sarawak tidak ditahan sehingga sekarang. Kalau keadaan ini berterusan, bukan saya tetapi kebanyakan orang awam akan hilang kepercayaan mereka terhadap pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pegawai JPJ di Sarawak haruslah mengambil tindakan-tindakan yang keras terhadap sesiapa yang melanggar kaedah mengenai tidak kira siapa mereka. Pihak kementerian haruslah memantau situasi bukan di Sibu atau Sarawak tetapi di seluruh Malaysia supaya semua kenderaan yang mempunyai cermin gelap akan ditahan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000 ini supaya ianya diluluskan dan diimplementasikan demi kebaikan dan kepentingan di sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk William Lau. Jemput Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.42 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan kepada Akta 333. Tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Datuk Lau mengatakan sistem yang ada di sesuatu pejabat JPJ.

Saya juga boleh menambah sedikit pengalaman saya sendiri iaitu di cawangan JPJ di Sungai Dua, Pulau Pinang. Apabila saya ke sana saya telah mengambil nombor 30. Tetapi apabila sampai ke nombor 28 maka sistem itu telah

tergendala dan apabila diperbaiki sistem itu mula dengan satu. Satu, dua, tiga, empat dan sebagainya dan semua pegawai itu telah menunggu sehingga sampai ke tadilah, 29 tetapi bila tidak sampai ke 29 tergendala sekali lagi dan bila diperbaiki maka ia mula dari satu lagi dan lebih kurang 25 minit tiada apa yang telah diproses sungguh pun semua telah bersedia dan semua telah menunggu. Saya telah mengunjungi pegawai itu dan menanya kenapa tidak guna sistem manual kerana begitu ramai orang yang sedang menunggu dan sistem ini nampaknya tidak boleh pakai, mungkin perlu satu sistem yang baru. Tetapi jawapan ialah kena tunggu sistem itu diperbaiki. Tetapi nasib baik selepas itu mereka telah guna sistem manual dan panggil nombor daripada 29.

Jadi inilah satu daripada tambahan kepada apa yang telah diceritakan dan memanglah perkara-perkara ini kalau berlaku memberikan kita satu semangat untuk menswastakan sesuatu perkhidmatan kalau ia tidak begitu memuaskan. Tetapi apabila kita menswastakan sesuatu, kita juga kena lihat dari beberapa segi. Satu daripada segi ialah sama ada sistem yang baru itu di bawah pihak swasta lebih selesa, lebih menguntungkan atau akan membawa lebih kebaikan kalau dibandingkan dengan sistem lama. Bagi saya, sistem yang sedia ada, ada ruang untuk diperbaiki dan bila diswastakan mungkin kita semua harapkan bahawa ini akan membawa lebih keuntungan.

Tetapi kita juga harus mengambil perhatian tentang bilangan pejabat yang akan menguruskan perkara-perkara mengeluarkan lesen ini. Pada masa sekarang oleh kerana perkhidmatan pos itu juga ditambahkan kepada perkhidmatan JPJ maka kita sudah wujudkan satu sistem yang mana ramailah daripada rakyat kita boleh terus ke pejabat pos untuk menjalankan urusan memperbaharui lesen dan sebagainya. Jadi, di bawah penswastaaan ini adakah kementerian juga memberi jaminan servis itu tidak akan kurang daripada apa yang sedia ada dan sama ada contoh tadi tentang sistem memberi nombor, memanggil nombor itu akan digantikan dengan satu sistem yang lebih baik adalah perkara-perkara yang harus diambil perhatian.

Saya juga ingin menyentuh tentang beberapa cadangan tentang tambahan seksyen-seksyen tertentu di bawah fasal 2 iaitu pindaan kepada seksyen 2 tentang pendaftaran berlesen. Saya difahamkan tadi mengikut keterangan semasa Yang Berhormat Tuan Lim membentangkan bahawa dalam sistem yang dicadangkan itu sistem penswastaaan ini maka satu syarikat akan dipinta untuk mengendalikan

sistem baru ini. Tetapi kita lihat seksyen 2 tentang pendaftar berlesen itu ialah seseorang bukan sesuatu syarikat, seseorang itu diberi kuasa sebagai pendaftar berlesen. Jadi, adakah kerajaan tertakluk kepada pelantikan orang-orang daripada syarikat, orang yang dilantik di dalam syarikat itu akan dijadikan pendaftar berlesen. Adakah kerajaan mempunyai kuasa untuk menolak seseorang itu kalau didapati orang itu tidak sesuai. Memang kita melantik syarikat itu tetapi apabila pegawai-pegawai daripada syarikat itu dikenal pasti sebagai pendaftar berlesen adakah kerajaan mempunyai kuasa untuk menolak pelantikan orang berkenaan.

Saya bangkitkan perkara ini oleh kerana di bawah Kementerian Pendidikan ada undang-undang yang menyatakan bagi seseorang CEO untuk sesuatu institusi IPTS. Sungguhpun tuan punya institusi itu melantik seseorang sebagai Presiden atau CEO IPTS, tetapi kalau kementerian tidak memberi kelulusan maka orang ini tidak boleh memegang jawatan sebagai CEO atau Presiden sesuatu IPTS. Ini telah memberikan kuasa kepada kerajaan supaya mengawasi orang yang berkenaan kerana ini dilantik oleh badan yang diberi penswastaan itu tetapi orang-orang tertentu pegawai mereka mungkin mempunyai rekod-rekod yang tidak begitu baik dan sebagainya.

Oleh kerana itu saya kawatir kalau kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menolak orang itu sebagai orang yang tidak sesuai. Maka mungkin ini akan menjejaskan sistem pelaksanaan kerana pendaftar yang berlesen itu sebenarnya di beri kuasa sebagai seorang Pengarah JPJ untuk mengeluarkan lesen. Ini adalah pindaan kepada seksyen 2 yang telah dicadangkan itu.

Saya juga menambah sedikit apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Lau tadi tentang seksyen 34A iaitu Fasal 10. Di bawah Fasal 10 ini kita diberitahu bahawa seseorang yang bersabit salah di bawah mahkamah perlu menyerahkan lesen atau kad peranti elektronik pelbagai guna itu kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan ini bertujuan untuk memasukkan data-data berkenaan kepada kad itu. Semasa itu di bawah seksyen 41 5A juga ada disebutkan bahawa Pengarah JPJ itu boleh juga mengubah maklumat yang ada dalam daftar mereka itu dan selepas itu di bawah 5B itu pemandu yang berkenaan bolehlah diminta menyerahkan kad pintar.

Apa yang menjadi keraguan saya sungguhpun saya tahu kenapa kad ini perlu diserahkan iaitu untuk memasukkan maklumat yang bersabit dengan kesalahan yang dilakukan itu tetapi apa yang dikatakan ialah orang ini boleh

diminta untuk menyerahkan. Apa akan berlaku kalau orang ini tidak menyerahkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Katakan orang ini tidak menyerahkan dan kalau ia tidak menyerahkan mungkin kesalahan yang dilakukan itu ialah satu kesalahan yang sangat serius dan apabila maklumat itu tidak terdapat dalam kad itu sungguhpun ada dalam rekod pangkalan data di pejabat tetapi oleh kerana tidak ada dalam kad yang dibawa oleh orang ini maka pihak-pihak lain seperti polis dan sebagainya mungkin tidak tahu bahawa sudah ada kesalahan dan mungkin kesalahan itu adalah satu kesalahan yang sangat serius. Jadi, kalau ini berlaku adakah pemandu itu menjadi satu orang yang berbahaya kepada pengguna-pengguna jalan yang lain. Ini satu cara yang harus kita meneliti untuk menentukan apabila diminta menyerahkan kad itu maka orang ini akan mengikut arahan dan tidak mengatakan tidak dan ia tidak menghiraukan dan tidak ada apa-apa tindakan pula yang diambil.

Saya juga tidak terbaca apa tindakan yang boleh diambil terhadap sesuatu pihak yang tidak mengikut arahan itu. Kerana apa yang disebutkan 5B itu ialah boleh meminta kalau itu selalu dianggap sebagai tidak begitu tegas tetapi kalau orang itu dimestikan menyerah, maka dari segi undang-undang dia ada maksud yang lain.

Komen saya tentang satu fasal lagi ialah Fasal 17, pindaan kepada Seksyen 58(2) iaitu untuk mengambil kira kes di mana orang itu telah serahkan kad kepada pihak ini dan pihak berkuasa itu masih memegang kad itu dan kad itu belum dikembalikan. Sungguhpun dalam seksyen yang baru 34A itu ada dikatakan selepas diguna "dengan serta merta dikembalikan kepada pihak pemegang kad itu." Ada dikatakan "dengan serta merta dikembalikan." Tetapi dalam situasi di mana kad ini lambat dikembalikan, bagi saya ini akan menimbulkan satu masalah yang besar kepada pemegang kad kerana pada ketika itu ia tidak ada kad, bermakna maklumat lain tidak ada dan kad ini mengandungi maklumat dari dua jabatan kerajaan iaitu JPJ dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi dua-dua itu berkongsi maklumat dalam kad pintar itu. Apabila kad itu diserahkan kepada pihak JPJ orang ini sekarang tidak ada kad sungguhpun sementara sahaja. Bila saya semak sama ada peruntukan untuk mengeluarkan satu resit sementara atau satu kad sementara untuk membuktikan orang itu telah serahkan kad kepada pihak berkuasa tetapi nampaknya tidak ada peruntukan untuk satu dokumen sementara yang boleh dibawa oleh orang ini kalau menghadapi masalah, mungkin dia boleh tunjuk bahawa sebenarnya bukan

dia tidak bawa kad tetapi kad itu telah dipegang oleh pihak yang berkuasa dan ia sedang menunggu kad itu dikembalikan.

Sungguhpun dalam cadangan pindaan kepada Seksyen 58(2) itu menyatakan orang ini dari segi undang-undang tidak bersalah kerana ia dalam satu keadaan yang luar daripada kawalan dia. Tetapi oleh kerana ketiadaan kad itu, memang ini akan menyusahkan dia. Katakan kad dia diserahkan di Pulau Pinang dan dia ada urusan di Johor dan dari Pulau Pinang terus ke Johor dan apabila ada di Johor maka polis telah minta periksa kad ini dan ia tidak ada apa-apa dokumen yang kena ditunjukkan. Mungkin polis kata, saya beri 24 jam dan kena serahkan kad ini, kena tunjuk sama ada ada IC atau tidak ada. Bagi kes-kes sedemikian, orang ini mungkin kena balik ke Pulau Pinang, lepas itu balik ke Johor lagi untuk membereskan sesuatu perkara yang tidak patut menyusahkan orang ini. Kalau kita ada satu dokumen yang menyatakan kad ini telah diserahkan kepada pihak JPJ atas seksyen-seksyen tertentu undang-undang ini dan sekarang kita satu dokumen sementara untuk membolehkan orang ini mengatasi sebarang masalah yang mungkin berlaku deh kerana ketiadaan kad semasa dia dalam perjalanan jauh daripada tempat yang mana dia telah serahkan kad ini.

Saya juga membaca dalam pindaan kepada Seksyen 29 ini iaitu Subseksyen 3 iaitu yang menyatakan "Sesuatu lesen belajar memandu yang diberikan di bawah Subseksyen 2 hendaklah dikeluarkan oleh pendaftar berlesen dalam bentuk yang ditetapkan." Dari bacaan ini, saya mungkin mentakrifkan ini sebagai JPJ dari segi ujian memandu itu tidak akan menswastakan perkara ini. Dari segi ujian pemandu ini masih dalam kuasa JPJ. Kalau tafsiran saya itu betul, ini bagi saya adalah satu perkembangan yang baik oleh kerana kita tidak mahu keadaan yang mana pihak swasta ini diberi kuasa juga untuk menjalankan ujian memandu dan selepas itu mengeluarkan lesen. Adalah lebih baik urusan ini masih dalam kawalan kerajaan kerana kita tahu apabila di bawah kawalan kerajaan, ia akan mengawasi perkara ini dengan lebih baik dan kita tidak boleh ada tolak ansur di bawah perkara ini oleh kerana ia melibatkan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Saya harap tafsiran saya itu betul dan kerajaan tidaklah bercadang untuk menswastakan ujian kepada seseorang pemandu. Saya juga harap kerajaan akan mengadakan koordinasi yang baik di antara JPJ dengan Jabatan Pendaftaran Negara oleh kerana kad itu mengandungi maklumat daripada kedua-dua pihak ini.

Kita sering mendengar salah faham di antara jabatan-jabatan kerajaan selalunya bila sesuatu berlaku, sebagai contoh kebelakangan ini apabila banjir berlaku di Kuala Lumpur, Datuk Bandar kata ini bukan perkara Bandaraya dan selepas itu pihak JPS telah disalahkan dan pihak JPS menyatakan ini bukan masalah mereka dan biasanya ini berlaku bukan sahaja dalam kes ini tetapi dalam kes-kes yang lain. Kita selalu mendengar cerita sedemikian. Oleh kerana kad yang dikeluarkan itu berkongsi maklumat, saya harap satu kefahaman dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua jabatan ini boleh diwujudkan supaya tidak akan menyusahkan pengguna-pengguna kad ini dan juga satu lagi jabatan iaitu Imigresen pun akan terlibat sekiranya rekod-rekod dalam pasport itu juga dimasukkan dalam kad pintar.

Oleh yang demikian, saya sangat berharap dengan perkembangan yang baru ini masalah-masalah yang mungkin wujud itu diberi perhatian. Kita tidak mahu berlakunya baru-baru ini yang mana orang yang menggunakan pasport baru itu pun menghadapi masalah tentang perkataan sama ada perlu ada anak lelaki, anak perempuan dalam pasport itu dan sama ada mereka memahami pasport itu tidak ada cop dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara yang kita sebutkan sebagai, dengan izin, teething problem, tetapi kalau kita telah mengambil kira perkara-perkara ini mungkin ia tidak akan berlaku.

Jadi, saya sokong bahawa rang undang-undang ini dipinda seperti yang telah disarankan, tetapi saya harap Kementerian akan mengambil kira semua aspek yang telah dibentangkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

5.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000 ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman membangkitkan perkara mengenai kad pintar atau government multi-purpose card (GMPC). Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek GMPC merupakan salah satu daripada flagship yang telah dikenal pasti oleh kerajaan untuk dilaksanakan di dalam usaha untuk membangunkan kawasan Koridor Raya Multimedia negara ini. Projek GMPC ini akan dikendalikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Projek GMPC akan

melibatkan penggabungan beberapa dokumen kerajaan yang selama ini dikeluarkan secara berasingan. Dokumen yang dimaksudkan adalah kad pengenalan, kad memandu termasuk bukti-bukti penguatkuasaan seperti saman dan mata demerit dan aplikasi Jabatan Imigresen dalam bentuk bukti-bukti passport bagi kemasukan melalui autogate, juga termasuk opsyen untuk memasukkan butir-butir kesihatan seseorang.

Dengan penggabungan ini bermakna sumber dan berkaitan dengan bimetric, iaitu nama KP, gambar dan lain-lain akan disumbangkan oleh JPN, manakala data berkaitan dengan lesen akan disumbangkan oleh JPJ dalam bentuk chip dan akan melibatkan lesen-lesen seperti lesen memandu competence, lesen memandu percubaan, lesen memandu vokasional iaitu PSV dan GDL. Manakala opsyen adalah diberi kepada pemegang lesen sahaja memandu untuk memilih sama ada untuk menggunakan GPMC atau lesen jenis laminated seperti yang sedia ada.

Butir-butir lesen memandu yang disimpan di dalam chip atau GPMC hanyalah boleh dibaca oleh alat yang diberi nama cad acceptance devise (CAD). Ini bermakna sesiapa yang ingin membaca kad ini perlu ada CAD tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Aturan Urusan Mesyuarat akan datang, Kementerian Dalam Negeri akan membentangkan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara 2000. Saya ingat lebih more detail akan dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman membangkitkan penswastan, adakah kerajaan meneliti dengan sempurna. Cadangan penswastan aktiviti JPJ ini telah dikendalikan oleh Bahagian Penswastan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Cadangan ini telah diteliti dengan sempurna dalam tempoh tiga tahun dan kuasa yang cukup adalah diberikan kepada JPJ untuk mengawal selia penswastan ini dengan rapi. Kerajaan akan juga memastikan Bahagian Kawal Selia yang kukuh ditubuhkan di JPJ untuk meneliti aktiviti penswastan ini. Tindakan yang sama juga sedang diambil oleh agensi pusat untuk meneliti kekuatan kawal selia dengan baik di semua projek penswastan dan mengukuhkannya bagi menjalankan tugas-tugas mereka sebagai watch-dog kerajaan dengan berkesan. Di antara contoh penswastan yang berjaya dan membawa faedah kepada rakyat ialah Pos Malaysia, Malaysia Airport Berhad, TNB, Telekom, Syarikat Percetakan Nasional, Pelabuhan Klang Utara dan Barat serta Pelabuhan Tanjong Pelepas. Kerajaan adalah kuasa penuh di dalam

menentukan kadar bayaran, pihak swasta hanya bertanggungjawab menguruskan hasil kutipan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi membangkitkan adakah pejabat baru akan ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat, dijangka penswastaan aktiviti ini akan membawa pelbagai kemudahan baru dan faedah kepada rakyat termasuk

- (i) kaunter yang lebih selesa;
- (ii) 20 buah pejabat baru akan dibina dalam tempoh penswastaan iaitu 15 tahun;
- (iii) nombor plate peribadi akan diperkenalkan;
- (iv) tambahan kakitangan dan peralatan;
- (v) kemudahan pertukaran nombor antara kenderaan lama.

Proses kerja yang utamakan rangkaian ICT akan bertambah licin. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk William Lau dan Dato' Dr. Chin memang masalah yang terperinci. Kementerian akan siasat perkara ini.

Yang Berhormat Datuk William Lau dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membangkitkan kualiti servis. Kualiti perkhidmatan akan dipertingkatkan selepas penswastaan kerana jumlah pejabat, bilangan kakitangan, bilangan kaunter dan lain-lain akan ditingkatkan. Syarikat konsesi adalah juga tertakluk kepada arahan jabatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan akan terus dikuatkuasakan oleh jabatan tersebut. Bahagian Kawal Selia Khas akan juga ditubuhkan di bahagian kewangan dan juga di bahagian pelesenan bagi mengawasi syarat-syarat dan terma perjanjian konsesi serta piawaian dan piagam pelanggan bahagian ditetapkan. Syarikat konsesi diminta menepati dan mengikuti piagam pelanggan yang sedia ada secara terus menerus. Bagi memastikan pihak syarikat mencapai tahap perkhidmatan berkualiti, syarikat swasta adalah komited untuk mencapai ISO seperti yang terdapat di dalam perjanjian konsesi. Sebarang penurunan dari segi prestasi dan kualiti perkhidmatan, maka pihak syarikat akan dikenakan tindakan penalti mengikut kadar yang terdapat di dalam perjanjian konsesi.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman ada membangkitkan berapakah kakitangan akan diserahkan kepada syarikat penswastaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dijangka sejumlah 1,737 kakitangan awam akan menyertai penswastaan ini. Pertambahan pejabat, peralatan dan kerja-kerja penyelenggaraan, gaji kakitangan dan lain-lain tanggungan akan diserahkan kepada

syarikat konsesi. Hasil kutipan adalah masih hasil kerajaan di mana syarikat konsesi diminta kredit semula hasil kepada akaun kerajaan di mana denda 1% sehari berdasarkan nilai kutipan akan dikenakan ke atas sebarang kelewatan yang berlaku dan jika kelewatan tersebut adalah melebihi enam hari, kerajaan berhak merampas bon jaminan RM50 juta yang akan diberikan oleh syarikat konsesi, di samping mengambil tindakan menambahkan perjanjian konsesi dan membatalkan lesen yang berkenaan.

Mengenai kakitangan JPJ yang memilih option untuk mengikuti syarikat konsesi tidak layak untuk menerima kenaikan gaji yang diberi kepada kakitangan perkhidmatan awam selepas mereka berkhidmat di swasta. Ini adalah kerana mereka akan diberi kenaikan gaji sebanyak 17.5% dan tidak boleh ditamatkan perkhidmatan untuk tempoh lima tahun kecuali jika mereka melakukan penyelewengan. Sebarang kenaikan gaji kakitangan awam yang telah memilih untuk memasuki penswastaan adalah tertakluk kepada pihak syarikat.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga bertanya syarikat-syarikat konsesi yang akan mendapat penswastaan ini. Nama syarikat ialah Urus Daftar Automatik Berkomputer Sendirian Berhad adalah subsidiari DRB HICOM.

Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi membangkit soalan mengenai lesen terbang. Mengikut maklumat-maklumat yang diterima daripada BPR jumlah pemegang lesen terbang yang telah menyerahkan lesen terbang mereka sehingga 16 Oktober 2000 ialah sebanyak 3,664. Jumlah pemegang lesen yang telah menyerahkan lesen terbang semasa tempoh pengampunan mulai 17 Oktober 2000 hingga 17 November 2000 ialah seramai 456 orang sahaja. Ini menjadikan jumlah pemegang lesen terbang yang telah menyerahkan lesen terbang sehingga 17 November 2000 ialah seramai 4,120 orang pemegang lesen. Sehubungan ini JPJ memaklumkan sehingga kini BPR masih belum mengemukakan laporan lengkap hasil siasatan mengenai isu lesen terbang ini.

Bagi menggalakkan pemegang lesen terbang menyerahkan lesen mereka kepada BPR bagi membolehkan BPR menjalankan siasatan mereka, kelonggaran ini telah diberi kepada mereka yang terlibat dan jumlah yang ada disebutkan tadi.

Langkah-langkah yang akan diambil oleh JPJ untuk mengatasi isu ini:

- (i) menubuhkan pasukan pengujian rayuan khas yang bertanggungjawab untuk menjalankan ujian semula jika

- terdapat calon yang mengadu digagalkan kerana enggan bekerjasama bagi mendapatkan lesen secara murah;
- (ii) menubuhkan pasukan tindakan khas yang bertanggungjawab melakukan lawatan dan siasatan mengejut dari masa ke semasa ke institut memandu;
 - (iii) mengadakan pemeriksaan kurikulum pendidikan pemandu berkomputer yang telah dilaksanakan;
 - (iv) mengemaskini sistem pusingan tugas penguji JPJ yang telah dilaksanakan sebelum ini dari segi pelaksanaannya; dan
 - (v) memperbaiki proses penetapan ujian pemarkahan calon melalui memperkemas prosedur penetapan ujian undang-undang supaya calon tambah tidak memasukkan dan secara senarai secara bebas oleh institut pemandu dan sekolah memandu. Proses pemarkahan juga akan dikemas kini bagi menggalakkan ruang manipulasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sesiapa yang terbukti menggunakan lesen terbang dan gagal memberikan kerjasama kepada pihak JPJ atau BPR, lesen mereka akan dibatalkan dan mereka akan disenaraihitam sehingga tempoh 12 tahun. Mereka yang disyaki akan dikenakan tindakan mahkamah mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961 (Pindaan) 1997.

Setakat ini 56 orang termasuk 18 pegawai JPJ ditahan ekoran terbongkarnya kegiatan menjual lesen terbang itu. Daripada 18 pegawai itu empat pegawai JPJ telah didakwa di mahkamah manakala seorang lagi dijatuhi hukuman penjara dan denda. Seramai 38 orang lagi yang ditahan ialah pengusaha sekolah latihan memandu dan sepuluh daripada mereka telah didakwa di mahkamah.

Yang Berhormat Datuk William Lau membangkitkan masalah cermin gelap. Tuan Yang di-Pertua, JPJ telah memutuskan bahawa cermin gelap yang disahkan pada masa ini ialah 50% cahaya mesti boleh masuk ke kereta. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai cermin gelap di Sarawak, kementerian akan mengambil siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan masalah bolehkah orang ramai membayar bayaran cukai jalan di pejabat pos. Kemudahan pembayaran pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan di pejabat pos akan masih diteruskan selepas penswastan di samping pihak syarikat swasta dan

pejabat pos yang menyediakan kemudahan perkhidmatan bayaran cukai jalan dan lesen memandu, rakyat juga boleh memanfaatkan kemudahan dan perkhidmatan tersebut melalui saluran-saluran elektronik yang disediakan di bawah program e-government.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membangkitkan perkara mengenai pindaan seksyen itu, adakah kerajaan ada kuasa atau JPJ ada kuasa untuk menentukan sesiapa akan jadi Pendaftar Lesen. Memang kerajaan dan juga JPJ akan menentukan sesiapa untuk menjadi Pendaftar Lesen.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk William Lau dan juga Dato' Dr. Chin, mengenai pindaan 34(A). Pindaan seksyen ini adalah bertujuan membenarkan Pendaftar berlesen membuat pengendorsan ke atas lesen memandu seperti yang diarahkan oleh Pengarah akibat daripada keputusan mahkamah ke atas lesen-lesen memandu yang menggunakan kad pelbagai guna.

Oleh itu, sesiapa pun tidak boleh, pegawai pun tidak boleh menyimpan kad itu dengan lama. Mereka hanya boleh menyimpan kesalahan-kesalahan itu di dalam chip kad pintar itu dengan segera selepas simpankan data kod itu akan dikembalikan. Oleh itu, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidaklah berbangkit.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput ada laluan, Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak sedikit penjelasan, adakah itu bermakna kalau kita serahkan macam tadi, saya ambil kad saya ke monitor itu dan saya bawa passport saya dan saya beri kedua-dua dokumen itu dan saya tidak perlu lima minit pun saya telah dikembalikan dokumen tersebut.

Jadi, adakah ini bermaksud kalau orang itu serahkan kad kepada pejabat yang berkenaan, dengan serta merta maklumat itu dimasukkan dan mungkin tunggu lima, sepuluh minit, ia boleh dikembalikan kad berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Memang penjelasan yang lebih teliti, saya tidak dapat memberikan, tetapi dalam rang undang-undang yang akan datang aturan mesyuarat Jabatan Pendaftaran Negara akan membangkitkan perkara kad pintar ini. Saya harap Yang Berhormat boleh bertanya soalan ini dan merujuk kepada mereka.

Yang Berhormat Tuan George Kee telah membangkitkan masalah berkaitan dengan sekolah memandu. Jawapannya ialah tambahan kepada institut memandu yang sedia ada hanya boleh dibuat setelah kajian dibuat oleh JPJ dengan teliti dan terbukti ianya diperlukan. Kerajaan sememangnya mengharapkan penggabungan institut memandu untuk menambahkan institut mereka supaya melipatgandakan perkhidmatan yang lebih baik akan diberi kepada rakyat.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan, sekiranya ada apa yang saya tidak dapat jawab pada setakat ini, kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup, maka dengan ini mesyuarat Dewan ini ditangguhkan ke hari esok, hari Rabu, 23 Mei 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

- “ Dr. Charlie Chau -Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- " Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid III**Bil. 9****Selasa****22 Mei 2001**

K A N D U N G A N**MENGANGKAT SUMPAH:**

Yang Berhormat Tuan Appala Naidu A/L Rajoo (Halaman 1)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 -2010) (Halaman 25)

RANG-UNDANG-UNDANG:

Rang Undang -undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000 (Halaman 90)